

**TERJEMAHAN SURAH AL-QIYAMAH KE BAHASA MELAYU:
SATU ANALISIS PERBANDINGAN**

AZMI BIN SUBHI

**FAKULTI BAHASA DA LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**TERJEMAHAN SURAH AL-QIYAMAH KE BAHASA MELAYU:
SATU ANALISIS PERBANDINGAN**

AZMI BIN SUBHI

TGA 070026

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

JAN 2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Azmi Bin Subhi

No. K/P : 690806-10-5241

No. Matrik : TGA 070026.

Nama Ijazah : Sarjana Pengajian Bahasa Moden

Tajuk ~~Kertas Projek / Laporan Penyelidikan~~ / Disertasi / Tesis (“ Hasil Kerja”):

Terjemahan Surah Al Qiyamah ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan

Bidang Penyelidikan : Terjemahan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk Hasil Kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta Hasil Kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja ini kepada university Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta Hasil Kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama : Dr. MAT TAIB BIN PA

Jawatan : Pensyarah/Penyelia

ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus kepada analisis perbandingan terjemahan antara dua buah kitab terjemahan al-Quran iaitu Tafsir Pimpinan Rahman (TPR) yang ditulis secara individu oleh Sheikh Abd Rahman Basmeih dan Yayasan Kumpulan Penterjemah Indonesia (YKPI). Surah al-Qiyamah yang mengandungi 40 ayat, 199 perkataan dan 652 huruf dijadikan sebagai bahan analisis kerana ayatnya pendek dan ringkas justeru itu perbandingan yang dibuat lebih jelas menjadi asas kepada pemilihannya.

Analisis dijalankan berikutan timbul banyak persoalan berkaitan terjemahan yang kadangkala ada persamaan dan ada ketikanya berlaku perbezaan dalam menterjemahkan sesuatu ayat al-Quran ke bahasa Melayu. Objektif disertasi adalah bagi mengenal pasti masalah-masalah terjemahan Arab – Melayu secara umum dalam penterjemahan al-Quran, mengetahui metodologi terjemahan antara kumpulan (YKPI) dan individu (TPR) serta membuat analisis perbandingan terjemahan surah al-Qiyamah dari sudut makna. Metodologi analisis ini berasaskan kaedah kualitatif dan perbandingan. Pengumpulan data banyak melibatkan kamus-kamus, kitab-kitab muktabar, jurnal-jurnal, tesis, disertasi serta laman web.

Kajian yang dijalankan ini dipecahkan kepada lima bab. Setiap bab membicarakan tajuk-tajuk mengikut apa yang telah dirancang supaya disertasi yang terhasil mencapai kualiti yang dikehendaki

Pada dasarnya, dapatan menunjukkan terjemahan yang digunakan oleh YKPI dan TPR menepati makna atau maksud ayat yang diterjemahkan, walaupun ada beberapa perkataan yang mungkin agak mengelirukan seperti penggunaan perkataan bahasa Indonesia ataupun bahasa-bahasa lama yang mungkin tidak lagi digunakan sekarang ini. Perbezaan makna yang berlaku adalah kerana faktor-faktor jenis terjemahan yang digunakan, dialek bahasa, nahu, sarf dan perluasan makna.

ABSTRACT

This study focuses on the comparative analysis of the translation between two books of translation of the Quran, Tafsir Pimpinan Rahman (TPR) written individually by Sheikh Abdul Rahman Basmeih and Yayasan Kumpulan Penerjemah Indonesia (YKPI). Surah al-Qiyamah which contains 40 sentences, 199 sentences and 652 characters used as the analysis because of the short sentence and the total sentence that is not too much of a factor of selection.

Analysis undertaken as a result there are many question of interpretation that sometimes there are similarities and differences at times occur in the translation of a verse of the Quran to the Malay language. The objective of the dissertation is to identify the Arabic translation problems in general Malay translation of the Quran, to know the methodology of the translation between the groups (YKPI) and individuals (TPR) and make a comparative analysis of translation of surah al-Qiyamah in terms of the meaning. The methodology is based on qualitative methods of analysis and comparison. Data collection involves a lot of dictionaries, journals, theses, dissertations and web pages.

This research is idivided into five chapters, each chapter discusses the topics according to what has been planned so that the resulting dissertation to achieve the desired quality. In essencs, the study showed that the translation used by YKPI and meets the meaning or purpose of the translated sentences, although there are some words that may be some words that may be misleading as the wording of Indonesia or the language may no longer be used today. Meaning that there are differences because of the factors used in a number of languages, dialects, grammar, sarf and expansion of meaning.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah yang sentiasa mengurniakan taufik dan inayah kepada hambanya. Selawat dan salam untuk junjungan besar nabi Muhammad s.a.w., keluarga baginda, para sahabat dan pejuang yang menegakkan agama yang benar. Sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan, ramai yang sudi menghulurkan bantuan dan sumbangan yang tidak ternilai. Pada kesempatan ini, jutaan terima kasih penulis khususnya pada penyelia iaitu Dr. Mat Taib Pa yang sentiasa memberikan teguran dan memberi bimbingan berterusan walaupun pada masa yang sama beliau juga menjalankan kajian Phd.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat semua pensyarah dan kakitangan Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bantuan sepanjang tempoh pengajian. Ucapan penghargaan jua ditujukan kepada bonda tersayang, isteri dan anak-anak serta sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa memberi semangat serta dorongan agar terus berusaha mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Akhirnya, semoga segala sumbangan yang telah diberikan mendapat balasan pahala dari sisi Allah s.w.t .

Azmi b. Subhi

Lot 1801 Jln Limau, 41050 Meru, Klang,

Selangor Darul Ehsan.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi- viii
SENARAI SINGKATAN	ix
PANDUAN TRANSLITERASI	x-xii
Bab 1 :	
Pengenalan	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Penyataan Masalah	1
1.2 Kajian Terdahulu	4
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Metodolgi Kajian	12
1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data	12

1.7.2 Analisis	13
1.8 Rangka Kajian	13
1.9 Penutup	15
Bab 2 :	
Terjemahan Al Quran Ke Bahasa Melayu	
2.0 Pendahuluan	16
2.1 Definisi Terjemahan	16
2.2 Jenis Terjemahan al-Quran	19
2.3 Masalah Terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu	23
2.4 Terjemahan al-Quran	28
2.4.1 Tujuan Terjemahan al-Quran	29
2.4.2 Hukum Terjemahan al-Quran	30
2.4.3 Masalah Terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu	33
2.5 Kesimpulan	46
Bab 3 :	
Latar Belakang Kitab Terjemahan.	
3.0 Pengenalan	47
3.1 Kitab Tafsir Pimpinan Al- Rahman	47
3.2 Kitab Yayasan Kumpulan Penterjemah (Indonesia)	52
3.3 Kesimpulan	53

Bab 4 :

Latar Belakang Surah al-Qiyamah Dan Perbandingan Terjemahannya.

4.0 Pendahuluan	55
4.1 Latar Belakang Surah Al-Qiyamah Dan Penerangannya	55
4.2 Analisis Perbandingan Terjemahan Surah Al-Qiyamah	57
Dari Sudut Makna	
4.2.1 Perbandingan metodologi terjemahan antara YKPI	97
dan TPR .	
4.2.2 Faktor-faktor perbezaan terjemahan antara	101
kumpulan (YKPI) dan individu (TPR).	
4.3 Kesimpulan	108

Bab 5 :

Penutup

5.0 Pendahuluan	109
5.1 Rumusan	109
5.2 Cadangan	114
5.3 Kesimpulan	117
Bibliografi	118

Lampiran

SENARAI SINGKATAN

ARB	=	Abd Rahman Basmeih
TPR	=	Tafsir Pimpinan Rahman
YKPI	=	Yayasan Kumpulan Penterjemah Indonesia
AQMMDT	=	Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahanya
AQTI	=	Indonesia Al-Quran Terjemah Indonesia
TTFZQ	=	Terjemahan Tafsir Fi Zilalil Quran
TBM	=	Tesaurus Bahasa Melayu
DUSB	=	Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu
KD	=	Kamus Dewan
KAT	=	Kamus Al-Tulab
KIAM	=	Kamus Idris Al-Marbawi
s.w.t	=	Subhanahu Wa Taala
Hal	=	Halaman
dll	=	dan lain-lain

PANDUAN TRANSLITERASI HURUF ARAB

KE HURUF RUMI

1. KONSONAN

HURUF ARAB	NAMA DAN TRANSKRIPSI
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ

ظ	d
ط	t
ظ	z
س	,
س	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
ة	t

2. VOKAL

VOKAL PENDEK (علة قصيرة)

ـُ (dommah)	u
ـَ (fathah)	a
ـِ (kasrah)	i

VOKAL PANJANG (علة طويلة)

ـَـ (ā)	Ā
ـُـ (ū)	Ū
ـِـ (ī)	Ī

DIFTONG (علة مركبة)

أو	Aw
أي	Ay

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Sejak dari mula penurunan al-Quran pada kurun ke -7 Masihi, timbul pelbagai reaksi dan persepsi masyarakat terhadap wahyu Allah s.w.t itu. Sehingga kini umat Islam masih tidak jemu-jemu mengkaji, meneliti dan menerokai ilmu yang tersurat dan tersirat dalam mukjizat besar Nabi Muhammad s.a.w. Keinginan mereka untuk cuba meneroka bagi mendapatkan ilmu-ilmu yang tersimpan padanya sentiasa bertambah. Bertitik tolak daripada keinginan itu maka terhasil pelbagai terjemahan al-Quran dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Melayu dihasilkan oleh tokoh ilmuan seperti Sheikh Abdullah Basmeih atau daripada kumpulan tertentu seperti Yayasan Kumpulan Penterjemahan Indonesia supaya al-Quran yang dibaca itu boleh difahami isi kandungan dan hukum-hakamnya.

Ayat al-Quran ialah kalamullah sudah pasti ia mempunyai seni dan gaya bahasa yang tinggi nilainya dan ia bukan suatu kerja yang mudah untuk menterjemahkannya. Kesungguhan dan kepakaran yang tinggi dalam penguasaan bahasa sumber (Arab) dan bahasa sasaran (Melayu) serta ilmu-ilmu yang lain seperti sintaksis, balaghah, semantik dan sebagainya adalah sangat penting untuk menjadi penterjemah yang baik khususnya penterjemahan al-Quran.

1.1 Penyataan Masalah

Terdapat banyak terjemahan al-Quran menjadi rujukan kepada mereka yang ingin mengetahui maksud setiap ayatnya. Sememangnya ia banyak membantu dalam memahami isi kandungan al-Quran tetapi sejauh manakah kebenaran ayat-ayat yang diterjemahkan itu boleh dikategorikan sebagai sahih dan pembaca boleh memahaminya dengan jelas tanpa ada keraguan kerana ada ketikanya wujud perbezaan antara kitab-

kitab terjemahan apabila menterjemahkan sesuatu ayat al-Quran. Perbezaan ini perlu dikaji dan setakat ini tidak ada kajian mengenainya dibuat bagi merungkai masalah ini terus berlarutan.

Persoalan ini timbul disebabkan banyak isu berkaitan dengan terjemahan dari aspek-aspek struktur bahasa, perkataan-perkataan serta banyak berlaku perbezaan terjemahan antara kitab-kitab terjemahan di dalam menterjemahkan sesuatu ayat al-Quran ke bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu.

Pengkaji berusaha membuat kajian perbandingan dengan mengambil kitab-kitab terjemahan seperti kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman (TPR) oleh Shekih Abd Rahman Basmeih (ARB), Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahanya (AQMMMDT), Tafsir Fi Zilalil Quran (TTFZQ) terjemahan Yusoff Zaky Haji Yacob serta Al-Quran terjemah Indonesia (AQTI). Hasil kajian yang dijalankan memang terdapat banyak perbezaan terjemahan dan ada antaranya memberi makna yang jauh berbeza. Misalnya terjemahan pada ayat-ayat berikut :

1. Surah Mursalat ayat 1.

وَالْمُرْسَلَاتِ عُرْفًا

- 1) Demi (makhluk-makhluk) yang dihantarkan berturut-turut (menjalankan tugasnya). (TPR, 1980:1613)
- 2) Angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa. (AQMMMDT, 2005:600)
- 3) Malaikat-malaikat yang dikirim membawa kebaikan. (AQTI, 1993:1198)
- 4) Demi yang diutus berturut-turut. (TTFZQ, 1999:32)

2. Surah al-Takwir ayat 7.

وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ

- 1) dan apabila tiap-tiap diri disatukan dengan pasangannya. (TPR, 1980:1642)
- 2) dan apabila roh-roh ditemukan dengan tubuhnya. (AQMMMDT, 2005:606)
- 3) dan apabila diri-diri dipertemukan. (AQTI,1993:1217)
- 4) dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan tubuhnya. (TTFZQ, 1999:174)

3. Surah al-Qari'ah ayat 1.

الْقَارِعَةُ

- 1) Hari yang menggemparkan. (TPR, 1980:1719)
- 2) Hari kiamat. (AQMMMDT, 2005:623)
- 3) Peristiwa besar. (AQTI,1993:1264)
- 4) Hari kiamat yang menggemparkan. (TTFZQ, 1999:505)

4. Surah al-Kawthar ayat 1.

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ

- 1) Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (Wahai Muhammad) **kebaikan yang banyak (di dunia dan di Akhirat)**. (TPR, 1980:1737)
- 2) Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu **sebuah telaga di syurga**. (AQMMMDT, 2005:626)
- 3) Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu **nikmat yang banyak**. (AQTI 1993:1271)

Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa setiap kitab terjemahan al-Quran pasti ada perbezaannya dalam membuat penterjemahan mungkin disebabkan latar belakang

penterjemah yang berbeza dari segi pengalaman, kepakaran, budaya, ilmu, metodologi dan cara berkerja secara individu atau berkumpulan.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, ianya menjelaskan kepada kita satu kajian perlu dilakukan bagi melihat masalah penterjemahan dan mencari jalan untuk menyelesaikannya daripada terus berlaku khususnya penterjemahan yang melibatkan kumpulan seperti AQMMDT dan AQTI dan individu seperti TPR .

Setiap kumpulan atau individu tidak memberikan terjemahan yang sama malah memberi gambaran yang berbeza pada pembaca. Isunya adalah ketepatan makna yang dihasilkan itu benar-benar mengikut kehendak perkataan tersebut atau ia lebih kepada tafsirannya yang dirujuk kepada kitab-kitab Tafsir.

1.2 Kajian Terdahulu

Di dalam menyorot kajian terdahulu pengkaji mendapati kajian ilmiah tentang perbandingan terjemahan al-Quran belum pernah dilakukan sebelum ini. Walau bagaimanapun kajian-kajian terjemahan al-Quran dan teks-teks Arab ke bahasa Melayu berbentuk tesis, disertasi dan jurnal ada dihasilkan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia. Berikut adalah tajuk-tajuk disertasi yang berkait rapat dalam bidang kajian pengkaji :

Majdi Bin Haji Ibrahim (2003) di dalam tesisnya yang bertajuk “ Pembentukan Asas Terjemahan Dari Bahasa Melayu Dan Teorinya “ menerangkan satu metodologi yang menyeluruh bagi terjemahan Melayu-Arab. Menurut beliau kepentingan terjemahan semakin terserlah khususnya dalam bidang pengajaran di sekolah dan universiti. Seharusnya ia dilihat dari sudut saintifik bagi menangani masalah serta menghargai kepentingannya. Sikap sambil lewa tanpa melakukan persediaan secukupnya dan latihan yang tidak mencukupi akan menimbulkan pemahaman yang salah terhadap konsep

terjemahan. Hal ini boleh membawa kegagalan dalam mencapai matlamat terjemahan sebagai alat yang berkesan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Abdul Basir Bin Awang (2002) dalam tesisnya yang bertajuk “ Ketidakboleh Terjemah Katawi Dari Bahasa Arab Ke Bahasa Melayu “ menyatakan bahawa terjemahan katawi bermaksud penterjemahan yang menitikberatkan kata demi kata. Ia merupakan kajian perbandingan antara dua bahasa, iaitu bahasa Arab dan Melayu yang tertumpu pada titik perbezaan antara kedua-duanya. Walaupun begitu ia tidak menafikan perbincangan tentang persamaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa tersebut. Perbandingan ini lebih memberi fokus kepada bahasa dan budaya. Perbezaan yang wujud antara kedua-dua bahasa dan budaya inilah yang melahirkan bahasa yang tidak boleh diterjemah secara katawi. Di samping itu perbezaan ini sebenarnya merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh setiap bahasa yang berbeza antara satu sama lain. Suatu terjemahan Arab-Melayu tidak dikira bersifat katawi sekiranya terdapat kekurangan dari segi makna dan lafaz perkataan.

Syed Nurul Akla Syed (2001) Abdullah di dalam disertasi yang bertajuk “ Faktor Leksis dan Budaya Dalam Terjemahan Arab-Melayu : Satu analisis Karya Rihlah Ibn Battutah ” telah menghasilkan kajian yang membangkitkan masalah makna dalam penterjemahan item leksikal dan frasa yang bermasalah. Masalah makna yang denotasi, konotasi dan idiomatik boleh dilihat menerusi tingkap leksis dan budaya yang boleh diselesaikan menerusi pelbagai penyelesaian yang dicadangkan seperti akulturasi, pedomestikan dan pengasingan terjemahan bersesuaian dengan latar belakang dan konteks teks. Penterjemahan merupakan amalan pragmatik dan penterjemah berperanan memilih strategi serta teknik penyelesaian terbaik dalam penyelesaian masalah.

Asmah Hj. Omar (1984) dalam kertas kerja berjudul *Translation and Language Development*, menyentuh terjemahan yang sebenar di Tanah Melayu bermula dengan terjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Menurutnya lagi terjemahan ayat suci al-Quran dan juga dengan doa kelihatan tidak mempunyai variasi.. Justeru itu,

elemen dan struktur bahasa Arab telah meresap ke dalam bahasa Melayu tanpa mencetuskan apa-apa komen daripada komuniti pertuturan masyarakat Melayu.

Beliau mengemukakan contoh yang menunjukkan penterjemahan Arab-Melayu yang tidak gramatis seperti *أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ* diterjemahkan sebagai “ Aku berlindung dengan Allah dari syaitan yang direjam ”. Perkataan ‘dengan’ dalam ayat tersebut ialah terjemahan literal untuk *ب* yang bererti ‘dengan’ tetapi sewajarnya ia diterjemahkannya sebagai ‘pada’. Asmah mencadangkan terjemahan yang sebenar “ Aku berlindung pada Allah dari syaitan yang direjam ”.

Muhammad Arsyad bin Abdul Hamid (2009) di dalam kajian tesis yang bertajuk “ Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan : Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah al-Baqarah” melibatkan terjemahan al-Quran dari TPR kepada Pengertian al-Quran. Ayat-ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah dianalisis secara halus. Terjemahan daripada ayat-ayat ini dianalisis untuk mengenal makna implisit pendepanan iaitu pengkhususan yang terdapat dalam pendepanan penyandar (*المسند إليه*), pendepanan pesandar (*المسند*) dan pendepanan pelengkap kata kerja (*متعلقات الفعل*). Di samping itu ayat yang dikaji melibatkan ayat penyata dan ayat nafi.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada surah al-Baqarah, pengkaji mendapati kesan pendepanan yang membawa maksud pengkhususan turut diterjemahkan oleh penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan langsung dan tidak langsung. Walau bagaimanapun, penggunaan kata tugas yang bermaksud pengkhususan kata tugas yang bermaksud pengkhususan tidak kerap digunakan oleh penterjemah dalam terjemahan yang melibatkan pendepanan penyandar. Manakala dalam struktur yang melibatkan partikel *nafi*, penggunaan kata tugas *bukan* dan pendepanan predikat langsung tidak digunakan dalam menterjemah maksud pengkhususan. Ia hanya menafikan sesuatu tanpa menyatakan sebaliknya.

Ayat yang mengalami pendepanan pesandar paling kerap diterjemahkan oleh penterjemah menggunakan pendekatan penterjemahan langsung iaitu dengan mengekalkan bentuk pendepanan tersebut dalam bahasa sasaran. Manakala kata tugas kurang digunakan bagi memperlihatkan maksud pengkhususan. Penterjemahan paling kerap menggunakan pendekatan terjemahan tidak langsung dalam mempertimbangkan maksud pengkhususan dengan menggunakan kata tugas ketika menterjemah ayat al-Quran yang mengalami pendepanan unsur pelengkap.

Muhammad Nur Lubis Abdul Razak (2004) dalam tesis yang bertajuk “ Penterjemahan Makna al-Quran : Kajian Ke Arah Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran “ bertujuan mencipta panduan asas penterjemahan makna al-Quran. Kajiannya memberi fokus kepada penciptaan dasar atau pendisiplinan sebagai satu jenis ilmu yang dikumpulkan dalam ulum al-Quran. Keputusan kajian mendapati bahawa kajian terdahulu lebih memfokuskan kajian kepada persoalan hukum menterjemah al-Quran. Penterjemahan yang mereka iktiraf ialah penterjemahan makna al-Quran. Amali penterjemahan al-Quran dalam kalangan bangsa selain Arab telah mengatasi pentafsirannya, sedangkan usul atau panduannya masih belum ada dalam bentuk disiplin ilmu. Penterjemahan al-Quran sangat memerlukan kaedah supaya ia diiktiraf sebagai satu jenis ilmu yang berdisiplin. Setelah perbandingan dilakukan dengan kajian-kajian yang lain, pengkaji mengandaikan bahawa kajian yang telah selesai ini merupakan kajian awal, sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab.

Ahmad Sukri b. Mustaffa (2003) dalam disertasinya yang bertajuk “ Terjemahan Surah Al Baqarah : Analisis Sintaksis dalam Tafsir Al Azhar “. Kajian ini merupakan kajian lanjutan atau usaha untuk meluaskan data tentang ayat pasif bahasa Melayu dengan meliputi teks terjemahan al-Quran. Kajian ayat pasif dalam terjemahan al-Quran dibuat dengan menggunakan pendekatan model Jacobs dan Rosenbaum (1968). Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk ayat pasif bahasa Melayu dalam terjemahan al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawa daripada 286 terjemahan ayat

surah al- Baqarah, 128 daripadanya adalah ayat pasif. Ayat pasif dalam terjemahan surah al- Baqarah ialah ayat pasif kata ganti nama diri ketiga dan ayat pasif bukan dengan kata ganti nama diri.

Akmal Khuzairi bin Abdul Rahman (2004) dalam tesisnya yang bertajuk “ Masalah Terjemahan al-Quran al-Karim : Kajian Teori dan Amali Dari Segi Konteks Makna Leksikal Dalam Terjemahan Melayu “ menjelaskan masalah konsep terjemahan dan implikasinya terhadap isu pemindahan makna. Ia seterusnya membawa persepsi teks sasaran sekadar gambaran rujukan bagi teks sumber dari segi makna dan bentuk. Kajian ini bertitik tolak dari pendekatan linguistik yang berasaskan konsep pemindahan makna. Aspek teori kajian ini menunjukkan masalah pemindahan makna dalam terjemahan dan masalah sifat makna itu sendiri. Ini menunjukkan terjemahan tidak berupaya menjamin pemindahan makna secara sempurna. Malah teks sasaran sekadar gambar rujukan bagi teks sumber hasil daripada faktor sifat-sifat makna, campur tangan penterjemah dan tidak ada persamaan antara dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Kajian ini juga cuba menghubungkaitkan terjemahan dari segi pemindahan makna dengan perdebatan isu terjemahan al-Quran di kalangan ulama dan sarjana Islam bagi memperlihatkan kesan masalah konsep terjemahan dalam perdebatan tersebut. Aspek amali dalam kajian ini memfokuskan analisis beberapa terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Ia mengkaji aspek kehilangan makna dalam teks sasaran dan menerangkan kaedah yang digunakan oleh penterjemah dalam konteks makna leksikal. Hasil kajian mendapati terjemahan-terjemahan al-Quran bukanlah gambaran tempat bagi yang asal. Bahkan penterjemah mengatasi masalah terjemahan dengan memilih sesuatu yang sesuai dengan gaya bahasa terjemahan tersebut.

Kesimpulan daripada kajian-kajian yang terdahulu, Pengkaji melihat ianya banyak membantu dalam memahami konsep terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan penterjemahan al-Quran. Pada dasarnya, pelbagai kajian telah disentuh dalam usaha

ke arah penambahbaikan dan melengkapkan penterjemahan dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Perkara-perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya oleh setiap penterjemah seperti kajian-kajian tentang metodologi terjemahan, kepentingan latihan, perbandingan antara dua bahasa, perbezaan bahasa dan budaya, masalah makna, panduan asas penterjemahan makna al-Quran, masalah terjemahan al-Quran al-Karim dan kajian tentang ayat pasif bahasa Melayu dalam terjemahan al-Quran. Di sini, pengkaji berusaha untuk membuat kajian yang berbeza daripada kajian-kajian sebelum ini iaitu membuat analisis perbandingan terjemahan surah al-Qiyamah antara individu (TPR) dan kumpulan (YKPI). Kajian perbandingan terjemahan ini diharap dapat menambah lagi maklumat mengenai terjemahan dari sudut yang lain.

1.3 Objektif Kajian

Dalam konteks kajian ini, beberapa objektif telah dikenal pasti. Antaranya ialah :-

- i. Mengenal pasti masalah-masalah terjemahan Arab – Melayu secara umum dalam penterjemahan al-Quran.
- ii. Menganalisis perbandingan terjemahan surah al-Qiyamah antara individu (TPR) dan kumpulan (YKPI) dari sudut makna.
- iii. Mengenal pasti metodologi terjemahan dan faktor-faktor perbezaan terjemahan antara kumpulan (YKPI) dan individu (TPR).

1.4 Persoalan Kajian

Dalam konteks kajian ini, beberapa objektif telah dikenal pasti. Antaranya ialah untuk:-

- i. Apakah masalah-masalah terjemahan Arab-Melayu secara umum dalam penterjemahan al-Quran?

- ii. Apakah perbandingan metodologi antara terjemahan kumpulan (YKPI) dan individu (TPR) ?
- iii. Apakah hasil perbandingan analisis terjemahan surah al-Qiyamah antara individu (TPR) dengan kumpulan (YKPI) dari sudut penterjemahan makna?

1.5 Kepentingan Kajian

Pengkaji menganggap kajian perbandingan terjemahan al-Quran dari dua buah kitab yang berbeza antara terjemahan berkumpulan (YKPI) dan individu (TPR) merupakan kajian yang penting kerana belum ada lagi kajian tentang tajuk berkenaan yang dibuat sebelum ini..

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dilihat dari beberapa sudut :

1. Boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan bagi individu atau kumpulan yang berminat dalam membuat terjemahan bagi memilih dan mencari perbendaharaan kata yang lebih tepat atau paling hampir supaya pembaca tidak menghadapi masalah dalam memahami sesuatu teks terjemahan yang ditulis khususnya dalam terjemahan al-Quran.
2. Membantu dalam membuat banding beza keupayaan penterjemahan individu dan kumpulan supaya menjadi input yang berguna dalam membuat proses penterjemahan agar ia menjadi lebih baik dan hasilnya mencapai piawaian yang tinggi.
3. Memberi penjelasan bahawa penterjemahan adalah satu bidang ilmu yang perlu diberi perhatian serius dalam membantu orang awam ke arah mencari alternatif terbaik mendapatkan teks terjemahan .
4. Melalui kajian ini juga, maklumat dan keterangan berguna dapat disalurkan kepada pihak pelajar mahupun pendidik tentang bahasa Arab iaitu bahasa al-

Quran dan seterusnya kajian perbandingan dari sudut perbendaharaan kata, nahu dan sarf ini dapat meluaskan lagi pengetahuan mereka untuk memahaminya dengan lebih mendalam.

5. Negara kita masih lagi memerlukan produk-produk terjemahan al-Quran yang mengikut versi bahasa Melayu kontemporari yang sebenar bukan lagi bergantung harap pada kitab terjemahan al-Quran negara lain seperti mana yang kita lihat di pasaran.

1.6 Skop Kajian

Pengkaji memilih surah al-Qiyamah sebagai bahan kajian dalam membuat perbandingan terjemahan dalam TPR yang dilakukan oleh ARB dan YKPI yang dihasilkan oleh ahli lajnah terjemahan yang terdiri daripada sepuluh orang penterjemah. Pemilihan kitab terjemahan al-Quran dibuat bagi melihat perbandingan yang berlaku antara terjemahan kumpulan dan individu khususnya pada surah al-Qiyamah. Kajian tertumpu kepada perbandingan terjemahan dalam kedua-dua terjemahan tersebut. Skop kajian tertumpu permasalahan makna iaitu penggunaan perbendaharaan kata sama ada ia bertepatan dalam konteks bahasa dan juga tidak menimbulkan kesamaran dalam memahami erti sebenar sesuatu ayat yang diterjemahkan itu.

Sebelum membuat pemilihan surah, pengkaji membuat analisis terlebih dulu bagi mendapatkan surah yang benar-benar mampu dikaji dan dihurai permasalahannya dan perbandingannya. Oleh itu, penulis telah memilih surah al-Qiyamah untuk dijadikan bahan kajian perbandingan daripada dua buah kitab terjemahan adalah disebabkan beberapa faktor berikut:

1. Ayat-ayat yang terdapat di dalam surah al-Qiyamah pendek dan mudah untuk dibuat perbandingan. Kebanyakan ayatnya terdiri daripada tiga, empat atau lima perkataan sahaja maka penterjemahan yang dibuat juga tidak panjang kecuali pada

perkataan yang perlu untuk dihuraikan kerana dibimbangi mengelirukan pembaca jika tiada hurainnya.

2. Jumlah ayat surah al-Qiyamah hanya 40 ayat sahaja dan ini memberi keselesaan pada pengkaji membuat kajian dengan lebih rapi dan terperinci dalam menghasilkan disertasi yang memberi fokus kepada kajian perbandingan terjemahan antara kumpulan (YKPI) dan individu (TPR).

1.7 Metodologi Kajian

Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan bagi memperolehi dapatan yang tepat berkenaan analisis perbandingan ke atas kitab terjemahan TPR dan YKPI di dalam surah al-Qiyamah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif.

1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data berbentuk kajian perpustakaan yang dijalankan terutamanya melibatkan kamus-kamus, kitab-kitab muktabar, jurnal-jurnal, tesis, disertasi serta laman web yang berkaitan dengan terjemahan al-Quran. Pengumpulan data atau maklumat akan dicatat dan dibahagikan mengikut tajuk tertentu sehingga mencapai tahap yang dikehendaki.

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang dijalankan di lokasi-lokasi berikut :

1. Perpustakaan Falkuti Bahasa dan Linguistik
2. Perpustakaan Univeristi Malaya
3. Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur
4. Perpustakaan Shah Alam, Selangor

Kajian tersebut bertujuan untuk mendapat maklumat secara terperinci mengenai perbandingan antara kedua-dua terjemahan itu. Dapatan daripada kajian ini berguna

untuk mendapat gambaran sebenar mengenai kajian ini sehingga mampu menghasilkan satu kajian yang baik dan bermutu.

1.7.2 Analisis

Secara keseluruhannya data-data yang diperolehi dalam kajian ini akan dianalisis secara manual dengan dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil mengikut batasan kajian. Ciri-ciri dan persoalan-persoalan yang timbul akan dikupas dan dikaji bagi menghasilkan data yang bersesuaian dengan objektif kajian yang dijalankan.

Terjemahan-terjemahan perkataan ataupun ayat yang berbeza akan dihitamkan bagi melihat dengan jelas sejauh mana perbandingan yang dapat dilihat. Pengkaji akan menganalisis surah ini dan membahagikan sampel-sampel mengikut kategori yang dikaji penulis. Perbandingan akan dibuat bermula daripada ayat 1 sehingga ayat 40 bagi melihat dan diberikan ulasan oleh penulis sebagai melengkapkan kajian disertasi.

Pengkaji juga berpandukan kepada senarai panduan transliterasi huruf Arab dan Rumi untuk menjaga ketulinan ejaan dan sebutannya. Pengkaji juga membuat keseragaman ejaan terhadap dua sumber tersebut. Pengkaji juga mengadakan perbincangan dengan mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran mendalam dalam Bahasa Arab dan Melayu seperti pensyarah IPT, guru-guru serta ahli-ahli bahasa bagi membantu menambah baik penyelidikan ini dengan mengajukan permasalahan terjemahan kepada pihak berkenaan.

1.8 Rangka Kajian

Secara keseluruhannya kajian mengandungi lima bab seperti berikut :

Bab Satu

Pada bab ini, pengkaji menerangkan permasalahan kajian, kepentingannya, objektif kajian, skop kajian, bidang kajian, reka bentuk kajian yang digunakan, sorotan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Bab Dua

Bab ini membuat ulasan mengenai definisi terjemahan, tujuan terjemahan al-Quran, hukum-hukum berkenaan terjemahan al-Quran, masalah-masalah terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dan masalah-masalah terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu serta membuat kesimpulan mengenai permasalahan tersebut.

Bab Tiga

Bab tiga banyak membuat kajian mengenai latar belakang TPR karangan Sheikh Abdullah Basmeih dan latar belakang YKPI.

Bab Empat

Pada bab ini penulis membuat kajian tentang latar belakang surah al-Qiyamah dan penerangannya, analisis perbandingan terjemahan surah al-Qiyamah daripada sudut makna dan perbandingan metodologi terjemahan mengenal pasti metodologi terjemahan dan faktor-faktor perbezaan terjemahan antara YKPI dengan TPR serta intipati kajian.

Bab Lima

Bab ini merupakan bab terakhir dalam penulisan disertasi. Ia merangkumi rumusan dan beberapa cadangan pengkaji yang diharap dapat membantu pihak-pihak berkenaan untuk menjalankan terus usaha-usaha penterjemahan al-Quran.

1.9 : Penutup

Pengkaji ingin mengetengahkan kajian ini sebagai kesinambungan kajian-kajian al-Quran sebelumnya dari sudut yang berbeza kerana memberi fokus kepada perbandingan penterjemahan antara dua kitab terjemahan. Semoga dengan penghasilan disertasi ini akan menjadi pendorong untuk menghasilkan terjemahan yang menggunakan bahasa Melayu standard dalam memenuhi keperluan pendidikan dan kehendak para pelajar, guru-guru serta orang awam pada zaman millenium ini khasnya bagi keperluan seluruh umat Islam di Malaysia.

BAB 2

TERJEMAHAN AL-QURAN KE BAHASA MELAYU

2.0 Pendahuluan

Bab ini cuba merongkai definisi terjemahan secara literal dari kamus-kamus terkenal dan maksudnya yang sebenar dari pendapat ilmuan-ilmuan barat mahupun Islam. Kajian juga dijalankan tentang jenis-jenis terjemahan yang digunakan oleh para penterjemah, hukum-hukum menterjemah al-Quran sama ada harus atau haram bersandarkan pandangan ulama dan pelbagai isu terjemahan yang ada hubung kaitnya dengan permasalahan terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan masalah terjemahan al-Quran itu sendiri. Perkara-perkara ini perlu dikaji dengan teliti kerana ia melibatkan kepada perkara asas sebelum bergerak dengan lebih jauh lagi.

2.1 Definisi Terjemahan

Kata ‘ *translate* ’ berasal dari kata-kata bahasa Latin “ *trans* ” ertinya melintas dan “ *latum* ” ertinya melaksanakan. Kamus *Webster’s Thirde New International* (1993: 2429) memberikan definisi bahawa *translation* (Terjemahan) bererti :

“a rendering from one language or representational system into another, to express on their term, to explain by using another word”

Maksudnya : pemindahan atau pun suatu penyerahan sistem daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran untuk mengungkap dalam istilah yang lain, bagi menjelaskan dengan menggunakan kata-kata lain.

Sementara itu, *The Oxford English Dictionary Second Edition Vol XVIII* (1989:410) mendefinisikannya:

“ the action or process of turning from one language into another ”

Maksudnya : satu tindakan atau proses untuk membuat huraian dari satu bahasa ke dalam bahasa lain .

Menurut Kamus Dewan (2005:1670) menyatakan perkataan terjemahan bermaksud

“ memindahkan daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain atau mengalihbahasakan “.

Menurut pendapat Catford (1996:24), terjemahan bermaksud

“ Penggantian bahan teks dalam satu bahasa (bahasa sumber) dengan bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain (bahasa sasaran)”.

Newmark (1988:5) pula menyatakan terjemahan ialah

“aktiviti menterjemahkan maksud teks ke bahasa lain iaitu bahasa sasaran berdasarkan kehendak penulis teks bahasa sumber”.

Sementara Eugene Nida (1964:159) mengemukakan konsep terjemahan persamaan dinamik

“ A translation of dynamic equivalence aim at complete naturalness of expression and tries to relate the receptor to modes of behavior relevant within the context of his own culture”.

Abdullah Hassan dan Ainon (2001: 72) telah menghuraikan definisi ini dalam erti kata

“ penterjemahan ialah penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama dari segi maknanya dan kedua dari segi gayanya.”

Venuti (1995:17) mendefinisikan terjemahan sebagai proses melibatkan suatu rangkaian penunjuk yang membentuk teks bahasa sumber yang digantikan dengan satu rangkaian penunjuk dalam bahasa sasaran yang diberikan oleh penterjemah berasaskan kekuatan interpretasi.

Lefevere (1992:11) juga mencetuskan pendekatan yang menarik tentang terjemahan. Pendekatan tersebut melihat terjemahan sebagai akulturasi (*acculturation*) iaitu penyesuaian diri. Pendekatan ini menyokong pandangan Even-Zohar yang melihat terjemahan sebagai sebuah proses perundingan antara budaya.

Bagi pandangan pengkaji, terjemahan merupakan proses penyalinan semula maklumat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran dengan menggunakan pelbagai kaedah atau jenis terjemahan mengikut kepakaran penterjemah berdasarkan daya pemikiran dan kekuatan ilmu yang mereka miliki. Perkara yang perlu dititikberatkan ialah maklumat yang disampaikan melalui bahasa sasaran hendaklah selari dengan bahasa sumber walaupun berbeza dari sudut tatabahasanya.

Muhammad Arsyad bin Abdul Hamid (2009: 68) menjelaskan perkataan terjemahan dari segi bahasa Arab adalah kata terbitan bagi kata kerja empat huruf (rubā' iyy) تَرْجَمَ (contoh تَرْجَمَ فُلَانٌ الْكَلَامَ , تَرْجَمَةٌ يَتْرَجِمُ (seseorang telah menterjemah ujaran itu). Terjemahan menurut sumber-sumber bahasa mempunyai tiga definisi :

1. Tafsiran, penjelasan dan penerangan sesuatu perkataan dengan menggunakan bahasa asal perkataan tersebut. Tercatat dalam al-Misbāh al-Munīr, (تَرْجَمَ فُلَانٌ الْكَلَامَ) yang bermaksud dia menerangkan atau menjelaskannya. (al-Fayūmīyy, 1987:29).
2. Tafsiran dan penerangan menggunakan bahasa kedua. Tercatat di dalam Mukhtār al-Sihāh,(تَرْجَمَ كَلَامَهُ) iaitu mentafsirkan dengan bahasa lain.(al-Rāzīyy,1986:100).
3. Memindahkan perkataan dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Menurut Lisān al- 'Arab, (التَّرْجَمَان) orang yang menterjemah perkataan, iaitu memindahkan kepada bahasa yang lain.(Ibn Manzūr,1993:226).

Berdasarkan definisi-definisi terjemahan di atas, ia boleh disimpulkan bahawa proses penterjemahan melibatkan penggunaan bahasa sumber , bahasa sasaran, persamaan

antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran serta dua budaya yang terlibat iaitu budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran. Ia memerlukan banyak pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam berbagai disiplin ilmu yang berkaitan. Penterjemahan bukan hanya mencari perkataan-perkataan padanan untuk menggantikan teks asal ke dalam bahasa kedua. Sebaliknya ia adalah satu usaha untuk memindahkan idea, maklumat, semangat dan kesan gaya teks yang diterjemahkan. Ini bererti penterjemah perlu memiliki ilmu pengetahuan secukupnya mengenai teori, konsep, prinsip dan kaedah penterjemahan.

2.2 Jenis-jenis Terjemahan

Pada dasarnya, teori dan pendekatan terjemahan terbahagi kepada dua bahagian iaitu terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Terjemahan langsung bermaksud aliran pendekatan dan teori terjemahan seperti teks asal dari segi makna, nahu, gaya serta kesan terhadap pembaca asal. Penterjemah cuba mencari kesamaan yang paling dekat dan ia bersesuaian dalam wacana sastera, agama, teks al-Quran dan perundangan.

Sementara terjemahan tidak langsung ialah aliran, pendekatan dan teori yang tidak sama dengan teks asal. Teori jenis ini membenarkan penterjemah mengadaptasi, mengubah suai, menokok tambah dan membuang unsur-unsur seperti morfologi, sintaksis, semantik, stilistik dan bentuk keseluruhan wacana asal. Aliran ini menekankan pembaca sasaran sebagai khalayak utama sesuatu terjemahan yang dihasilkan. lazimnya aliran ini sesuai diterapkan dalam wacana seperti karya ilmiah, akhbar dan ucapan awam. (Muhammad Arsyad Abdul Majid. 2009:71).

Terdapat empat jenis terjemahan :

1) **Terjemahan Harfiah**

Terjemahan harfiah iaitu memindahkan lafaz-lafaz dari sesuatu bahasa mengikut pandangannya dengan menggunakan bahasa lain di samping struktur dan susunan ayat adalah sama. Penterjemahan di dalam terjemahan ini terikat dengan perkataan bahasa asal dan menggantikannya dengan perkataan yang seerti dengannya dari bahasa yang kedua kemudian penterjemah membentuk ayat berdasarkan kaedah bahasa kedua dengan syarat terjemahan masih lagi dalam bentuk yang asal dari segi makna dan kesesuaian pengertiannya.

Terjemahan al-Quran secara harfiah memiliki pelbagai pengertian sebagaimana dinukilkan oleh Mohd. Sukri (2000:15) daripada al-Hanbaliyy (1977:4115) iaitu

“Pada terjemahan ini, penterjemah hendaklah mengetahui makna-makna yang benar-benar tepat dengan sesuatu kata yang hendak diterjemahkannya itu. Ini ilmu yang bermanfaat”.

Seterusnya Mannī al-Qaṭṭīn (1992:313) pula mentakrifkannya sebagai:

“ memindahkan atau menukilkan lafaz-lafaz daripada bahasa sasaran dan pemindahan itu menyebabkan berlakunya persamaan antara struktur dengan struktur dan susunan ayat dengan susunan ayat”.

Menurut al-Dhāhābiyy seperti yang dinukilkan Mohd. Sukri (2000:15) adalah sebagaimana berikut:

“ menterjemah ayat al-Quran daripada bahasa asalnya kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan susunan ayat bahasa asal, iaitu kosa kata bahasa asal al-Quran, susunan perkataan bahasa terjemahan menepati susunan perkataan bahasa asalnya sehingga terjemahan ini dapat mendukung makna sebagaimana yang terkandung di dalam susunan ayat

bahasa asal secara sempurna dari segi balaghah (retorik) dan hukum syara ‘ ‘.

Seterusnya diperjelaskan lagi oleh al-Dhāhābiyy seperti berikut:

“menterjemahkan susunan ayat al-Quran daripada bahasa asalnya kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan atau mengubah susunan ayat bahasa asalnya berdasarkan kemampuan penterjemah dan keluasan bahasanya”.

2) **Terjemahan Setara**

Ianya bermaksud pemindahan yang lengkap (sama) atau hampir lengkap terhadap isi dan bentuk. Penterjemah akan menyesuaikan terjemahannya mengikut bahasa sasaran dan berusaha menyusun semula ayat-ayat yang mirip dan hampir dengan bahasa sasaran. Penterjemah akan menggunakan perubahan nahu, leksikal, uslub dan balaghah dalam ketiadaan kesepadanan. Tahap kesamaan teks asal adalah tinggi dari sudut bentuk dan isi dengan memelihara kaedah bahasa.

Menurut Ainon Muhammad (1979 : 24), jenis terjemahan ini disebut sebagai terjemahan dinamis iaitu persamaan yang paling terdekat dan **bersahaja** dengan bahasa sumber. Tumpuan terjemahan dinamis lebih mementingkan reaksi pembaca yang membaca teks terjemahan mempunyai persamaan dengan pembaca teks asal. Oleh itu, istilah **bersahaja** bermakna cara bagaimana seseorang itu menyatakan sesuatu perkara menggunakan bahasanya sendiri bersesuaian dengan bahasa serta kebudayaan bahasa penerima, sesuai dengan kandungan teks asli dan sesuai dengan pembaca terjemahan tersebut. Selain daripada itu, terjemahan dinamis mesti memperlihatkan nada perasaan tertentu yang menepati nada perasaan yang dimaksudkan oleh teks asal seperti sindiran, cemuhan, simpati dan lain-lain lagi lebih-lebih lagi dalam terjemahan al-Quran.

Terjemahan ini tidak mengandungi unsur-unsur yang diimport dari bahasa dan kebudayaan asing. Dalam erti kata lain, terjemahan yang tidak berbau terjemahan sebaliknya ia terasa seolah-olah ditulis ke dalam bahasa penerima.

3) **Terjemahan Makna**

Mengikut Eugene Nida seperti yang dinukilkan oleh Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2001 : 72) ia bermaksud berikut :

“penyalinan semula maklumat ke dalam bahasa penerima daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan terdekat dan bersahaja dari segi maknanya dan gayanya”.

Ianya menerangkan maksud ayat dalam bahasa lain tanpa terikat untuk memelihara susunan perkataan asal dan strukturnya. Penterjemah perlu mengetahui makna yang ingin diterjemahkan ke dalam bahasa tertentu kemudian membentuk ayat berdasarkan bahasa kedua sama ada lafaznya ataupun tidak. Pertimbangan ini hanya diberikan dari segi kesesuaian dengan makna asal (‘ Abd al-Rahīm ‘ Abd Abdal-Jalīl, 981:538).

Penterjemah akan melakukan terjemahan makna atau ayat demi ayat dengan membaca sesuatu ayat dan cuba memahaminya kemudian akan menterjemahkannya dengan gaya bahasa yang tersendiri tanpa sebarang kongkongan atau mengambil kira perkataan dan struktur bentuk ayat asal. Kesannya terdapat penambahan, pengurangan, penyimpangan makna serta ayat yang panjang.

4) **Terjemahan Bebas**

Ia bermaksud terjemahan makna am dan isi kandungan teks tanpa sebarang kongkongan atau mengambil kira perkataan dan struktur bentuk ayat asal. Kesannya terdapat penambahan, pengurangan, penyimpangan makna serta ayat yang panjang.

2.3 Masalah-masalah Terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu

Usaha-usaha penterjemahan Arab-Melayu telah banyak dijalankan di Malaysia. Namun kajian yang pernah dijalankan membuktikan usaha penterjemahan ini sungguh jauh dari memuaskan (Bukhari Lubis. 1998: viii). Menurutny lagi, setiap pihak perlu bertanggung jawab membaiki keadaan yang sedia ada untuk melahirkan banyak penterjemah yang terlatih. Banyak masalah yang berlaku jika tiada latihan yang diberikan kerana ia meliputi pelbagai disiplin ilmu yang perlu diterokai sebelum menjadi penterjemah yang baik.

Masalah-masalah yang melibatkan penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu ada pelbagai, antaranya dari sudut masalah meletakkan penanda wacana yang sesuai dengan ayat yang diterjemahkan supaya kesinambungan ayat terjemahan itu memperlihatkan maksud sebagaimana teks asal. Penterjemahan itu memerlukan pertautan idea dan pemindahan isi dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Penyusunan dan penstrukturan idea dalam sesuatu wacana khususnya teks terjemahan akan lebih menyamai teks asal dengan menggunakan penanda wacana yang tepat.

Sesungguhnya masalah yang sering dihadapi dalam penterjemahan teks Arab ke bahasa Melayu ialah penyusunan idea dan maklumat. Oleh itu kerap berlaku ketidaksinambungan antara satu ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan (Fauzi Jumingan. 2000: 592). Hal ini disebabkan penterjemah gagal memahami aspek kehalusan teks (kohesi) yang ditunjangi oleh penanda wacana. Penanda wacana

menurut Roslan Baki (1994: 57) ialah kata hubung yang digunakan untuk menghubungkan dua ayat. Manakala Awang Sariyan (1991: 715) mendefinisikan penanda wacana sebagai kata atau frasa perangkai ayat. Bagi Nik Safiyah Karim (1994: 239) pula, ia adalah perkataan yang berfungsi menghubungkan dua atau lebih daripada dua ayat sehingga menjadi satu bentuk ayat berlapis yang dikenali sebagai ayat majmuk. Contohnya dalam ayat berikut:

يَنْهَضْنَ أَفْرَادَهَا الْمُسَاعَدَةَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا وَتَسْعَى شُعُوبُهَا إِلَى نَجْدَةِ إِخْوَانِهِمْ

“...setiap seorang daripada mereka saling bantu-membantu, **begitu juga** setiap bangsa membantu saudaranya yang lain..”

Frasa **begitu juga** dalam ayat di atas tergolong sebagai penanda wacana dengan maksud tambahan. Frasa ini merupakan terjemahan dinamik daripada huruf (و). Penggunaan penanda wacana ini menunjukkan kesatuan makna yang jelas. Ia berbeza jika diterjemahkan dengan makna **dan** kerana tiada kesinambungan yang jelas pada ayat sebelumnya. Seorang penterjemah yang baik akan meneliti sebaik-baiknya apakah penanda wacana yang paling sesuai untuk diletakkan supaya ayat yang diterjemahkan benar-benar menepati maksud teks asal.

Begitu juga masalah berkaitan aspek makna yang tidak tepat atau menyimpang dari maksud sebenar teks sumber. Hal ini terjadi apabila penterjemah tidak merujuk kamus atau glosari istilah bahasa yang sesuai terhadap perkataan yang tidak difahami. Masalah yang disebutkan ini berhubung kait dengan ilmu semantik iaitu kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata. Bukan setiap perkataan boleh diterjemahkan secara literal walaupun hanya pada ungkapan yang ringkas tetapi perlu dilihat dari beberapa aspek yang lain untuk mengetahui maksud sebenarnya. Masalah ini dapat dijelaskan menerusi teori semantik linguistik Katz (Yap Eng Moi 1985: 282). Contoh bagi menyokong kenyataan tersebut adalah seperti berikut:

مِنْ فَضْلِكَ، أَيَّنَ الْمَسْجِدِ ؟

“ *Daripada kelebihan kamu, di mana masjid ?.*”

Frasa مِنْ فَضْلِكَ apabila diterjemahkan secara harfiah “ *Daripada kelebihan kamu*”. Terjemahan sedemikian tidak dapat difahami kerana proses pertukaran budaya dari bahasa Arab ke bahasa Melayu tidak serupa sebagaimana yang disebut oleh Lefevere (1922: 11) sebagai proses pertukaran budaya. Oleh itu, penterjemah mesti menjadikan terjemahannya mudah difahami atau bermakna. Ia boleh dicapai dengan mencari padanan yang sesuai dengan budaya Melayu seperti “*Maafkan saya*”.

Masalah makna berkaitan tentang **المشترك اللفظي** atau homonim bermaksud suatu perkataan yang mempunyai dua makna atau lebih dalam suatu bahasa (Ramadan Abd al-Tawab. 1973: 286-293). Banyak perkataan bahasa Arab yang berbentuk demikian, maka sewajarnya penterjemah perlu memahami lebih awal keseluruhan ayat atau frasa supaya tidak tersasar dari makna yang sebenar seperti yang kehendaki oleh penulisnya. Contohnya dua frasa yang mempunyai perkataan yang sama tetapi berbeza maknanya seperti berikut:

رَأَيْتُ مُسَابَقَةَ الْكُرَّةِ بَعَيْنِي

“ *Saya melihat perlawanan bola sepak dengan kedua mata saya.*”

جَاءَ الْعَيْنُ إِلَى مُسَابَقَةِ كُرَّةِ الْقَدَمِ

“ *Senator itu telah datang ke perlawanan bola sepak*”.

Perkataan **العَيْنُ** mempunyai dua makna yang berbeza antara kedua-dua frasa tersebut. Oleh itu, penterjemahan perlu menilai beberapa aspek terutamanya memahami keseluruhan teks dan mengetahui situasi yang berlaku bagi melihat kesesuaian atau kesepadanan dari bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Kesilapan dalam memberikan makna pada perkataan homonim ini tentunya menimbulkan kekeliruan kepada pembaca.

Terdapat pula perkataan Arab yang tidak dapat diterjemahkan secara khusus, hanya mampu diterjemahkan secara umum sahaja seperti perkataan **الدَّيْنُ**, apabila

diterjemahkan dengan makna agama yang bermaksud suatu kepercayaan, pegangan dan anutan seseorang terhadap tuhan atau dewa dan meyakini kekuasaannya serta menerima segala ajarannya. Sedangkan makna **الذِّينُ** itu lebih luas lagi merangkumi kehidupan seseorang manusia keseluruhannya sama ada dari segi akidah, ibadat, negara, sosial, politik dan sebagainya. Al-Maududi dalam bukunya menyebut **الذِّينُ** itu mengandungi beberapa komponen yang penting antara kuasa pemerintah tertinggi , ketaatan dan kepatuhan kepada kekuasaan di samping teori dan amali di bawah kuasa pemerintah yang tertinggi dan ganjaran kepada orang yang mengikut pemerintah dan hukuman kepada yang ingkar.(Abū al-Mawdūdī,1979: 93-99).

Seterusnya masalah berkaitan dengan frasa idiomatik iaitu konstruksi perkataan atau frasa yang menghasilkan satu makna baharu berbeza daripada makna asal. Contohnya:

رَغِبَ فِي , رَغِبَ عَن , دَعَا ل , دَعَا عَلَى

“..suka , benci, mendoakan kebaikan kepada seseorang, mendoakan sesuatu yang buruk.”

Bagi penterjemah yang kurang berpengalaman dalam menterjemah frasa idiomatik Arab, sudah tentu frasa-frasa di atas amat sukar diterjemahkan. Menurut teori semantik Atonom Katz dan teori semantik Chomsky, masalah di atas dipanggil keaburan makna (*ambiguity*) dan masalah ini sering berlaku ketika proses penterjemahan dijalankan serta menyukarkan kerja-kerja penterjemahan. Perkara ini berkaitan dengan teori *Rivised Extended Theory* yang menekankan perlunya diambil kira faktor konteks lebih memungkinkan penterjemah untuk mengatasi masalah ini (Yap Eng Moi, 1985: 278).

Pada dasarnya bahasa Arab ialah bahasa fleksi dan ini memberi banyak masalah kepada para penterjemah untuk mencari makna yang paling sesuai untuk dipadankan dengan bahasa sasaran. Terdapat keadaan yang mempunyai fleksi yang pelbagai dan makna berubah mengikut perubahan fleksi . Menurut Mohd Zaki Abd Rahman dan Che Radiah Mezah (2010 : 78) menyatakan bahawa :

“Sifat fleksi bermaksud makna ayat yang dapat difahami dengan berpandukan baris pada setiap kata, walaupun susunan kata dalam ayat diubah kedudukannya”.

Oleh yang demikian satu-satu terjemahan hanya mampu memindahkan satu bentuk fleksi yang menyebabkan ia mengeneipkan kemungkinan-kemungkinan lain yang berkaitan dengan makna.

Terdapat juga masalah terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu yang terikut-ikut dengan nahu Arab sehingga berlaku kesilapan-kesilapan pada cara penggunaan tatabahasa Melayu. Hal ini berpunca daripada perbuatan penulis yang menterjemahkan secara harfiah, banyak berlaku di dalam kita-kitab jawi lama kerana pada ketika itu para penterjemah adalah lulusan dari timur tengah serta kurang pendedahan tentang tatabahasa bahasa Melayu.

Permasalahan nahu juga berlaku dalam penterjemahan misalnya dalam menjelaskan hubungan kata kerja dengan pelaku (**الفاعل**) bahawa antara ciri keistimewaan bahasa Arab ialah kata kerja yang mempunyai kaitan dan hubungan dengan pelaku. Setiap kata kerja hendaklah mempunyai pelaku sama ada secara jelas (**صريح**) atau tidak jelas (**مستتر**). Contohnya: (Abdul Basir Awang, 2002: 43)

قَرَأَ مُحَمَّدٌ الْقُرْآنَ

Terjemahannya : *Muhammad telah membaca al-Quran.*

Pelaku di sini adalah jelas dan boleh diterjemahkan dengan mudah. Masalah penterjemahan timbul sekiranya pelaku itu ganti nama yang tidak jelas (**مستتر**). Ganti nama tidak jelas sememangnya tiada dalam tatabahasa Melayu tetapi jika hendak diterjemahkan terpaksa menggunakan ganti nama yang jelas untuk memahamkan pembaca, contohnya :

جَاءَتْ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

Terjemahan : *Dia (perempuan) telah datang sekolah.*

Dalam perkara ini, penterjemahan secara harfiah pada perkataan **جَاءَتْ** tidak mampu memberi maksud yang sebenar kerana perlu penambahan pada makna pada kata kerja yang terdapat ganti nama yang tersembunyi di dalamnya bagi memberi kefahaman kepada pembaca.

Kebanyakan penterjemah juga beranggapan bahawa hanya perkataan yang menentukan makna tetapi hakikatnya nahu juga memainkan peranan dalam menentukan makna. Antara yang sangat ketara ialah apabila melibatkan frasa “*al-ta’ajjub*” (frasa yang digunakan untuk menyatakan takjub). Ia di panggil frasa seru di dalam bahasa Melayu. Menurut Asmah Hj Omar (1993: 408), frasa seru merupakan modus perintah dan berita menurut situasi penggunaannya.

Oleh yang demikian, frasa “*al-ta’ajjub*” seperti **مَا أَجْمَلٌ** perlu diterjemahkan dengan maksud “*alangkah cantiknya*” dan bukannya diterjemahkan mengikut frasa *istifham* (frasa tanya).

Semua permasalahan di atas menunjukkan bahasa sumber dan bahasa sasaran perlu dikaji dengan teliti sebelum membuat penterjemahan. Penterjemahan juga perlu mengambil kira faktor-faktor ekologi, kebudayaan, adat resam, agama dan perkara lain lagi yang berkaitan dengan ilmu penterjemahan.

2.4 Terjemahan al-Quran

Al-Quran yang diturunkan Allah kepada nabi Muhammad s.a.w adalah dalam bahasa Arab maka terjemahan al-Quran sangat penting dalam kehidupan orang Islam terutama bagi bangsa bukan Arab. Para ulama dan golongan cendekiawan banyak berusaha dalam

membuat penterjemahan walaupun kerja-kerja penterjemahan itu sukar sehingga banyak buku terjemahan al-Quran yang terhasil.

2.4.1 Tujuan Penterjemahan al-Quran

Al-Quran yang diterjemahkan ke dalam banyak bahasa sudah pasti mempunyai tujuan dan matlamat mengapa ia dilakukan. Dengan kata lain, ia sangat diperlukan kepada bangsa bukan Arab yang semakin hari semakin ramai memeluk Islam. Peranan penterjemahan sangat penting kerana al-Quran yang diturunkan seratus peratus dalam bahasa Arab perlu difahami maksudnya.

Oleh itu, penulis berusaha mencari maklumat tentang tujuan penterjemahan al-Quran untuk melihat sejauh mana kepentingannya kepada masyarakat Islam dan bukan Islam yang mahu mengkaji tentang isi kandungan al-Quran. Menurut Muhammad Arsyad Abdul Majid (2009:70), beliau menjelaskan bahawa terjemahan al-Quran mempunyai tujuan-tujuan tertentu, antaranya:

1. Orang Islam dalam kalangan orang bukan Arab dapat memahami makna kitab Allah dan dapat menjadikannya sebagai panduan dalam urusan agama dan dunia mereka.
2. Orang Islam dalam kalangan bukan Arab dapat mendekatkan diri mereka dengan membaca kitab Allah.
3. Ulama Islam kalangan bukan Arab dapat mengeluarkan hukum daripada kitab Allah.
4. Berdakwah kepada orang bukan Islam pada kalangan bukan Arab dengan menerangkan makna al-Quran.

Jelas kepada kita bahawa terjemahan al-Quran memainkan peranan yang penting dalam pelbagai sudut sebagaimana yang tercatat di atas. Kemusykilan atau permasalahan yang timbul mampu terjawab dengan adanya penterjemahan al-Quran dan tafsirannya. Umat

Islam khususnya perlu menyedari peranan terjemahan al-Quran dan memandang serius akan keperluannya pada masa hadapan seterusnya membuat pembaharuan dalam penampilan yang lebih moden dan kontemporari dalam penghasilan terjemahan al-Quran.

2.4.2 Hukum Terjemahan al-Quran.

Secara ringkasnya, pengertian terjemahan boleh dibahagikan kepada tiga pengertian iaitu tafsiran, terjemahan tafsiran dan terjemahan harfiah atau makna. Berdasarkan kepada ketiga-tiga pengertian ini para ulama telah meletakkan hukum bagi terjemahan al-Quran.

Bagi pengertian terjemahan seperti tafsiran, para ulama sepakat mengharuskannya malahan ia adalah satu tuntutan syarak. Sementara hukum melakukannya adalah fardu kifayah. (‘ Abd al-Rahīm, 1981:534).

Pengertian al-Quran sebagai terjemahan tafsiran, para ulama berpendapat ia diharuskan kerana ia merupakan satu cara untuk memahami al-Quran bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab dan sebagai satu kaedah untuk berdakwah kepada orang bukan Islam. Walau bagaimanapun ulama meletakkan beberapa syarat. (‘ Abd al-Rahīm, 1981:536-538) , antaranya:

1. Terjemahan dilakukan berdasarkan kaedah yang betul.
2. Penterjemah mempunyai ilmu pengetahuan dalam kedua-dua bahasa.
3. Penterjemah hendaklah tidak cenderung kepada aqidah yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah.
4. Terjemahan yang dilakukan dapat mengelakkan sangkaan bahawa ia merupakan al-Quran itu sendiri.

Pengertian yang ketiga iaitu terjemahan harfiah atau makna, para ulama telah berselisih pendapat mengenainya sehingga dua pendapat yang berbeza:

1. Pendapat yang tidak mengharuskan.
2. Pendapat yang mengharuskan

a. Pendapat yang tidak mengharuskan.

Pendapat ini merupakan pendapat kebanyakan ulama sehingga ada pendapat yang mengatakan bahawa ia telah disepakati oleh para ulama. Mereka telah meletakkan hukum tidak harus berdasarkan beberapa hujah. Menurut Hakim Zainal (1996:27-28), ia boleh disimpulkan sebagai:

1. Al-Quran ialah rangkuman unsur-unsur lafaz, makna dan struktur bahasa Arab. Unsur makna semata-mata tidak dianggap sebagai al-Quran. Oleh yang demikian, sekiranya dilakukan terjemahan sudah pasti unsur-unsur ini akan bercerai dan tidak boleh dilabelkan sebagai al-Quran lagi.
2. Lafaz, makna dan struktur al-Quran ialah wahyu Allah s.w.t. Ia merupakan mukjizat yang manusia tidak dapat menandinginya dan sudah tentu tidak boleh untuk diterjemahkannya.
3. Kekurangan yang ketara terdapat dalam terjemahan-terjemahan sebelum ini adalah bukti yang jelas mengapa terjemahan al-Quran tidak boleh dilakukan.
4. Suatu ujaran hanya dikaitkan dengan pengujar dan penyusunnya mengikut hasil yang telah dilakukan. Sekiranya kandungan dan makna diungkapkan dengan ungkapan yang lain sama ada dengan bahasa asal atau bahasa lain, ia tidak dikaitkan lagi dengan pengujar asalnya. Oleh yang demikian, tidak harus mengatakan terjemahan al-Quran sebagai kalam Allah begitu juga tidak harus mengatakan terjemahan al-Quran ialah al-Quran.
5. Pembacaan al-Quran merupakan suatu ibadat dengan lafaz yang diturunkan kepada Nabi s.a.w.

b. Pendapat yang mengharuskan

Menurut Hakim Zainal (1996:29) hujah-hujah yang mengharuskan dan membolehkan al-Quran diterjemahkan adalah seperti berikut:

1. Islam adalah agama yang universal. Setiap umatnya wajib menyampaikannya ke pelosok dunia. Oleh yang demikian penterjemahan al-Quran adalah perlu bagi menyampaikan dakwah Islam kepada orang bukan Islam.
2. Orang Islam yang bukan Arab berkesempatan untuk memahami kitab Allah.
3. Orang Islam yang bukan Arab dapat mempelajari ilmu syarak dengan lebih mudah. Bahkan mereka dapat mengeluarkan hukum syarak tanpa merujuk kepada nas al-Quran yang asal.

Ini diakui sendiri oleh para penterjemah al-Quran. Antaranya Hamka (1984:23):

“Meskipun al-Quran boleh diterjemahkan kepada bahasa bukan Arab, namun perlu diingat bahawa dalam al-Quran itu sendiri terdapat berbagai-bagai rahsia yang tidak dapat diterjemahkan sekalipun dilakukan dengan penuh teliti dan hati-hati”.

Menurut Muhammad Arsyad Abdul Majid (2009:80) yang menukikan daripada Muhammad Marmaduke Pickthall (1971:i) menyatakan bahawa

“Pada dasarnya al-Quran tidak boleh diterjemahkan . Ini merupakan pandangan para ulama Islam zaman silam dan juga penulis sendiri. Kitab suci ini diterjemahkan menurut ertinya yang zahir dan berbagai-bagai usaha dilakukan agar memperoleh pengertian yang terbaik. Tetapi hasilnya sama sekali tidak dapat menyamai al-Quran yang teragung, bunyinya sahaja sahaja dapat mempesonakan setiap orang yang mendengarnya sehingga dapat menitis air mata dan dapat membungkam

hati mereka yang mengerti. Jadi terjemahan ini hanya sekadar usaha untuk menyampaikan makna al-Quran dalam bahasa Inggeris”.

Pengkaji melihat terjemahan al-Quran adalah satu usaha yang murni dan tidak perlu disalahertikan sebaliknya saling membantu bagi meningkatkan mutu terjemahan ke arah yang lebih baik dan sebaik-baiknya difahami oleh para pembaca tanpa ada rasa ragu atau bimbang kerana ia bukanlah untuk menyamai atau menandingi al-Quran bahkan ia hanya untuk satu tujuan iaitu menyampaikan risalah yang terdapat di dalamnya.

2.4.3 Masalah Terjemahan al -Quran ke Bahasa Melayu

Masalah terjemahan al-Quran ini sebenarnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu ayat al-Quran yang merupakan bahasa sumber dan bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa sasaran. Bahasa al-Quran ialah bahasa Arab yang mempunyai kualiti sangat tinggi sebagaimana perbincangan-perbincangan sebelum ini dan sememangnya menjadi kesukaran kepada penterjemah untuk menterjemahkan.

Antara masalah-masalah dalam terjemahan al-Quran al-Karim adalah seperti berikut:

1. Masalah dalam menterjemahkan ungkapan berunsur isti'arāṭ iaitu lafaz yang menunjukkan makna implisit mempunyai hubungan dengan makna asal. Di samping itu, makna yang digunakan mempunyai petunjuk kepada makna implisit yang makna asal tidak berkeupayaan untuk menyampaikannya. Menurut Muhammad Abū Zahraṭ (1970:266), sebab utama yang menjadikan proses terjemahan sukar ialah wujud banyak ungkapan isti'arāṭ dalam al-Quran seperti ayat 16 dalam surah al-Baqaraṭ,

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Terjemahannya : mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka memperoleh petunjuk hidayah.

(TPR, 2001:12).

Sheikh Abd Rahman Basmeih menterjemahkan ayat yang mengandungi makna isti'arat dengan menggunakan makna sebenar. Namun begitu beliau menjelaskan hal tersebut dalam nota kaki dengan mengatakan :

“Allah bandingkan keadaan mereka seperti orang yang berniaga yang tidak tahu cara berniaga yang betul, maka orang seperti ini bukan sahaja tidak mendapat laba bahkan modalnya hilang. Modal yang dimaksudkan itu ialah sifat-sifat semula jadi yang suci sejahtera yang dijadikan Allah untuk menerima agamaNya dan petunjukNya”.

(TPR, 2001:12).

Hal ini menunjukkan penterjemah memahami penggunaan lafaz dengan makna isti'arat dengan membuat penambahan terjemahan menggunakan nota kaki sebagai cara untuk menjelaskannya.

2. Wujud penggunaan pengguguran yang bermaksud pengguguran sebahagian ayat atau keseluruhan berdasarkan petunjuk. Terdapat banyak pengguguran dalam al-Quran dengan pelbagai bentuk. Sekiranya seorang penterjemah tidak berkeupayaan untuk menterjemah lafaz-lafaz yang digugurkan, ia menimbulkan masalah keaburan dalam memahami makna yang dimaksudkan. Ayat yang mempunyai pengguguran seperti dalam surah al-Nāzi'āt ayat 1-6.

وَالنَّارِ عَاتٍ غَرْقًا ﴿١﴾ وَالنَّشِيطِ نَشْطًا ﴿٢﴾ وَالسَّيِّحَاتِ سَبْحًا ﴿٣﴾ فَالسَّيِّقَاتِ سَبْقًا ﴿٤﴾

فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا ﴿٥﴾ يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾

Terjemahannya: Demi (makhluk-makhluk) yang mencabut (apa yang ditugaskan mencabutnya) dengan cara sekasar-kasarnya, yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya, dan demi (makhluk-makhluk) yang cergas bergerak (menerima perintah) dengan gerak secergas-cergasnya. Lalu masing-masing berlumba dahulu mendahului (menjalankan tugasnya) dengan cara yang

sesungguhnya, serta menyempurnakan tadbir urusan alam yang diperintahkan kepadanya, (sumpah demi sumpah, sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat) pada masa berlakunya “tiupan sangkakala yang pertama” yang menggoncangkan alam, (sehingga mati segala yang bernyawa dan punah ranah sekalian makhluk selain dari yang dikecualikan.

(TPR . 2001:1628-1629).

ARB menterjemahkan makna perkataan yang digugurkan itu dengan membina kurungan agar ayat yang diterjemahkan boleh difahami maksud sebenarnya. Kepada penterjemah yang hendak menterjemahkan ayat sebegini, ia perlu memahami keseluruhan ayat dan perlu merujuk kepada kitab tafsir sebelum membuat terjemahan kerana masalah terjemahan yang berkaitan dengan perkataan yang digugurkan itu menjadi rumit jika membuat tafsiran sendiri dan ia boleh menyimpang dari maksud sebenarnya.

Begitu juga pada surah al-Nahl, ayat 30:

﴿ وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارُ

الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعَمَ دَارَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾

Terjemahannya:.. dan ditanya pula kepada orang-orang Yang bertaqwa: "Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?" mereka menjawab: "**Kebaikan**" orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan Yang baik, dan Sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang Yang bertaqwa. (TPR,2001: 637).

Ayat ﴿ قَالُوا أَنْزَلَ رَبُّنَا خَيْرًا ﴾ sebenarnya adalah ﴿ قَالُوا خَيْرًا ﴾. Jawapan mereka ini diringkaskan

dengan hanya menyebut objeknya sahaja iaitu lafaz sahaja. Ayat yang digugurkan itu telah dijelaskan oleh petunjuk ayat sebelumnya. (Mohd Arsyad Abd Majid, 2009: 96).

3. Masalah qiraat juga memberi kesan kepada penterjemahan kerana setiap bacaan mad atau perubahan baris itu ada kesannya dari nahu dan sarf. Sesetengah perkataan al-Quran dibaca dengan qiraat yang berbeza mengikut riwayat yang mutawatir dari Nabi s.a.w. Perbezaan qiraat ini menyebabkan berlakunya perbezaan dari segi makna dan hukum-hukum ayat biarpun tulisannya tidak berubah. Sekiranya penterjemah hanya menterjemah satu qiraat bermakna beliau telah mengabaikan yang lain. Hal ini kerana penterjemah tidak dapat mempertimbangkan semua qiraat dalam terjemahannya seperti dalam surah al-Māidaṭ ayat 6,

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ

لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا

Terjemahannya :dan jika kamu junub (berhadass besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah – debu yang bersih. (TPR, 2001:245).

Perkataan لَمَسْتُمُ dibaca oleh Hamzaṭ dan al-Kisāiyy a tanpa alif, manakala imam-

imam yang lain yang lain membaca dengan mad ataupun dengan alif. Akibat daripada qiraat yang berbeza itu maka berlaku terjemahan yang berbeza, jika dibaca dengan

لَمَسْتُمُ ia bermaksud menyentuh (Kharuf,1994: 85), sementara bacaan dengan mad

لَمَسْتُمُ membawa kepada erti فاعل yang menunjukkan musharakah atau saling

melakukan antara dua orang dengan sengaja (al-Hamlawi) yang dinukilkan dari

Kamarul Shukri Mohd Teh (2005: 52). Lantaran itu, maksudnya bersetubuh kerana ia

berlaku antara dua orang dengan tujuan tertentu. Berdasarkan bacaan pertama imam Syafie menjadikannya dalil kepada hukum sentuhan membatalkan wuduk. Sementara Abu Hanifah beranggapan ia membawa maksud jimak lalu beliau menjadikan bacaan pertama sebagai dalil bahawa sentuhan tidak membatalkan wuduk.

4. Masalah terjemahan juga berlaku dalam memahami gaya bahasa al-Quran kerana wujud dalam al-Quran, penggunaan gaya bahasa yang pelbagai di antaranya seperti gaya bahasa pendepanan (التقديم) dan pentakhiran (التأخير). Contohnya boleh dilihat pada surah al-An' am, ayat ke-100, terdapat ayat yang menunjukkan contoh objek kedua didahulukan daripada objek yang pertama.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ

Terjemahannya : dan mereka menjadikan jin sekutu Allah. TPR (2001:315).

Pada asalnya (الْجِنَّ شُرَكَاءَ) tetapi didahulukan شركاء dari الجن untuk membawa maksud mencela. Dalam terjemahan TPR, ARB menterjemahkan tanpa mengekalkan struktur ayat bahasa sumber. (Mohd Arsyad Abd Majid, 2009: 99).

5. Masalah terjemahan juga berlaku dalam menentukan maksud atau makna partikel genitif selari dengan kehendak ayat kerana ada ketikanya partikel-partikel yang terdapat dalam al-Quran itu perlu diberikan penjelasan maksudnya dan tidak boleh diterjemahkan secara harfiah semata-mata kerana dibimbangi berlaku kekeliruan atau kesilapan dalam menentukan sesuatu hukum seperti dalam bab puasa dan wuduk, sebagaimana partikel (إلى) dalam contoh-contoh pada ayat 187, surah al-Baqarat:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ

إِلَى اللَّيْلِ

Terjemahannya: dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib).

Berdasarkan partikel (إلى) di atas, para fuqaha' telah bersepakat menyatakan bahawa akhir waktu berpuasa ialah masuknya waktu malam (Ibn Rusd. 1995:2:563). Partikel (إلى), dari segi bahasa ia bermaksud *sehingga* namun kedudukan partikel (إلى) itu bukan hanya merujuk kepada masa tetapi lebih kepada kesempurnaan ibadah puasa itu.

Ada juga pendapat mengatakan perkataan selepas partikel (إلى) itu bermaksud sejenis atau satu juzuk daripada perkataan yang disebut sebelum partikel itu, seperti firman Allah pada ayat 6, surah al-Maidah:

فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Terjemahannya: Maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.

Berdalilkan ayat di atas, jumhur ulama berpendapat siku merupakan bahagian anggota tangan yang wajib dibasuh ketika wuduk. Jika diterjemahkan secara harfiyah, perintah membasuh tangan itu seolah-olah berhenti setakat pada siku yang disebut selepas partikel (إلى) (al-Suyuti, 1988:1:344). Penterjemah perlu menjelaskan dengan terperinci akan maksud keseluruhan ayat supaya tiada timbul masalah jika ianya dijadikan rujukan oleh pembaca.

6. Masalah terjemahan al-Quran juga berlaku apabila penterjemahan yang dibuat begitu terpengaruh dengan gaya bahasa sumber atau bahasa Arab sehingga menjadi kesukaran kepada pembaca memahami teks terjemahan yang dibuat. Menurut Shaari

Abdullah (1983:13) sebagaimana yang tercatat dalam kertas kerja Mohamad Ali Hasan (1984:8) menyatakan bahawa :

“ .. kami dapati penterjemah terikut-ikut dengan selok belok susun bahasa sumber. Dengan ini apabila ditulis dalam bahasa sasaran maklumat yang cuba disampaikan tidak tercapai. Penterjemah masih cenderung menggunakan ejaan lama dan kurang arif tentang penggunaan kata imbuhan, struktur ayat bahasa Melayu dan Sebagainya”.

Contohnya dalam surah al-Qiyamaṭ ayat 30 :

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمَسَاقُ

Terjemahannya : Maka kepada Tuhanmu lah - pada waktu itu - Engkau dibawa (untuk menerima balasan).

(TPR. 2001:1602)

Gaya bahasa yang digunakan oleh ARB dipengaruhi oleh bahasa sumber menyebabkan ayat yang dibina tidak banyak perubahan daripada bentuk ayatnya yang asal dan pembaca boleh memahami dengan jelas maksud yang hendak disampaikan. Pada pandangan pengkaji, terjemahan ayat ini boleh juga dibuat begini :

“ Engkau dibawa (untuk menerima balasan) kepada Tuhanmu pada waktu itu”.

7. Penggunaan gaya bahasa Melayu yang pelik, berbelit-belit dan kabur banyak kita temui dalam teks terjemahan al-Quran. Gaya ini sering dijustifikasikan kerana kesukaran ilmu atau disiplin yang dipelajari. Tetapi ia sebenarnya terbit dari kaedah penterjemahan literal atau harfiah yang tidak disedari oleh penterjemah berkenaan. Oleh itu, penterjemah yang baik perlu akur pada penterjemahan yang menggunakan bentuk-bentuk persamaan asli dan natural dalam bahasanya sendiri.

Contohnya dalam surah al-Qiyamaṭ ayat 4:

بَلَىٰ قَدَرِينَ عَلَىٰ أَنْ نُسَوِّيَ بَنَانَهُ

Terjemahannya: bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain). (TPR. 2001:1599)

Gaya bahasa yang digunakan oleh ARB tidak menggunakan bahasa Melayu baku tetapi lebih terpengaruh dengan gaya bahasa Arab sehingga terjemahan itu memerlukan masa untuk difahami maksudnya oleh pembaca.

8. Masalah penggunaan perbendaharaan kata juga selalu berlaku apabila penterjemahan yang dibuat kadang-kadang tidak terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu perkataan yang digunakan perlu bertepatan atau sekurang-kurangnya hampir sama dalam konteks bahasa dan tidak menimbulkan keraguan dalam memahami erti sebenar sesuatu ayat yang diterjemahkan itu. Kadang-kadang penterjemah terpaksa menghuraikan sesuatu perkataan itu dengan menambah perkataan lain sebagai satu cara untuk memberi kefahaman kepada pembaca.

Contohnya dalam surah al-Qiyamaṭ ayat 24 :

وَوُجُوهٌُ يَوْمَئِذٍ بِآسِرَةٍ

Terjemahannya : Dan pada hari itu, muka (orang-orang kafir) **muram hodoh.** (TPR. 2001:1602).

Perkataan **بَآسِرَةٍ** bererti muram tetapi ada penambahan perkataan lain bagi menjelaskan maksud ayat tersebut.

9. Masalah dalam melahirkan perasaan yang sama seumpama bahasa sumber. Ayat-ayat al-Quran ada banyak bentuk seperti amaran, sedih, gembira, peringatan dan sebagainya. Pada mereka yang membaca al-Quran dan memahami maksudnya akan

mengalami perasaan yang berbeza-beza apabila membacanya mungkin ada ketikanya mereka akan menangis apabila membaca ayat-ayat azab dan begitulah sebaliknya. Bagi melahirkan perasaan yang sama selepas ia diterjemahkan mungkin sukar dan kebiasaannya ia tidak mencapai ke tahap tersebut.

10 Masalah penggunaan perkataan yang berbeza-beza walaupun mempunyai satu makna yang sama. Ada perkataan dalam al-Quran yang menyebut sebuah tempat dengan pelbagai nama seperti kota Mekah disebut sebelas kali tetapi dengan pelbagai nama seperti Makkah, Bakkah, al-Baladul Amin, al-Har amul Amin, Ummul Qura dan pelbagai lagi. Di sini disebutkan beberapa ayat yang mengandungi nama Mekaṭ serta nama-namanya yang lain : Surah Ali Imran ayat 96.

﴿٩٦﴾ إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahannya : Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada tuhanNya) ialah baitullah yang di makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia. (TPR. 2001:144)

Seterusnya surah al-Naml ayat 91:

﴿٩١﴾ إِنَّمَا أَمْرُهُ أَنِ أَعْبُدْ رَبَّ هَذِهِ الْبَلَدَةِ الَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُ كُلُّ شَيْءٍ ۗ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ

﴿٩١﴾ الْمُسْلِمِينَ

Terjemahannya : (katakanlah wahai muhammad):" aku hanyalah diperintahkan supaya menyembah Allah tuhan negeri (Mekah) ini yang telah menjadikannya suci lagi dihormati dan yang menguasai segala-galanya; dan aku diperintahkan supaya tetap menjadi dari orang-orang Islam (yang menyerah diri bulat-bulat kepadanya). TPR (2001:997)

11. Masalah dalam meletakkan makna yang paling tepat atau hampir sama merupakan masalah sering berlaku dalam terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu seperti ayat 2 surah al-‘alaq :

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾

Perkataan علق memberi makna yang pelbagai iaitu segumpal darah, ulat /lintah dan tergantung. Apakah makna yang bersesuaian atau makna mengikut kehendak ayat ini kerana ketiga-tiga makna tersebut mempunyai kaitan antara satu sama lain ketika berada dalam rahim seorang ibu.

Contohnya yang lain di dalam surah al-Anfal ayat 39 :

وَقَتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ فَإِنَّ آنتَهُوَ فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا

يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾

Terjemahannya : perangilah mereka sehingga tidak ada lagi *fitnah* dan (sehingga) menjadilah ugama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (dari kekufurannya dan gangguannya, nescaya mereka diberikan balasan yang baik) kerana sesungguhnya Allah maha melihat akan apa yang mereka kerjakan.(TPR,2001:411).

Perkataan *fitnah* bermaksud suatu tuduhan yang dibuat untuk memburukkan seseorang atau menjatuhkan atau memberi masalah tetapi di dalam bahasa Arab dan al-Quran, ia mempunyai pelbagai makna seperti ujian, bala, musibah, kecelakaan, fitnah, syirik dan sebagainya.

12. Terdapat juga kata kerja yang berbeza pelakunya iaitu *mufrad*, *muthanna* dan *jamak* seperti dalam ayat al-Quran, surah Yunus ayat 87 yang berbunyi :

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَنْ تَبَوَّءَا لِقَوْمِكُمَا بِمِصْرَ بُيُوتًا وَأَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا

الصَّلَاةَ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٩٤﴾

Terjemahannya : dan (setelah itu), Kami wahyukan kepada Nabi Musa serta saudaranya (Nabi Harun):

"Hendaklah kamu berdua mendirikan rumah-rumah di Mesir untuk menempatkan kaum kamu, dan Jadikanlah rumah-rumah kamu tempat sembahyang, serta dirikanlah sembahyang di dalamnya; dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang Yang beriman (bahawa mereka akan diselamatkan dari kezaliman Firaun dan kaumnya)". (TPR.2001:494)

Masalah dalam menyatakan pelaku dalam setiap kata kerja dalam ayat di atas, terdapat empat kata kerja yang mempunyai pelaku yang berlainan bagi setiap kata kerja iaitu

(بَشِّرِ تَبَوَّءَا أَجْعَلُوا أَقِيمُوا). Masalah yang timbul ialah kata kerja pertama diterjemahkan

dengan menyebut pelaku iaitu kamu berdua. Bagaimanapun kata kerja yang lain , hanya diterjemahkan dengan kata kerja tanpa menyebut pelaku seperti perkataan **اجْعَلُوا** jadikanlah, **اقِيمُوا** dirikanlah dan **بَشِّرِ** sampaikanlah sedangkan pelaku untuk perbuatan tersebut berlainan tetapi diterjemahkan dengan pelaku yang sama. Kata kerja **اقِيمُوا** dan **اجْعَلُوا** pelakunya Nabi Musa (a.s), Nabi Harun (a.s) dan kaumnya sementara kata kerja **تَبَوَّءَا** pelakunya Nabi Musa (a.s) dan Nabi Harun (a.s), kata kerja **بَشِّرِ** pula pelakunya Nabi Musa (a.s).

13. Unsur-unsur balaghah yang terdapat dalam al-Quran itu menjadikannya bahasanya begitu cantik dan berseni. Ayat-ayat al-Quran itu begitu tinggi nilai bahasanya sehinggakan penyair-penyair Arab pada ketika itu tidak dapat menandinginya. Masalah cukup besar kepada kita untuk menterjemah al-Quran kerana memerlukan kepakaran dan keupayaan yang tinggi untuk memahami unsur-unsur balaghah yang banyak dalamnya dan seterusnya menterjemahkannya dari sudut yang sama atau hampir sama.

14. Kelemahan ejaan bahasa Melayu yang digunakan kurang memuaskan dan tidak mengikut sistem ejaan terbaru yang telah diselaraskan. Dalam satu soal selidik yang dibuat oleh DBP terhadap 290 tenaga penulis dan penterjemah yang turut serta dalam Rancangan Penulisan dan Penerbitan buku-buku pengajian tinggi dalam bahasa Melayu terdapat 31% daripada mereka mengakui bahawa mereka menghadapi masalah menggunakan bahasa dengan baik dan sempurna. Penterjemahan yang dibuat perlu disunting dalam jangka masa yang lama.(Mohamad Ali Hasan.1984:8).

Contohnya dalam surah al-Qiyamaṭ ayat 30 :

وَضَنَّ أَنَّهُ الْفِرَاقُ

Terjemahannya : dan ia sendiri **yaqin**, Bahawa Sesungguhnya **sa'at** itu **sa'at** perpisahan.(TPR.2001:1602)

Ejaan pada perkataan yaqin dan sa'at adalah tidak menepati kaedah ejaan rumi yang sebenar. Sepatutnya ia dieja dengan ejaan berikut :

yaqin - yakin. (Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu(DUSB). 1991:702)

sa'at - saat. (DUSB. 1991:512)

Pengkaji berpendapat bahawa penterjemahan al-Quran bukan hanya bergantung pada isu bahasa sahaja tetapi ia meliputi pelbagai ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Quran itu sendiri dan ia juga boleh dikatakan sebagai masalah besar kepada penterjemahan jika tidak dapat menguasainya. Beberapa bidang ilmu yang dirasakan perlu dan penting untuk memahami al-Quran seterusnya untuk menterjemahkannya adalah seperti berikut :

1. Ilmu tafsir adalah satu cabang ilmu yang sangat penting dan penggunaan kitab tafsir sebagai sumber rujukan utama mampu menghasilkan terjemahan yang tidak lari

dari maksud sebenar ayat al-Quran yang hendak diterjemahkan. Buktinya terdapat dalam TPR yang meletakkan 19 kitab Tafsir sebagai sumber rujukan seperti Tafsir al-Tabari, Ibnu Kathir, al-Maraghi dan lain-lain lagi. (TPR. 2001:XV)

2. Kepakaran dalam bidang hadith: riwayat dan dirayah kerana hadith-hadith Nabi merupakan penjelasan dalam menafsirkan ayat-ayat *mujmal* dan *mubham* dan seterusnya hadis- hadis Rasulullah s.`a.w. akan membantu penterjemah dalam menerangkan segala kemusykilan yang timbul berhubung dengan perkara ini.

3. Berpengetahuan yang luas dalam bidang `Ulum al-Quran dapat membantu memahami ayat-ayat al-Quran dengan betul dan mendalam. Contohnya *Asbab al-Nuzul* akan menolong penterjemah dalam memahami maksud ayat berdasarkan latar belakang penurunan ayat. Begitu juga mengetahui *Makkiah* dan *Madani* dapat menyelesaikan keaburan ini. Contohnya penelitian kepada ayat-ayat jihad akan menyebabkan penterjemah dapat menggambarkan kewajipan jihad dengan maksud yang sebenar.

4. Ilmu *Usuluddin* dan ilmu tauhid kerana dengannya dapat mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ketuhanan dan hak-hak Allah dengan betul serta tidak mentakwilkannya dengan sewenang-wenangnya atau melampau batas.

5. Berpengetahuan dalam *Usul Fiqh* kerana ia dapat membantu membuat kesimpulan dari ayat-ayat al-Quran dan berdalil dengannya. Begitu juga mengenai ayat-ayat *mujmal* dan *mubayyan*, umum dan khusus, *mutlak* dan *muqayyad*, *amar* dan *nahi* dan perkara-perkara yang berkaitan.

Selain itu, penulis merasakan keperluan kepada ilmu-ilmu lain seperti ilmu sosiologi, antropologi, zoologi dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan maklumat umum seperti

sains, sejarah, geografi, psikologi dan sebagainya. Semuanya dapat membantu dalam menterjemahkan al-Quran dengan baik dan lebih tepat.

2.5 Kesimpulan

Penterjemah teks al-Quran memang berat dan memerlukan usaha yang jitu. Penterjemah perlu merujuk terjemahan al-Quran yang pelbagai yang pernah dibuat dalam bahasa Melayu, Indonesia, dan lain-lain untuk meraih makna dan padanan yang lebih jitu dan membawa semangat dan roh ayat al-Quran. Mereka perlu berani mengadakan sedikit pengubahsuaian bagi frasa yang mungkin sukar mencari padanan asli dalam bahasa kedua. Mereka sewajarnya kaya dengan pelbagai kata, bidalan bahasa dan kaedah pengucapan yang baik untuk memindahkan makna dalam teks asal. Mereka juga perlu memiliki keupayaan mengarang yang baik dalam bahasa Melayu.

BAB 3

LATAR BELAKANG KITAB TERJEMAHAN

3.0 Pengenalan

Pengajian Islam dalam bidang terjemahan tafsir di Tanah Melayu telah bermula sejak kurun ke 17 Masihi lagi. Penulisan terawal ialah terjemahan kitab tafsir telah ditulis oleh Tok Pulau Manis. (<http://disertasi.blogspot.com.tafsir> pimpinan rahman). Bermula daripada itu, bidang pengajian al-Quran mempunyai sejarahnya tersendiri di dalam perkembangannya di Tanah Melayu ini. Antara karya terkenal di dalam bidang ini yang sering digunakan oleh masyarakat di Malaysia ini ialah kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman. Manakala di Indonesia, banyak kitab terjemahan al-Quran yang boleh dijadikan pilihan kerana Indonesia lebih maju dalam bidang penulisan terjemahan dan banyak terdapat di pasaran tempatan.

3.1 Kitab Tafsir Pimpinan Al- Rahman (TPR)

TPR adalah sebuah kitab terjemahan al-Quran sekaligus merupakan kitab tafsir al-Quran yang telah dihasilkan oleh Abd Rahman Basmeih (ARB). Kitab ini digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, malahan ianya diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai sebuah kitab terjemahan al-Quran yang sewajarnya menjadi rujukan oleh masyarakat Islam di sini.

TPR telah mula diusahakan penterjemahan dan penulisannya semasa kepimpinan Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Keputusan untuk menterjemah al-Quran ini telah diputuskan oleh persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 13 Jun 1963. (<http://disertasi.blogspot.com.tafsir> pimpinan-al-rahman)

Pada awalnya sebuah majlis jawatankuasa khas ditubuhkan untuk tujuan penterjemahan ini sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Raja-Raja. Walau bagaimanapun terdapat banyak kesulitan dalam perjalanan pentadbiran majlis jawatankuasa ini. Pada bulan Oktober 1963, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah bertindak memindahkan kerja-kerja terjemah ini dengan meletakkannya di bawah kementerian beliau sendiri iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Setelah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman telah melantik Ustaz Faisal bin Haji Othman sebagai penterjemah al-Quran. Beliau telah melakukan usaha-usaha penterjemahan untuk tempoh beberapa bulan sahaja. Selepas itu beliau telah meletakkan jawatan. Selepas perletakkan jawatan beliau maka ARB diminta untuk meneruskan kerja-kerja terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu ini,

Bermula dari situ ARB telah gigih berusaha secara berperingkat-peringkat sehingga beliau berjaya menterjemah al-Quran ke bahasa Melayu dalam tulisan jawi pada peringkat awalnya, kemudian dalam tulisan rumi sebagaimana yang dapat kita lihat sekarang ini. Usaha-usaha gigih beliau ini telah mengambil masa yang lama di bawah kepimpinan empat orang Perdana Menteri Malaysia.

Nama sebenar ARB ialah Sheikh Abdul Malik bin Abdullah. Beliau telah dilahirkan di Kampung Pauh, Ulu Terengganu sekitar tahun 1650 M. Beliau adalah ulama' terawal yang terkenal di Terengganu. Beliau telah kembali ke rahmatullah sekitar tahun 1730 M.

ARB telah merujuk beberapa kitab lain sebagai panduan untuk menghasilkan kitab TPR. Kitab-kitab ini merangkumi kitab tafsir Arab, Melayu dan Indonesia, kitab hadis, kamus Melayu dan kamus Arab. Antara kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau ialah :

1. Jami' al- Bayan oleh al-Tabari
2. Tafsir Al-Qur'an al-'Azim oleh Ibn Kathir

3. Tafsir Ruh al-Ma'ani oleh al-Alusi
4. Tafsir Anwar al-Tanzil oleh al-Baydawi
5. Hasyiyah al-Syaykh Zadah oleh al-Syaykh Zadah
6. Hasyiyah al-Khaffaji oleh al-Syaykh al-Khaffaji
7. Hasyiyah al-Kazaruni oleh al-Syaykh al-Kazaruni
8. Tafsir al-Jalalayn oleh al-Mahalli dan al-Suyuti
9. Hasyiyah al-Jamal oleh al-Syaykh Sulayman al-'Ujayli
10. Hasyiyah al-Sawi oleh al-Syaykh Ahmad al-Sawi
11. Tafsir al-Manar oleh Imam Muhammad 'Abduh dan Sayyid Muhammad Rashid Rida
12. Tafsir Mahasin al-Ta'wil oleh al-Qasimi
13. Tafsir al-Maraghi oleh Ahmad Mustafa al-Maraghi
14. Tafsir al-Qur'an al-Karim oleh Mahmud Syaltut
15. Tafsir al-Jawahir oleh Tantawi Jawhari
16. Tafsir Fi Zilal al-Qur'an oleh Sayyid Qutb
17. Tafsir Gharib al-Qur'an oleh Ibn Qutaybah al-Dinawri
18. Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an oleh al-Suyuti
19. Kitab-kitab Tafsir Melayu dan Indonesia
20. Kitab Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari oleh Ibn Hajar al-'Asqalani
21. Kitab Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi oleh Imam al-Nawawi
22. Kitab al-Jami' al-Saghir oleh al-Suyuti

23. Kitab Syarh al-‘Azizi oleh ‘Ali Nur al-Din al-‘Azizi
24. Kitab Syarh al-Hifni oleh al-Hifni
25. Tuhfat al-Dhakirin (Syarh al-Hisn al- Hasin) oleh al-Syawkani
26. Kitab Fath al-Rahman oleh al-Maqdisi
27. Kitab-kitab kamus Arab
28. Kitab-kitab kamus Melayu

Secara keseluruhannya, ARB tidak menentukan format khusus untuk menterjemah dan mentafsir al-Quran. Beliau merujuk kepada kitab-kitab muktabar kemudian menterjemah ayat-ayat al-Quran dengan gaya terjemahan beliau sendiri tanpa terikut dengan mana-mana penterjemah.

Beliau menterjemah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami bukannya menterjemah mengikut huruf (harfiah). Mana-mana ayat yang memerlukan huraian dibuat huraian di tempat nota kaki. Huraian-huraian ini merupakan inti pati kepada bacaan beliau terhadap kitab-kitab rujukan yang digunakan. Kata-kata dari ulama' seperti Almarhum Dato' Haji Muhammad Noor turut dimasukkan pada tempat-tempat tertentu. Perlu difahami di sini bahawa beliau tidak mentafsir ataupun membuat huraian pada semua ayat al-Quran, hanya ayat-ayat tertentu sahaja yang diberi huraian dan penjelasan. Selebihnya hanyalah terjemahan ayat. Oleh sebab itu, kitab ini sebenarnya lebih merupakan terjemahan kepada ayat-ayat al-Quran dan ARB membina terjemahan dengan berasaskan kepada asas-asas seperti tafsir al-Quran dengan al-Quran contohnya pada ayat-ayat tertentu beliau memberikan penjelasan dengan menyebut nombor ayat dan nama surah yang menyokong dan menjelaskan ayat al-Quran yang dihurai. Contohnya pada ayat 37 surah al-Baqarah. Pada bahagian nota kaki ayat ini beliau menyatakan sebagaimana berikut :

*“kalimah-kalimah pengakuan taubat yang telah diilhamkan oleh Allah
Ta ‘ala kepada nabi Adam dan isterinya – Hawa”*

Kalimah-kalimah taubat ada tersebut dalam ayat 23 surah al-A‘raf iaitu

“رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ”

Selain itu, tafsir al-Quran dengan hadis seperti pada sesetengah ayat, ARB menghuraikan ayat dengan hadis Nabi s.a.w. Walau bagaimanapun ARB tidak menyatakan matan hadis tersebut. Begitu juga tidak menyatakan perawi hadis tersebut. Ada kalanya beliau menyebut dari sumber hadis tersebut diambil contohnya pada ayat 6 surah al-Fatihah dan ada ketikanya beliau hanya menyebut tentang mafhum hadis sahaja seperti dalam ayat 54 dan 55 surah Ali Imran.

ARB tidak menghurai huruf-huruf muqatta‘ah bahkan beliau menyatakan bahawa “Allah jualah yang mengetahui erti dan maksud huruf-huruf yang terletak pada permulaan setengah-setengah surah al-Quran seperti ا . ل . م (Alif Lam Mim).

ARB juga telah memberi penekanan pentafsiran kepada ayat-ayat hukum, tetapi tidak semua ayat hukum dijelaskan oleh beliau. Antara contoh yang dapat dilihat adalah pada penjelasan tentang hukum mewarisi wanita pada zaman jahiliah yang telah diterangkan oleh Allah dalam firman-Nya pada surah al-Nisa’ ayat 19. Begitu juga pada hukum haram membunuh seseorang manusia yang dinyatakan pada surah al-Isra’ ayat 33.

Antara ciri-ciri pentafsiran ARB yang lain ialah beliau turut menghuraikan istilah-istilah tertentu yang dirasakan oleh beliau penting untuk dihuraikan. Contohnya istilah Allah, al-Rahman, al-Rahim pada surah al-Fatihah.

Kitab TPR ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Ia adalah satu-satunya kitab terjemahan lengkap 30 juzuk yang diterbitkan dalam bahasa Melayu. Selain itu penulis kitab ini iaitu ARB telah menggunakan kitab-kitab yang muktabar sebagai rujukan kepada terjemahan tafsiran kitab ini. Kitab ini juga istimewa kerana selain

daripada diterjemahkan oleh seorang ilmuwan yang dipercayai ia juga disemak oleh Dato' Haji Muhammad Noor mufti negeri Kelantan yang memang tidak diragui tentang keilmuan dan kealimannya. Kitab ini juga mendapat perhatian kerajaan Malaysia dengan diadakan Lujnah Tashih yang khusus bagi kitab ini. Kitab ini menjadi lebih penting kerana diterbitkan dalam dua versi tulisan iaitu tulisan jawi dan rumi sekali gus membolehkan golongan tua dan muda menggunakannya mengikut keselesaan masing-masing.

3.2 Kitab Yayasan Kumpulan Penterjemah Indonesia (YKPI)

Terdorong oleh rasa tanggung jawab terhadap umat Islam yang menggunakan bahasa Indonesia, Sekretariat Jendral “ Mujamma ” merasakan sangat penting dalam penyebaran al-Quran dan terjemahan maknanya ke dalam bahasa Indonesia bagi tujuan yang mulia ini maka telah dipilih terjemahan al-Quran yang telah disahkan dan dicetak oleh Bahagian Agama Republik Indonesia. YKPI (1971: xi).

Berdasarkan kepada kepentingan yang berlaku dalam meneliti naskhah ini maka terbentuklah sebuah kumpulan dari tenaga-tenaga pakar dalam bidang syariah untuk meneliti dan mengadakan penyempurnaan di bawah pengawasan Lembaga Pusat Riset, Dakwah dan Bimbingan Islam di Riyadh yang diwakili oleh Atas Agama Kedutaan Besar Saudi Arabia di Jakarta dan juga di bawah pengawasan Bahagian Agama Republik Indonesia untuk tujuan meneliti teks Terjemah al-Quran dengan harapan supaya dapat mencapai hasil yang sempurna.

Pengkaji melihat kitab terjemahan al-Quran YKPI adalah sesuai untuk dibuat perbandingan disebabkan penghasilan kitab ini adalah secara berkumpulan.

YKPI yang diarahkan pada tahun 1967 untuk menyelenggarakan dan menerbitkan serta menyiarkan Kitab al-Quran dan Terjemahannya telah berjaya melaksanakan tugas tersebut dengan jayanya dan terhasil kitab terjemahan dalam satu jilid sahaja yang merangkumi tiga puluh juzuk ayat al-Quran.

Tugas berat ini berjalan selama lapan tahun dengan melalui pelbagai kesulitan dan kepayahan namun dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan tekun tanpa mengenal erti penat mereka berjaya jua akhirnya. Mereka itu ialah :

- a) Prof. T.M. Hasbi Ashshiddiqi
- b) Prof. H. Bustami A.Gani
- c) Prof. H. Muchtar Jahya
- d) Prof. H.M. Toha Jahya Omar
- e) Dr. H.A. Mukti Ali
- f) Drs Kamal Muchtar
- g) H. Gazali Thaib

Para penulis membahagikan kitab ini kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama menceritakan tentang sejarah al-Quran mengenai apa yang dimaksudkan dengan al-Quran, cara-cara al-Quran diwahyukan, hikmah diturunkan al-Quran secara beransur-ansur, ayat-ayat *Makkiyah* dan ayat *Madaniah*, nama-nama al-Quran, surah-surah dalam al-Quran, huruf-huruf *Hijaiyyah* yang ada dalam permulaan surah dan pembahagian al-Quran. Ia menceritakan juga tentang sejarah pemeliharaan al-Quran pada zaman Nabi saw, Abu Bakar r.a dan pembukuannya pada zaman Osman r.a. Sementara bahagian kedua pula merupakan isi kandungan yang utama yang berkaitan dengan ayat serta terjemahnya.

3.3 Kesimpulan

Kitab TPR dan YKPI sememangnya tidak dapat dinafikan sebagai kitab terjemahan al-Quran yang banyak digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Sumbangan mereka

khususnya melalui penghasilan kitab ini adalah amat terpuji dan perlu dihargai oleh semua masyarakat. Jika usaha-usaha penterjemahan al-Quran tidak dilakukan sudah tentu keupayaan masyarakat untuk memahami al-Quran terbatas.

BAB 4

LATAR BELAKANG SURAH AL-QIYAMAH DAN PERBANDINGAN TERJEMAHANNYA

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan persoalan mengenai latar belakang surah al-Qiyamah dan membuat analisis perbandingan terjemahan dari sudut makna. Latar belakang surah al-Qiyamah ini adalah penting untuk dibincangkan agar kita mengetahui mengenai *asbabun nuzul* serta perkara-perkara pokok yang terdapat di dalamnya. Analisis perbandingan makna dari kedua-dua kitab iaitu TPR dan YKPI akan dijalankan selepas itu dengan membuat perincian mengikut perbezaan-perbezaan yang berlaku.

4.1 Latar Belakang Surah al-Qiyamah dan Penerangannya

Surah al-Qiyamah mengandungi 40 ayat, 199 perkataan dan 652 huruf. Ia termasuk dalam surah al-Makiyyat dan diturunkan selepas surah al-Qāri'at. Surah ini dinamakan al-Qiyamah yang diambil dari perkataan al-Qiyamah dari ayat pertama surah tersebut. Sebahagian besar ayatnya menceritakan tentang kehebatan hari Qiamat dan seksaan yang dialami manusia tiada batasnya. Pada hari itu, manusia menyesal kerana perbuatan baik yang dikerjakannya hanya sedikit. (Drs.HM.Sonhadji, 1990:479)

Menurut Prof. Dr. Hamka (1998:10,7761), surah ini menceritakan tentang tiga perkara utama iaitu :

1. Anjuran kepada Nabi s.a.w tentang membaca al-Quran.

Allah mengajarkan kepada Nabi bagaimana cara beliau menerima al-Quran iaitu wahyu yang dibawa oleh malaikat Jibril a.s. Tertulis dalam kitab-kitab tafsir bahawa nabi s.a.w. ketika malaikat Jibril datang membawa wahyu lalu membacakan kepada Nabi ayat-ayat

al-Quran. Beliau telah mengerakkan lidahnya meniru bacaan itu dengan tergesa-gesa sedangkan Jibril pada ketika itu baru saja membaca ayat tersebut.

Maka dalam ayat ini, nabi diberi tunjuk ajar oleh Allah, jika malaikat datang membawa wahyu hendaklah beliau mendengar terlebih dahulu dengan sebaik-baiknya tanpa perlu tergesa-gesa mengikuti bacaannya. Allah memberi jaminan bahawa wahyu yang datang kepada beliau tidak akan hilang bahkan semuanya akan terkumpul dalam ingatan atau hafalannya tanpa ada masalah. Seterusnya Allah menjelaskan bahawa cara bacaan al-Quran juga akan diajar dan dijamin oleh-Nya.

Menurut riwayat dari Bukhari yang dinukilkan dari Prof. Dr. Hamka (1998:10,7762) “apabila Jibril datang membawa wahyu, Nabi s.a.w. mendengar wahyu itu. Apabila Jibril telah pergi, beliau mengulang bacaannya sebagaimana bacaan yang diterima dari Jibril itu”.

2. Hari manusia melihat Allah.

Nikmat yang tidak terhitung sama ada nikmat tatkala hidup di muka bumi atau nikmat setelah sampai di akhirat menjadi puncak kepada cita-cita bagi sekalian orang yang beriman iaitu melihat wajah Allah. Syurga itu tempat bagi mencapai nikmat yang hakiki dan ketika diberi peluang melihat wajah Allah maka itulah sebesar-besar nikmat yang diberikan kepada orang yang beriman.

Berdasarkan kepada hadis-hadis sahih dari rasulullah s.a.w. tentang peluang melihat wajah Allah di akhirat, maka penganut Ahli Sunah Wal Jamaah hendaklah berkeyakinan bahawa melihat Allah di akhirat kelak adalah sebahagian perkara yang wajib diimani.

3. Bila manusia itu mati.

Allah memberi peringatan bahawa wajah orang yang derhaka dan menolak kebenaran Ilahi akan bermuram durja kerana mereka yakin bahawa malapetaka yang akan menimpa mereka pada hari kiamat, manakala mereka yang beriman mukanya berseri-seri kerana akan dapat melihat wajah Allah.

Kesengsaraan hidup di akhirat dapat dielakkan jika sewaktu hidup di dunia mereka ingat bahawa kehidupan di dunia ini tidak akan kekal bahkan waktu ajal pasti akan tiba. Mereka yang tidak mahu mempercayai akan hari kiamat kemudian mencemuh pula bila akan terjadi hari tersebut dan menggunakan kesempatan hidup di dunia untuk menderhakai Allah pasti akan menerima balasan azab di akhirat kelak.

Kesimpulan mengenai surah al-Qiyamah seperti berikut.

(Drs.HM.Sonhadji, 1990:489):

1. Masalah hari kiamat dan nafsu manusia adalah persoalan yang penting menurut tinjauan al-Quran dan kerananya Allah bersumpah dengan kedua-duanya.
2. Allah menggambarkan beberapa peristiwa dahsyat pada saat kejadiannya dan menegaskan tiada seorang pun dapat melepaskan diri dari hari kiamat itu.
3. Segala anggota tubuh akan menjadi saksi dalam mahkamah pengadilan Ilahi dengan sejujurnya dan tiada seorang pun boleh berbohong untuk menutup kejahatannya.

4.2. Analisis Perbandingan Terjemahan Surah Al-Qiyamah dari Sudut Makna

Pada peringkat awal, pengkaji akan melihat perbandingan makna pada terjemahan-terjemahan yang dibuat oleh YKPI dan TPR secara umum. Selepas itu, ianya akan dipecahkan mengikut kategorinya masing-masing. Setiap makna perkataan itu akan

dianalisis dari pelbagai sudut sama ada nahu, sarf, perbezaan dialek, gaya bahasa terjemahan atau makna hakikinya.

Setelah menjalankan analisis, dapatan yang diperolehi menjelaskan bahawa ada beberapa perbezaan makna yang dapat dikesan seperti yang tersenarai di bawah:

Bil	Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
1.	Partikel ب	Demi.	Dengan.
2.	النَّفْسُ اللّوَأَمَةُ	Jiwa yang amat menyesal.	Nafsullawwamah.
3.	Huruf Istifham أ	Apakah.	Patutkah.
4.	فَجْرٌ	Kufur.	Maksiat.
5.	يَسْأَلُ	Ia berkata.	Ia bertanya.
6.	البَصْرُ	Mata.	Pemandangan.
7.	بَرِقَ	Terbelalak.	Terpendar-endar.
8.	جُمِعَ	dikumpulkan.	Dihimpunkan.
9.	المَقَرُّ	Tempat berlari.	Melarikan diri.
10.	كَلَّا	Sekali-kali tidak.	Tak usahlah bertanya demikian.

11.	فَاقِرَةٌ	Malapetaka yang amat dahsyat.	Malapetaka yang membinasakan.
12.	الْفِرَاقُ	Waktu perpisahan.	Saat perpisahan.
13.	الْمَسَاقُ	Dihalau.	Dibawa.
14.	خَسَفَ	hilang	Telah hilang
15.	أَهْلُهُ	Ahlinya.	Keluarganya.
16.	يُمْنِي	Ditumpahkan.	Dipancarkan.
17.	عَلَقَةٌ	Segumpal darah.	Sebuku darah beku.
18.	الزَّوْجَيْنِ	Sepasang.	Dua jenis.
19.	أَلَيْسَ	Bukankah.	Adakah.
20.	صَلَّى	Solat.	Sembahyang.
21.	عِظَامُهُ	Tulang-tulang.	Tulang-belulang.
22.	بَنَانِهِ	Jari-jemarinya.	Jari-jarinya.
23.	Partikel و	Dan.	Serta.

24.	بَاسِرَةٌ	Muram.	Muram hodoh.
25.	رَاقٍ	Menyembuhkan.	Menawar jampi.
26.	السَّاقُ بِالسَّاقِ	Bertaut betis dan betis.	Bertindih-tindih.
27.	يَحْسَبُ	Menyangka.	Mengira.
28.	وَزَرَ	Tempat berlindung.	Tempat perlindungan.
29.	المُسْتَقَرَّ	Tempat kembali.	Ketetapan segala perkara.
30.	يُنَبِّأُ	Diberitakan.	Diberitahu.
31.	قَدَّمَ	Dikerjakan.	Telah lakukan.
32.	أَخَّرَ	Dilalaikan.	Ditinggalkan.
33.	أَلْفَى	Mengemukakan.	Memberikan.
34.	لِتَعْجَلِ	Hendak cepat-cepat.	Hendakkan cepat.
35.	عَلَيْنَا	Atas tanggungan Kamilah..	kepada Kamilah terserah urusan
36.	تُحِبُّونَ	Kamu mencintai.	Kamu sentiasa mencintai.

37.	الأَجْرَةُ	Akhirat.	Hari akhirat.
38.	وُجُوهُ	Wajah-wajah.	Muka.
39.	تَطْنٌ	Yakin.	Percaya dengan yakin.
40.	التَّرَاقِي	Kerongkongan.	Pangkal kerongkong.
41.	وَقِيلَ	Dan dikatakan .	Dan berkata .
42.	تَوَلَّى	Berpaling.	Berpaling ingkar.
43.	يُتْرَكُ	Dibiarkan.	Ditinggalkan.
44.	نُطْفَةٌ	Setetes air mani.	Air mani.
45.	يُمْنَى	Ditumpahkan.	Dipancarkan.
46.	المَوْتَى	Orang mati.	Orang-orang mati.
47.	قَادِرِينَ	Kami kuasa	Kami berkuasa

Analisis yang telah dijalankan mendapati sebanyak 47 perkataan yang diterjemahkan perlu untuk dikaji bagi melihat makna yang sebenar atau cara bagaimana ia diterjemahkan sehingga berlaku perbezaan terjemahan antara YKPI dan TPR. Huraian atau ulasan yang lengkap akan dilakukan bagi menganalisis punca berlaku perkara-

perkara tersebut. Maka di sini, ianya dibahagikan kepada beberapa kategori untuk dianalisis dengan melihat pada ayat-ayat berkenaan berserta terjemahnya yang asal .

Kategori-kategorinya seperti berikut :

1. Terjemahan makna yang sama atau hampir sama pengertiannya :

Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
عِظَامُهُ	Tulang-tulang.	Tulang-belulang.
بَنَاتُهُ	Jari-jemarinya.	Jari-jarinya.
يَحْسَبُ	Menyangka.	Mengira.
جُمِعَ	dikumpulkan.	Dihimpunkan.
يُتْرَكَ	Dibiarkan.	Ditinggalkan.
الْآخِرَةُ	Akhirat.	Hari akhirat.
قَدَّمَ	Dikerjakan.	Telah lakukan.
و Partikel	Dan.	Serta.
عَلَقَهُ	Segumpal darah.	Sebuku darah beku.
صَلَّى	Solat.	Sembahyang.

عَلَيْنَا	Atas tanggungan Kamilah..	kepada Kamilah terserah urusan
أَلْقَى	Mengemukakan.	Memberikan.
وَقِيلَ	Dan dikatakan .	Dan berkata .
يُؤْمَى	Ditumpahkan.	Dipancarkan.

Terjemahan kalimah-kalimah di atas mempunyai persamaan makna atau hampir sama walaupun perkataan yang digunakan berbeza tetapi masih memberi erti yang sama dan tidak merosakkan terjemahan yang dibuat. Terjemahan YKPI dan TPR pada perkataan di atas, boleh difahami dengan baik tanpa ada keraguan atau kekeliruan kepada pembaca. Ayat –ayat yang diterjemahkan secara keseluruhannya tiada perbezaan antara kedua-dua penterjemah tersebut sebagaimana ayat 3 :

أَتَحْسَبُ إِلَّا نَسْنُنُ الْإِنِّ نَجْمَعُ عِظَامَهُ ۖ ﴿٧٠﴾

Terjemahan : Apakah manusia mengira bahawa Kami tidak akan mengumpulkan (kembali) **tulang belulangnya**? (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan **tulang-tulang**nya (dan menghidupkannya semula)?. (TPR, 2001:1599).

Menurut Tafsir Ibnu Kathir (TIK) (1992:473), tafsirannya berbunyi begini:

"أَيُّ يَوْمِ الْقِيَامَةِ أَيُّظُنُّ أَنَا لَا نُفَدِرُ عَلَىٰ إِعَادَةِ عِظَامِهِ وَجَمْعُهَا مِنْ أَمَاكِنِهَا الْمُتَفَرِّقَةُ"

*Ertinya : Pada hari Qiamat nanti, manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan **tulang-tulang**nya dari tempat-tempat yang terpisah.*

Pada dasarnya perkataan عِظَامٌ adalah perkataan Jama' yang memberi makna banyak (tulang-tulang) sebagaimana yang terdapat pada ayat dan tafsirannya dan kedua-dua terjemahan juga memberi makna Jama' tetapi timbul persoalan tentang perkataan terjemahan manakah yang menepati kaedah bahasa Melayu, sama ada perkataan **tulang belulangnya** atau **tulang-tulang**nya. Berpandukan analisis ini, **Belulang** ertinya *sesuatu yang menyerupai tulang atau rangka*. (Kamus Dewan (KD), 2005: 157)

Jika dirujuk dalam nahu Melayu sebagaimana pandangan Asmah hj. Omar (2008 : 37), **Belulang** adalah perkataan Gandaan Suku Kata Pertama yang dibina dengan cara memendekkan atau menyingkirkan bahagian perkataan asalnya dan ia hanya mengambil hujung perkataan sahaja dan juga membawa maksud jamak. Sementara **tulang-tulang** merupakan Gandaan yang berlaku pada seluruh perkataan tersebut tanpa ada perubahan. Pada pendapat penulis, penggunaan perkataan **tulang-tulang** atau **belulang** sesuai digunakan kerana menepati kaedah tatabahasa Melayu dan kedua-duanya berbentuk jamak.

Seterusnya pada ayat 9 :

وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ﴿٩﴾

Terjemahan : Dan matahari dan bulan **dikumpulkan**. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Dan matahari serta bulan **dihimpulkan** bersama. (TPR, 2001:1600).

Menurut Tafsir Jallalain (TJ) (tt:4,269) :

"فَطَلَعَا مِنَ الْمَغْرِبِ أَوْ ذَهَبَ صَوْنُهُمَا وَذَلِكَ فِي يَوْمِ الْقِيَامَةِ"

Ertinya : Maka terbit kedua-dua dari arah barat atau hilang cahaya keduanya dan kejadian itu berlaku pada hari Qiamat.

Tafsiran di atas menunjukkan matahari dan bulan yang terbit dari arah yang sama ketika berlakunya hari Qiamat nanti akan hilang cahaya kedua-duanya. Terjemahan kalimah جُمِعَ oleh YKPI dan TPR adalah tepat, cuma perkataan yang digunakan berbeza iaitu **dikumpulkan** dan **dihimpunkan** tetapi masih mempunyai maksud yang sama. Ianya bererti *berhimpun, berkumpul*. (KD, 2005:537). Jika mengikut nahu Arab, perkataan جُمِعَ terbentuk dari pola fi'il Maḍi majhul. Justeru, terjemahannya menepati kaedah penterjemahan harfiah kalimah tersebut yang menjurus kepada bentuk majhul atau pasif.

Seterusnya pada ayat 36 :

أَتَحْسَبُ إِلَّا نَسْنُ أَنْ يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

Terjemahan : Apakah manusia **mengira**, bahawa ia akan **dibiarkan** begitu saja. (tanpa pertanggung jawaban)

(YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Patutkah manusia **menyangka**, bahawa ia akan **ditinggalkan** terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak hidupkan menerima balasan) ?. (TPR, 2001:1600).

Perbincangan mengenai makna yang hampir sama juga berlaku pada ayat di atas seperti mana kata kerja تَحْسَبُ pada ayat 36 itu bermaksud يظن (**menyangka**). (TJ, tt:4:269

). YKPI dan TPR mempunyai terjemahan dalam bentuk kata kerja mudhori' cuma berbeza perkataan yang digunakan kerana faktor budaya atau dialek bahasa. Jika dilihat perkataan **mengira** itu, serasi dengan dialek bahasa Indonesia manakala perkataan

menyangka itu sesuai digunakan dalam bahasa Melayu. Sementara itu, perkataan kedua pada ayat ini ialah perkataan **يُتْرَك** dalam pola majhul dan terjemahannya juga bertepatan dengan polanya seperti terjemahan **YKPI dibiarkan** dan **ditinggalkan** oleh TPR, cuma berbeza perkataan yang digunakan namun kedua-duanya selari seperti mana menurut Kamus Idris al-Marbawi (KIAM) (1990:77), **ترك** bererti *meninggal ia, membiar akan dia, mencuai akan dia* . Maka ini menunjukkan bahawa terjemahan pada ayat ini memang sesuai dengan bahasa masing-masing.

Begitu juga pada ayat 27,

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ﴿٢٧﴾

Terjemahan : Dan **dikatakan** (kepadanya) : "Siapakah yang dapat **menyembuhkan?** (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Dan (orang-orang yang hadir disisinya heboh) **berkata** : “Siapakah yang dapat **menawar jampi (dan mengubatnya)?**” (TPR, 2001:1600).

TPR menggunakan terjemahan tafsir dalam menterjemahkan ayat ini dan ianya menggunakan ayat aktif pada perkataan **قِيلَ** (pola majhul). Menurut TJ (tt:4:270)

"(وقيل) قَالَ مَنْ حَوْلَهُ"

Ertinya : (وقيل) Berkata mereka di sekelilingnya.

Manakala YKPI terus kepada ayat itu sendiri menyebabkan terjemahannya tiada perubahan dari segi tatabahasanya iaitu mengekalkan bentuk pasif (**dikatakan**) . Bagi perkataan **راقٍ** pula, terjemahannya menggunakan perkataan yang berbeza tetapi

mempunyai maksud yang sama dan selari dengan tafsiran ayat tersebut. Menurut TIK (1992:477), tafsirannya seperti berikut :

"أَيُّ مَنْ طَيِّبٌ شَافٌ"

Ertinya : Siapakah yang dapat menyembuhkan.

Pada ayat 21,

وَتَذَرُونَ الْآخِرَةَ ﴿٢١﴾

Terjemahan : Dan meninggalkan (kehidupan) **akhirat**. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Dan kamu tidak menghiraukan (bekalan untuk) **hari akhirat** (yang kekal abadi kehidupannya). (TPR, 2001:1600).

ada penambahan perkataan pada terjemahan **الْآخِرَةَ** iaitu perkataan **hari akhirat** (TPR)

sementara YKPI menterjemahkan dengan **akhirat** sahaja. Persoalannya, adakah ia menimbulkan kekeliruan pada pembaca, sudah tentu jawapannya tidak kerana penambahan yang dibuat tidak merosakkan makna malah ia mencantikkan lagi ayat terjemahan. Kesimpulannya, perkataan **hari** itu boleh diadakan ataupun ditiadakan bergantung kepada kehendak penterjemah sebagaimana terjemahan ayat 21 di bawah ini :

Seterusnya analisis tentang kata sendi partikel (و) yang terdapat pada ayat 9 merupakan huruf 'atof yang menghubungkan antara dua perkataan secara mutlak. Ia diterjemahkan dengan perkataan (**dan**) dan (**serta**). Kedua-duanya adalah kata hubung gabungan yang berfungsi untuk menggabungkan dua perkataan.

وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ

Terjemahan : Dan matahari **dan** bulan dikumpulkan. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Dan matahari **serta** bulan dihimpunkan bersama. (TPR, 2001:1600).

Terjemahan ayat di bawah pula menggunakan kata hubung tunggal seperti perkataan **walaupun** dan **meskipun** dalam menterjemahkan perkataan (لَوْ) . Jika dii' rab, perkataan (لَوْ) adalah huruf syarat dan أَلْقَى menjadi fi' il syarat manakala jawab syaratnya mahzuf. (Muhyiddin Darwish. 1999 : 148).

وَلَوْ أَلْقَى مَعَاذِيرَهُ


Terjemahan : **Meskipun** dia mengemukakan alasan-alasannya. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : **Walaupun** ia memberikan alasan-alasannya (untuk membela diri). (TPR, 2001:1600).

Kedua-dua ayat di atas menggunakan terjemahan yang sesuai dengan ayat yang diterjemahkan dengan menggunakan kata hubung yang menepati kehendak ayat. Pada asalnya perkataan أَلْقَى bermakna **mencampakkan** Kamus al-Tulab (1994:146) tetapi perubahan makna berlaku mengikut konteks ayat sebagaimana yang diterjemahkan YKPI iaitu **mengemukakan alasan-alasannya** sementara TPR pula dengan terjemahan **memberikan alasan-alasannya** (untuk membela diri). Perkataan **mengemukakan** bererti *1. membawa ke hadapan atau ke muka; 2. mengetengahkan (sesuatu pendapat dll supaya dipertimbangkan), memberi pendapat bkn sesuatu*. Perkataan **memberikan** erti *menyerahkan sesuatu*. (KD. 2005: 170). Jika mengikut makna yang sebenar, sepatutnya ia diterjemahkan dengan **mencampakkan alasan-alasan** namun antara

perkataan **mencampakkan** dan **alasan-alasan** tidak sesuai dengan gaya bahasa Melayu.

Terdapat juga perkataan dengan tiada bandingannya dalam bahasa Melayu seperti ayat 38 pada perkataan **عَلَقَةَ** :

 **ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّى**

Terjemahan :

Kemudian mani itu menjadi **segumpal darah**, lalu Allah menciptakannya dan menyempurnakannya. (YKPI, 1971:1001).

Terjemahan :

Kemudian air mani itu menjadi **sebuku darah beku**, sesudah itu Tuhan menciptakannya dan menyempurnakan kejadian (sebagai manusia)?.
(TPR, 2001:1603).

Menurut TIK (1992:478) :

"فَصَارَ عَلَقَةً ثُمَّ مُضَعَّةً ثُمَّ شَكْلًا وَنُفِخَ فِيهِ الرُّوحُ"

Ertinya : Maka menjadi segumpal darah kemudian segumpal daging kemudian sekujur tubuh lalu ditiupkan roh padanya.

Perkataan **عَلَقَةَ** diterjemahkan dengan maksud **segumpal darah** oleh YKPI sementara TPR menterjemahkan dengan makna **sebuku darah beku**. YKPI dan TPR mampu menterjemah ayat tersebut dengan baik walaupun pada dasarnya ia masih tidak mencakupi keseluruhan ayat yang diterjemahkan. Sebagaimana perbincangan sebelum ini, perkataan **علق** memberi makna yang pelbagai iaitu *segumpal darah, ulat /lintah dan tergantung* (KIAM, 1990:39). Persoalannya, apakah makna yang bersesuaian atau

makna mengikut kehendak ayat ini kerana ketiga-tiga makna tersebut mempunyai kaitan antara satu sama lain ketika berada dalam rahim seorang ibu. Bagi pengkaji, terjemahan segumpal darah adalah tepat kerana ia dilihat dari faktor sains berhubung dengan proses kejadian manusia yang bermula dari persenyawaan air mani, segumpal darah, segumpal daging sehingga menjadi janin. Begitu juga kebanyakan ahli tafsir menafsirkan alaqah dengan makna segumpal darah. Hal ini mungkin dibuat berasaskan pandangan mata kasar. *Alaqah* sebenarnya suatu benda yang amat seni yang diliputi oleh darah.. (http://lailizah.tripod.com/proses_kejadian_manusia_menurut_al-Quran.htm).

Seterusnya ayat 19 :

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ

Terjemahan : Kemudian, sesungguhnya **atas tanggungan Kamilah** penjelasannya. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Kemudian, sesungguhnya **kepada Kamilah terserah urusan** menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (TPR, 2001:1601).

Menurut TIK (1992:475) :

"بَعْدَ حَفْظِهِ وَتِلَاوَتِهِ نُبَيِّنُهُ لَكَ وَنُوضِّعُهُ وَنُلْهِمُكَ مَعْنَاهُ عَلَى مَا أَرَدْنَا وَشَرَعْنَا"

Ertinya : Selepas menghafaz dan membacanya kami akan menjelaskannya pada kamu dan menerangkan maknanya maka terserah kepada kami apa yang kami mahukan dan syariatkan.

Terjemahan عَلَيْنَا mempunyai mempunyai persamaan maksud cuma berbeza cara dan gaya bahasa penyampaian tetapi pada dasarnya kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama.

Terdapat juga dalam ayat 37 :

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيِّ يُمْنَىٰ

Terjemahan : Bukankah dia dahulu **setetes mani yang ditumpahkan** (ke dalam rahim). (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan : Bukankah ia berasal dari **air mani yang dipancarkan** (ke dalam rahim)?. (TPR, 2001:1603).

Menurut Muhyiddin Darwish (1999 : 148), perkataan يُمْنَىٰ pada asalnya bermaksud :

يُصَبُّ فِي الرَّحْمِ

Ertinya : Dipancarkan ke dalam rahim.

وَالْمَنِي : مَا يَخْرُجُ عَنِ الْجِمَاعِ مِنَ الْمَاءِ الدَّافِقِ

Ertinya : Dan mani adalah air yang keluar akibat jima ‘.

Perkataan يُمْنَىٰ adalah *fi ‘l Mudhari ‘ bina ‘ majhul* yang merupakan sifat bagi المنى. Terjemahan di atas meletakkan perkataan **yang** bagi menonjolkan perkataan يُمْنَىٰ sebagai sifat adalah bertepatan dengan tatabahasa Melayu. Hakikatnya, kedua-dua penterjemah itu berjaya membina terjemahan yang baik cuma mengubah kepada perkataan yang lebih sesuai mengikut konteks ayat dalam menceritakan keadaan air mani yang dimasukkan ke dalam rahim supaya pembaca mendapat gambaran yang tepat mengenainya dan lebih mudah memahaminya. YKPI memberi makna **ditumpahkan** yang bermaksud *terkeluar, keluar dr bekasnya* (KD, 2005: 1732) dan TPR **dipancarkan** bermaksud *berpencaran memancut (keluar) ke berbagai-bagai arah atau ke sana sini memancar.* (KD, 2005: 1124).

2. Terjemahan makna yang berbeza maksudnya.

Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
Partikel ب	Demi.	Dengan.
المَفْر	Tempat berlari.	Melarikan diri.
كَلَّا	Sekali-kali tidak.	Tak usahlah bertanya demikian.
أَهْلُهُ	Ahlinya.	Keluarganya.
يَسْأَلُ	Ia berkata.	Ia bertanya.
البَصْرِ	Mata.	Pemandangan.
بَرْقٍ	Terbelalak.	Terpendar-pendar.
السَّاقُ بِالسَّاقِ	Bertaut betis dan betis.	Bertindih-tindih.
عَلَيْنَا	Atas tanggungan Kamilah..	Kamilah yang berkuasa.
المَسَاقِ	Dihalau.	Dibawa.
الزَّوْجَيْنِ	Sepasang.	Dua jenis.

Perkataan-perkataan di atas mempunyai perbezaan secara terjemahan harfiah namun begitu dari segi terjemahan keseluruhannya, ia masih lagi boleh difahami akan maksudnya.

Antaranya kata kerja yang diikuti dengan partikel (ب) seperti dalam ayat 1 :

لَا أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ﴿١﴾

Terjemahan : Aku bersumpah **demi** hari kiamat. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Aku bersumpah **dengan** hari Kiamat . (TPR, 2001:1599).

Perkataan أَقْسِمُ merupakan kalimah *fi 'il Mudhari* yang mana *fa 'ilnya* adalah *dhomir mustatir taqdirnya* أَنَا. (Muhyiddin Darwish, 1999 : 155). Ia merupakan kata ganti nama diri pertama iaitu “saya” dan telah diterjemahkan “Aku bersumpah” oleh keduanya. Sumpah itu bermaksud *1. pengakuan yang dibuat (dengan bersaksikan Tuhan atau sesuatu yang dianggap suci) untuk menguatkan apa yang dikatakan dll.* (KD, 2005 : 1541).

Pengkaji melihat partikel Jarr (ب) , huruf yang diterjemahkan dengan perkataan **demi** yang bermaksud : *Allah bersumpah dgn (atas) nama Allah.* (KD, 2005:331).

Perkataan **dengan** itu bermaksud : *(ber)serta, bersama, disertai (oleh).* (KD, 2005:334). Penulis berpandangan bahawa perkataan **demi** itu lebih sesuai digunakan pada terjemahan ayat ini bersandarkan kepada maksudnya dalam KD.

Seterusnya ayat 10 :

يَقُولُ الْإِنْسَانُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ الْمَفْرُجُ ﴿١٠﴾

Terjemahan : Pada hari itu manusia berkata : “ Ke mana **tempat berlari?** ” (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : (Maka) pada hari itu, berkatalah manusia (yang ingkarkan hari kiamat) : “ Ke manakah hendak **melarikan diri** ? ” . (TPR , 2001:1600).

Jika dilihat dari sudut sarf, perkataan الْمَفْرُ itu merupakan kalimah isim makan (kata nama tempat) . Oleh itu, mengikut pandangan pengkaji terjemahan YKPI seiring dengan makna sarf kalimah tersebut sedangkan TPR menterjemahkannya dalam bentuk *fi ‘ il* (kata kerja). Timbul persoalan di sini, mengapa terjemahan TPR menggunakan kata kerja sedangkan ia perkataan Isim. Persoalan ini perlu dirujuk kepada tafsirannya yang berbunyi begini :

"أى إذا عاين ابنُ آدم هذه الأهوالِ يومَ القيامةِ حينئذٍ يُريدُ أن يفر"

Ertinya : Pada hari itu, berkatalah manusia (yang ingkarkan hari kiamat) : “ Ke manakah hendak melarikan diri ”? . (TIK, 1992:475)

Ini bermakna terjemahan TPR adalah tafsiran daripada ayat tersebut manakala YKPI menterjemahkan terus dari ayatnya yang asal. Kedua-dua terjemahan adalah tepat dan menepati maksud ayat dan juga tafsirannya.

Begitu juga pada ayat 11 ini, wujud perbezaan terjemahan yang jelas dalam menjelaskan ayat berikut :

كَلَّا لَا وَزَرَ

Terjemahan : **Sekali-kali tidak!** Tidak ada tempat berlindung!. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : **Tak usahlah bertanya demikian!** Tidak ada lagi tempat perlindungan!. (TPR, 2001:1600).

Menurut TJ (tt:4,269) :

"(كلا) رَدَعَ عَنْ طَلَبِ الْفَوَارِ"

Ertinya : (Sekali-kali tidak) menolak keinginan hendak berlari.

Menurut KIAM (1990:192), كَلَّا bermaksud **sekali-kali tidak atau jauh sekali**. Terjemahan YKPI selari dengan maknanya yang sebenar sementara TPR pula menterjemahkan ayat tersebut dengan mengaitkan ayat sebelumnya yang bertanyakan tentang tempat berlari. Bagi menunjukkan kesinambungan dalam penterjemahannya maka ia menjawab pertanyaan itu dengan **Tak usahlah bertanya demikian!**. Di sini menunjukkan teknik penterjemahan YKPI lebih kepada terjemahan setara sementara TPR menggunakan terjemahan makna menyebabkan penggunaan perbendaharaan katanya lebih kepada makna ayat secara keseluruhannya.

Ayat 39 juga mempunyai terjemahan yang berbeza :

فَجَعَلَ مِنْهُ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى ﴿٣٩﴾

Terjemahan : Lalu Allah menjadikan daripadanya **sepasang** laki-laki dan perempuan. (YKPI, 1971:1001).

Terjemahan : Lalu Tuhan menjadikan daripadanya **dua jenis** lelaki dan perempuan. (TPR, 2001:1603).

Perkataan الزَّوْجَيْنِ diterjemahkan dengan maksud **sepasang** (YKPI) yang bermaksud *1. jodoh, kelamin (laki-laki dan perempuan atau jantan dan betina)*. (KD, 2005: 1144). Sementara TPR menterjemahkan dengan perkataan **dua jenis** bersinonim dengan golongan, kumpulan, kelompok atau kelas. Menurut TJ (tt:4,269), ia bermaksud dua jenis (النَّوْعَيْنِ) sama dengan terjemahan TPR. Kedua-dua terjemahan mempunyai mempunyai rujukan masing-masing, maka pastinya perbezaan yang berlaku ada hujah dan tafsirannya yang tersendiri dan bersesuaian dengan budaya bahasa masing-masing.

Ayat 12 memperlihatkan perbezaan pada perkataan **الْمُسْتَقَرَّ** :

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾

Terjemahan : Hanya kepada Tuhanmu sajalah pada hari itu **tempat kembali**. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Pada hari itu, kepada Tuhanmulah sahaja terserahnya **ketetapan segala perkara**. (TPR, 2001:1600).

الْمُسْتَقَرَّ ialah *isim makan*. Ertinya yang sebenar ialah tempat tetap atau tempat tinggal. (Mu' jam al-Lughatul Arabiah al-Mu' ashoraṭ, 2008 : 3,1796) YKPI ada menyebut perkataan tempat sementara TPR meletakkan makna yang tiada unsur isim makan pada terjemahannya tetapi masih mengekalkan makna asalnya. Menurut TIK (1992:474), ia bermaksud **tempat kembali** (الْمَرْجِعُ). Pada pandangan pengkaji, terjemahan TPR merujuk kepada tafsiran **الْمُسْتَقَرُّ** sebagaimana yang disebut oleh Muhyiddin Darwish (1999 : 147) :

"يَسْتَقِرُّ الْأَمْرَ إِلَىٰ رَبِّكَ"

Ertinya : Kepada Tuhanmulah sahaja terserahnya ketetapan segala perkara.

Teknik terjemahan yang digunakan oleh YKPI ialah terjemahan setara dan TPR pula menggunakan terjemahan makna.

Pada ayat 26 :

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ الرَّاقِيَ ﴿٢٦﴾

Terjemahan : **Sekali-kali jangan**. Apabila nafas (seseorang) telah (mendesak) sampai ke kerongkongan. (YKPI 1971:1000).

Terjemahan : **Sedarlah** (janganlah mengutamakan dunia dan melupakan akhirat. Ingatlah akan hal orang yang hendak mati) apabila rohnya sampai ke pangkal kerongkong. (TPR, 2001:1602).

Ayat ini merupakan ayat amaran atau peringatan kepada manusia supaya jangan meninggalkan keutamaan akhirat semata-mata hendak mengejar kemewahan dunia sehingga kita lupa hari kematian. Penterjemah cuba untuk memberikan terjemahan yang berbentuk teguran agar memberi kesan kepada pembaca sebagaimana terjemahan TPR atau YKPI. Perbezaan dapat dilihat dalam perkataan **Sekali-kali jangan** dan **Sedarlah** yang menunjukkan satu bentuk amaran walaupun penggunaan perbendaharaan katanya tidak sama. TPR pula menambahkan huraian dalam membicarakan ayat 26 ini dengan membuat tafsiran dalam kurungan selepas menterjemahkan perkataan **كَلَّا** yang pada asalnya bererti sekali-kali tidak. (KIAM, 1990:192).

Seterusnya ayat 22,

ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰ أَهْلِهِ يَتَمَطَّى ۗ

Terjemahan : kemudian ia pergi kepada **ahlinya** dengan berlagak (sombong). (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan :Kemudian ia pergi kepada **keluarganya** dengan berlagak sombong megah. (TPR, 2001:1599).

Menurut Lisanul Arab (1990:11,28), **أهل** bermaksud : *ahli, isi rumah,kerabat-kerabat*.

Bersandarkan kepada maknanya, pengkaji melihat perkataan **أَهْلِهِ** adalah perkataan homonim iaitu mempunyai dua makna atau lebih seperti **ahli** (YKPI)yang bersinonim dengan anggota, warga dan anak buah sementara **keluarga** (TPR)pula sinonim dengan famili, seisi rumah tangga, suami dan isteri serta anak-anak. Bersandarkan pada maksud perkataan **أَهْلِهِ** , kedua-dua terjemahan itu merangkumi makna sebenarnya.

Ayat seterusnya berbunyi :

يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ﴿٦﴾

Terjemahan : Ia **berkata**: " Bilakah hari kiamat itu? " (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan :Dia **bertanya** (secara mengejek): " Bilakah datangnya hari kiamat itu? " (TPR, 2001:1599).

Menurut TIK (1992:474) :

"يَقُولُ مَتَى يَكُونُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَإِنَّمَا سُؤَالُهُ سُؤَالٌ اسْتِنْبَاعٌ لَوْفُوْعِهِ وَتَكْذِيبٌ لِّوَجُوْدِهِ"

*Ertinya : Ia **berkata**, bilakah terjadi hari kiamat itu dan sesungguhnya soalan itu hanya untuk mengganggu kiamat itu lama lagi akan berlaku dan cuba mendustakan kewujudannya.*

Apabila melihat kepada tafsiran ayat ini, jelas di sini bahawa kedua-dua terjemahan itu menggunakan يقول (**berkata**) dan يسأل (**bertanya**) dalam memulakan terjemahan masing-masing. Perkataan **berkata** bersinonim dengan *ucap, tutur, bicara, cakap*, dan **bertanya** : *jawab soal jawab , temu ramah*. (KD,2005: 1605). Perbezaan yang berlaku kerana ada terjemahan yang dibuat melalui ayat itu sendiri atau terjemahan yang merujuk kepada tafsiran ayat. TPR membuat penambahan perkataan dalam kurungan (secara mengejek) dalam menjelaskan lagi cara bagaimana pertanyaan itu dibuat bagi memberikan gambaran yang selari dengan tafsiran ayat mendustakan hari Qiamat.

Seterusnya perbezaan pada perkataan البَصْرُ yang diterjemahkan dengan makna **pemandangan** dan **mata** seperti terjemahan di bawah :

فَإِذَا بَرِقَ الْبَصْرُ ﴿٧﴾

Terjemahan : Maka apabila **mata** terbelalak (ketakutan). (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan :Maka (jawabnya : hari kiamat akan datang) apabila **pemandangan** menjadi terpendar-endar (kerana gerun takut). (TPR, 2001:1599).

Menurut TJ (tt:4,269) :

" دَهْشَ وَتَحْيِرٌ لَمَّا رَأَى مِمَّا كَانَ يَكْذِبُ بِهِ "

Ertinya : Dia kehairanan kerana melihat perkara yang mereka dustakan (hari Qiamat).

Terjemahan YKPI menjurus kepada maksud ayat, maka perkataan **أَلْبَصَرَ** itu diterjemahkan dengan makna **mata** iaitu fizikal mata itu dalam keadaan terbelalak kerana ketakutan sementara TPR pula cenderung kepada tafsiran ayat secara keseluruhan lalu menterjemahkannya dengan makna pemandangan yang bererti penglihatannya menjadi terpendar-endar sebagaimana yang disebut di atas. Secara harfiah kedua-dua terjemahan menepati maksud yang sebenar sepertimana menurut KIAM (1990:54), **أَلْبَصَرَ** bermaksud *pemandangan, tempat melihat dan mata*.

Ayat seterusnya adalah :

وَأَلْتَفَّتِ السَّاقُ بِالسَّاقِ ﴿١١﴾

Terjemahan : Dan bertaut betis (kiri) dan betis (kanan), (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan : Serta kedahsyatan bertindih-tindih. (TPR, 2001:1599).

TPR menulis dengan makna **kedahsyatan bertindih-tindih** yang lebih mirip kepada tafsiran ayat tersebut sebagaimana menurut TIK (1992:477) :

" قَالَ عَلِيٌّ بْنُ أَبِي طَلْحَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ يَقُولُ : أَخْرُ يَوْمٌ فِي الدُّنْيَا وَأَوَّلُ يَوْمٍ مِنْ أَيَّامِ الْآخِرَةِ "

" فَتَلْتَقِي الشَّدَّةَ بِالشَّدَّةِ إِلَّا مَنْ رَجَمَهُ اللهُ "

Ertinya : Berkata Ali bin Abu Tolhaṭ daripada Ibnu Abas berkata : pada akhir hari dunia dan hari pertama hari akhirat berlaku kedahsyatan bertindih-tindih kecuali mereka yang mendapat rahmat Allah.

Manakala YKPI pula menterjemahkan dengan terjemahan harfiyah iaitu **dan bertaut betis (kiri) dan betis (kanan)** seperti apa yang ditafsirkan oleh TJ (tt:4,270) :

" إِخْدَى سَاقَيْهِ بِالْأُخْرَى عِنْدَ الْمَوْتِ "

Ertinya : Bertaut betis (kiri) dan betis (kanan) ketika mati.

Pada dasarnya ayat ini diterjemahkan dengan merujuk kedua-dua tafsiran tersebut tetapi YKPI lebih cenderung kepada tafsiran yang mempunyai makna yang terhampir atau menyamai makna ayat berbeza dengan terjemahan TPR yang lebih condong kepada terjemahan tafsir.

3. Terjemahan makna yang sama tetapi ada penambahan perkataan.

Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
بَاسِرَةٌ	Muram.	Muram hodoh.
تَطَنُّ	Yakin.	Percaya dengan yakin.
النَّرَاقِي	Kerongkongan.	Pangkal kerongkong.
تَوَلَّى	Berpaling.	Berpaling ingkar.
يَتَمَطَّى	Berlagak sombong.	Berlagak sombong megah.
لِتَعْجَلِ	Hendak cepat-cepat.	Hendakkan cepat.

نُطْفَةٌ	Setetes air mani.	Air mani.
تُحِبُّونَ	Kamu mencintai.	Kamu sentiasa mencintai.
فَجْرٌ	Kufur.	Kufur dan maksiat.
حَسَفَ	Telah hilang	hilang

Terdapat sepuluh perkataan dalam surah ini yang ada penambahan perkataan pada terjemahan TPR, mungkin ia bertujuan untuk memberi penjelasan dengan lebih tepat apa yang dimaksudkan oleh ayat tersebut. Bagaimanapun YKPI pula lebih selesa dengan terjemahan yang ringkas dan menepati makna sebenar perkataan yang diterjemahkan itu seperti ayat-ayat di bawah:

بَلْ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ ۗ

Terjemahan : Bahkan manusia itu hendak membuat **maksiat** terus menerus. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : (Kebenaran itu bukan tidak ada buktinya), bahkan manusia (yang ingkar) sentiasa suka hendak meneruskan perbuatan **kufur dan maksiat** (di sepanjang hayatnya, sehingga ia tidak mengakui adanya hari kiamat) . (TPR, 2001:1599).

Perkataan **فجر** diterjemahkan oleh TPR dengan penambahan perkataan **kufur dan maksiat** bersesuaian dengan tafsiran yang dinukilkan dari TIK (1992 : 474) yang menyatakan seperti berikut :

" يَعْني الأمل , وَيَقُولُ الْإِنْسَانُ أَعْمَلُ ثُمَّ أَتُوبُ قَبْلَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ , وَيُقَالُ : هُوَ الْكُفْرُ بِالْحَقِّ بَيْنَ يَدَيِ الْقِيَامَةِ "

Ertinya: Ia bermaksud azam, manusia berkata aku melakukan kemudian aku akan bertaubat sebelum hari kebangkitan, dan dimaksudkan juga dengan pendustaan tentang berlakunya hari kebangkitan.

Jika di lihat di dalam KIAM (1990 : 78), ia bereti **berzina** sementara dalam KAT (1994 : 781) memberikan dua makna iaitu **berdusta, berzina dan melakukan kejahatan**. Selain kamus Arab-Melayu, penyelidik juga melihat kamus Arab-Arab seperti Mu'jam Wasit dan mendapati tidak wujud perkataan kufur dalam pengertian فُجْر itu. (MW,1960 : 675). Oleh itu penulis berpendapat, terjemahan TPR menggunakan terjemahan makna yang merujuk kepada tafsiran ayat sementara YKPI menggunakan terjemahan setara yang cenderung kepada terjemahan yang terhampir dengan maknanya.

Seterusnya ayat 20,

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾

Terjemahan : Sekali-kali janganlah demikian. Sebenarnya kamu (hai manusia) **mencintai** kehidupan dunia. (YKPI,1971:999).

Terjemahan : Sedarlah wahai orang-orang yang lalai. (Sebenarnya kamu tidak ingatkan kesudahan kamu) bahkan kamu **sentiasa mencintai** (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya. (TPR, 2001:1601).

Perkataan نُحِبُّونَ mempunyai terjemahan yang berbeza dalam kedua-dua kitab tersebut iaitu kamu (hai manusia) **mencintai (YKPI)** dan kamu **sentiasa mencintai (TPR)**. Perkataan نُحِبُّونَ adalah *fi'il Mudhari*, maka terjemahan keduanya menepati kaedah nahu namun ada sedikit perbezaan kerana ada penambahan perkataan pada terjemahan TPR. Terjemahan TPR melampirkan perbuatan sedang dan akan datang dalam menjelaskan makna perkataan itu yang menggambarkan sikap manusia yang sentiasa mencintai

kemewahan dunia berterusan sehingga hari Qiamat (TIK, 1992 : 475). Bagi pandangan pengkaji, terjemahan TPR lebih tepat berbanding YKPI jika dirujuk kepada tafsiran ayat tersebut kerana penambahan perkataan **sentiasa** menunjukkan perbuatan yang berterusan tanpa ada noktahnya.

Seterusnya pada ayat 24, perkataan **بَاسِرَةٌ** ialah *isim Fā'il* yang diterjemahkan dengan maksud orang-orang kafir **muram (YKPI)** atau **muram hodoh (TPR)**. TPR memberi tambahan perkataan **hodoh** pada perkataan **muram** sebagaimana terjemahan ayat di bawah :

وَوُجُوهُ يَوْمَئِذٍ بَاسِرَةٌ

Terjemahan : Dan wajah-wajah (orang Kafir) pada hari itu **muram**. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Dan pada hari itu, muka (orang-orang kafir) **muram hodoh**. (TPR , 2001:1602).

Jika dilihat perkataan **بَاسِرَةٌ** bererti *orang yang memasamkan mukanya*. (KIAM, 1990:52). Perkataan muram diterjemahkan dengan makna : 1. *tidak berapa terang (cahayanya)*, 2. **tidak berseri (air muka dll)**, *tidak gembira*. (KD, 2005: 1057).

Perkataan **بَاسِرَةٌ** ditafsirkan seperti berikut : (TIK, 1992:476)

"هَذِهِ الْوُجُوهُ الْفَجَارُ تَكُونُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بَاسِرَةٌ قَالَ قَتَادَةُ : كَالْحِجَّةِ وَقَالَ السُّدِّيُّ : تَغْيِيرُ الْوَانِهَا وَقَالَ

ابن زيد (بَاسِرَةٌ) أَي عَابِسَةٌ" .

Ertinya : Wajah-wajah orang yang membuat maksiat pada hari Qiamat itu muram.

Qatadaṭ berkata : yang sangat masam muka dan berkata al-Sidi : perubahan air mukanya dan berkata Ibnu Zaid : masam muka.

Pada pandangan penulis, mungkin TPR mahu menceritakan kesan daripada bermuram durja itu menjadikan wajah-wajah pada ketika itu menjadi hodoh kerana ketakutan yang melampau dengan azab neraka yang akan menimpa mereka.

Ayat seterusnya adalah pada ayat 25, ayatnya adalah seperti berikut :

تَظُنُّ أَنْ يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

Terjemahan : Mereka yakin bahawa akan ditimpakan kepadanya **malapetaka yang amat dahsyat**. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Sambil percaya dengan yakin bahawa mereka akan ditimpa **malapetaka (azab seksa) yang membinasakan**. (TPR, 2001:1602).

Perkataan فَاقِرَةٌ diterjemahkan dengan maksud **malapetaka yang amat dahsyat** (YK) dan **malapetaka (azab seksa) yang membinasakan** (AB). Jika dirujuk kepada tafsiran ayat ini : (TIK, 1992:477)

"قَالَ مجاهد : دَاهِيَةٌ وَقَالَ قتادة : شرٌّ وقال السدي : تَسْتَنْبِئُونَ أَنَّهَا هَالِكَةٌ وَقَالَ ابن زيد : تَظُنُّ أَنْ سَتَدْخُلُ النَّارَ".

Ertinya : Berkata Mujahid : kehancuran, qatadaṭ berkata : kerosakan, berkata al-Sidi : yakin bahawa mereka akan ditimpa malapetaka dan berkata Ibnu Zaid yakin bahawa mereka akan masuk neraka”.

Menurut TJ (tt:4, 269), perkataan فَاقِرَةٌ bermaksud :

" دَاهِيَةٌ عَظِيمَةٌ تُكْسِرُ فِقَارَ الظَّهِرِ "

Ertinya : Malapetaka yang amat dahsyat serta membinasakan.

Perbezaan terjemahan kepada penjelasan bagaimana malapetaka itu berlaku tetapi masih mempunyai maksud yang sama. TPR meletakkan perkataan azab seksa kerana melihat adanya tafsiran yang merujuk kepada keyakinan akan masuknya mereka ke dalam neraka.

Setersnya perbezaan pada ayat 26 :

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ

Terjemahan : Sekali-kali jangan. Apabila nafas (seseorang) telah (mendesak) sampai ke kerongkongan.(YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Sedarlah (janganlah mengutamakan dunia dan melupakan akhirat. Ingatlah akan hal orang yang hendak mati) apabila rohnya sampai ke **pangkal kerongkong**.(TPR, 2001:1602).

Di sini penggunaan dialek dalam terjemahan التَّرَاقِيَ , jika menggunakan bahasa Melayu ia bermakna pangkal kerongkong namun dalam bahasa Indonesia ia berubah kepada kerongkongan.

"التَّرَاقِي جَمْعُ تَرْفُوءٍ وَهِيَ الْعِظَامُ الَّتِي بَيْنَ ثَغْرَةِ النَّحَارِ وَالْعَاتِقِ"

Ertinya : Perkataan التَّرَاقِي adalah jamak تَرْفُوءٍ iaitu tulang antara lubang bahagian atas dada dan bahu.

(TIK, 1992:477)

Manakala menurut KIAM (1990:77), ia bermaksud *tulang selangka* iaitu tulang yang menghubungkan tulang dada dengan pangkal bahu. Sementara KD menjelaskan dengan makna 1. saluran pd leher yg melaluinya makanan masuk ke perut. 2. halkum, lekum,

tenggorok (KD, 2005: 1011). Wujud persoalan di sini apabila melihat kepada perbezaan makna yang berlaku setelah dianalisis samaada perkataan **kerongkongan** itu sama maksudnya dengan **pangkal kerongkong** ataupun berbeza maksudnya. Bagi pandangan pengkaji terjemahan **pangkal kerongkong** tidak tepat kerana ia hanya sebahagian kerongkong sedangkan التراقي bermaksud kerongkong ataupun **kerongkongan** dalam bahasa Indonesia.

Seterusnya ayat 32 :

﴿ وَلَٰكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّى ﴾

Terjemahan : Tetapi ia mendustakan (Rasul) dan **berpaling** (dari kebenaran). (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Akan tetapi ia mendustakan dan **berpaling ingkar!** . (TPR, 2001:1602).

Perkataan **تَوَلَّى** diterjemahkan dengan makna **berpaling** (KIAM, 1990:397) namun ada perkataan tambahan pada kedua-duanya. TPR menambah perkataan **ingkar** kerana ada tafsiran tentang sifat orang kafir yang mendustakan kebenaran dengan hatinya dalam keadaan berpaling daripada perkara yang hak. (TIK, 1992:477). Menurut TJ (tt:4,270), ia bermaksud :

" وَتَوَلَّى عَنِ الْإِيمَانِ "

Ertinya :Berpaling dari iman.

Pada dasarnya, perkataan **berpaling** itu memberi maksud *mengubah arah muka ke kiri, ke kanan atau ke belakang; bergerak menghadap kearah lain.* (KD, 2005: 1120) sementara **ingkar** pula tidak mahu beriman atau menerima kebenaran. Sememangnya gabungan perkataan itu menjadikan terjemahan ayat tersebut lebih mudah difahami maksudnya dan bertepatan dengan tafsiran ayat.

Seterusnya ayat 16 :

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۗ

Terjemahan : Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) al-Quran kerana hendak **cepat-cepat** menguasainya. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan **cepat** menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadanya, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (TPR, 2001:1601).

Menurut KIAM (1990:6), **تَعْجَلَ** bermaksud *bersegera ia* sama dengan perkataan *cepat-cepat* bererti *dgn pantas sekali, dgn sangat cepat* dan *cepat* sinonim dengan *lekas, laju, deras, pantas*. (Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu, 2008: 155). Gaya bahasa yang digunakan oleh YKPI selari dengan gaya bahasa Indonesia sementara TPR meletakkan perkataan *cepat* tanpa perlu digandakan dan ia bersesuaian dengan gaya bahasa Melayu. Kedua-dua terjemahan ayat ini boleh diterima kerana pendekatan yang mudah difahami oleh pembaca serta menggunakan bahasa yang jelas kepada maksud ayat.

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّيِّ يُمْنِي ۗ

Terjemahan : Bukankah dia dahulu **setetes mani** yang ditumpahkan (ke dalam rahim). (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Bukankah ia berasal dari **air mani** yang dipancarkan (ke dalam rahim)? (TPR, 2001:1602).

Perkataan **مَّيِّ** yang diterjemahkan dengan makna air mani cuma terdapat sedikit perbezaan iaitu penambahan perkataan *setetes* yang sesuai dengan dialek Indonesia

tetapi ianya masih lagi membawa maksud yang sama. Perkataan مَنِيَّ yang diterjemahkan dengan makna **setetes** air mani oleh YKPI adalah tepat cuma mungkin ejaan itu mengikut kaedah bahasa Indonesia. Ejaan sebenar dalam bahasa Melayu adalah **setitis**. (Daftar Umum Sebutan Baku, 1991:660).

Seterusnya berlaku perbezaan terjemahan pada kata kerja (فعل ماضى) seperti dalam ayat 8 berikut :

وَحَسَفَ الْقَمَرُ

Terjemahan : Dan apabila bulan **telah hilang** cahayanya. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : dan bulan **hilang** cahayanya. (TPR, 2001:1600).

Menurut Muhyiddin Darwish (1999 : 144) perkataan حَسَفَ bermaksud :

" أَظْلَمُ وَ دَهَبَ ضَوْءَهُ "

Ertinya : Gelap dan hilang cahayanya.

Ia tergolong dari kumpulan fi ' il Madi diterjemahkan dengan lafaz **telah hilang**. Namun dalam perbincangan sebelum ini, perkataan **telah** tidak sesuai digunakan dalam konteks bahasa Melayu baku kerana cenderung dengan nahu Arab, maka dengan itu terjemahan TPR telah menepatinya. Bagaimanapun terjemahan YKPI tidak salah kerana maksud ayat yang diterjemahkan tidak berubah sedikit pun.

4. Terjemahan makna menggunakan kata jama' pada perkataan mufrad atau sebaliknya.

Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
وَجُوهُ	Wajah-wajah.	Muka.

المَوْتَى	Orang mati.	Orang-orang mati.
-----------	-------------	--------------------------

Penggunaan terjemahan kata jama' pada perkataan **وجوه** oleh YKPI dan TPR menterjemahkan dengan kata bukan jama' seperti ayat 24 di bawah :

وَوُجُوهُهُ يَوْمَئِذٍ بِأَسْرَةٍ

Terjemahan : Dan **wajah-wajah** (orang kafir) pada hari itu muram. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Dan pada hari itu, **muka** (orang-orang kafir) muram hodoh. (TPR, 2001:1602).

Pada pandangan pengkaji, perkataan yang sewajarnya diletakkan ialah perkataan **wajah-wajah** melihat pada perkataan **وجوه** itu dalam pola jama' taksir yang berasal daripada perkataan **وجه** sebagaimana yang diterjemahkan oleh YKPI tetapi TPR meletakkan makna wajah (mufrad) manakala menjama' kan perkataan **orang-orang kafir**. Pengkaji merasakan kedua-duanya menepati maksud ayat yang diterjemahkan itu walaupun berbeza sedikit pada perkataan yang dijama' kan tetapi masih boleh difahami oleh pembaca.

Perbezaan kedua adalah terjemahan kata jama' pada perkataan **المَوْتَى** oleh TPR sementara YKPI pula menterjemahkan dengan kata bukan jama' seperti ayat 40 di bawah :

أَلَيْسَ ذَلِكَ بِقَدِيرٍ عَلَيَّ أَنْ تَحْيِيَ الْمَوْتَى

Terjemahan : Bukankah (Allah yang berbuat) demikian berkuasa (pula) menghidupkan **orang mati**? (YKPI, 1971:1001).

Terjemahan : Adakah (Tuhan yang menjadikan semuanya) itu, tidak berkuasa menghidupkan **orang-orang yang mati?** . (TPR, 2001:1603).

Tafsiran ayat ini menceritakan tentang keadaan yang berlaku pada hari Qiamat kelak. TIK (478:1992). Pada ketika itu, semua manusia akan dibangkitkan semula untuk dihisab segala amal mereka sewaktu di dunia. Bersesuaian dengan tafsiran pada ayat tersebut, perkataan **orang-orang yang mati** itu lebih tepat kerana menunjukkan ramainya manusia pada ketika itu walaupun perkataan **الْمَوْتَى** itu dalam pola mufrad.

5. Terjemahan makna menggunakan imbuhan yang berbeza.

Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
وَقِيلَ	Dan dikatakan .	Dan berkata .
وَزَّرَ	Tempat berlindung .	Tempat perlindungan .
قَادِرِينَ	Kami kuasa	Kami berkuasa

Perkataan di atas menggunakan imbuhan yang berbeza antara satu sama lain, contohnya dalam ayat 4 berikut :

بَلَىٰ قَادِرِينَ عَلَىٰ أَنْ نَسُوِيَ بَنَانَهُ ۖ

Terjemahan : Bukan demikian, sebenarnya Kami **kuasa** menyusun (kembali) jari jemari dengan sempurna. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami **berkuasa** menyusun (dengan sempurna) segala tulang jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain). (TPR, 2001:1599).

Perkataan قَادِرِينَ dalam ayat 4 ini ialah isim Fā'il (اسم فاعل) dalam pola jama ' yang diterjemahkan dengan "Kami **kuasa**" dan "Kami **berkuasa**", terdapat imbuhan 'ber' yang membezakan kedua-dua terjemahan ini. Penulis melihat terjemahan kedua-dua terjemahan ini mempunyai maksud yang sama walaupun imbuhan yang membezakan kedua-duanya.

"Imbuhan awalan "ber" menunjukkan perkataan tersebut ialah sejenis kata kerja yang membawa erti kepada kata dasar dalam sesebuah ayat aktif (subjek ayat menjadi pelaku), tidak kira transitif atau tak transitif".(Asmah hj. Omar, 2008 : 93)

Penulis berpendapat, setiap isim Fā'il yang hendak diterjemahkan perlu diletakkan perkataan " **yang**" supaya penterjemahan itu lebih tepat sebagaimana perkataan قَادِرِينَ diterjemahkan dengan " **kami yang berkuasa**" . Sekiranya isim Fā'il itu untuk orang berakal maka ia perlu ditambah " orang" seperti الْمُؤْمِنُ , الصَّائِمُ , الْكَافِرُ iaitu orang yang mukmin, orang yang beriman dan orang yang kafir. Bagaimanapun perkataan "Kami **kuasa**" dan "Kami **berkuasa**" ini tidak memberi masalah yang besar kerana ia masih boleh difahami dengan jelas akan maksudnya.

Oleh itu, pada pandangan penulis terjemahan yang sesuai berbunyi begini :

*Bukan demikian, sebenarnya Kami **yang berkuasa** menyusun (kembali) jari jemari dengan sempurna.*

Perbezaan imbuhan **ber** dan **per-an** terdapat juga dalam ayat 11 berikut :

كَلَّا لَا وَزَرَ

Terjemahan : Sekali-kali tidak! Tidak ada tempat **berlindung!** (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Tak usahlah bertanya demikian!_Tidak ada lagi tempat **perlindungan!** (TPR, 2001:1600).

Maksud perkataan لَا وَزَّرَ :

"الَيْسَ لَكُمْ تَعَصِيمُونَ فِيهِ"

Ertinya : Tidak ada bagi kamu untuk kamu berlindung padanya.

Perkataan **berlindung** atau **perlindungan**, terjemahan yang membawa kepada satu persoalan makna kerana jika diperhalusi dengan teliti sebagaimana yang disebut dalam kamus. Jika **berlindung** ia bermakna: *bernaung, memohon pertolongan orang lain*: Sementara **perlindungan** itu bermakna: *perbuatan atau hal berlindung*. (KD, 2005: 942). Jika dilihat pada ayat tersebut, penulis berpendapat dialek bahasa yang berbeza menyebabkan berlaku imbuhan yang tidak sama kerana melihat kepada kesesuaian atau penggunaan bahasa masing-masing. Walaupun demikian, ia masih relevan dan perbezaan yang berlaku tidak terlalu jauh.

6. Penggunaan kata tanya yang berbeza.

Huruf/ Perkataan	YKPI	TPR
Huruf Istifham أ	Apakah.	Patutkah.
الَيْسَ	Bukankah.	Adakah.

Kata tanya yang berbeza terdapat dalam ayat 40 dan 36 antara YKPI dan TPR. Persoalan yang timbul, adakah perkataan yang digunakan itu sesuai sebagai kata tanya atau sebaliknya.

أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَدْرِ عَلَىٰ أَنْ تُحْيِيَ الْمَوْتَىٰ ﴿٤٠﴾

Terjemahan : **Bukankah** (Allah yang berbuat) demikian berkuasa (pula) menghidupkan orang mati? (YKPI, 1971:1001).

Terjemahan : **Adakah** (Tuhan yang menjadikan semuanya) itu tidak berkuasa menghidupkan orang-orang yang mati? . (TPR, 2001:1603).

Perkataan أَلَيْسَ ialah gabungan dua perkataan iaitu huruf *istifham* (أ) dan perkataan لَيْسَ lalu diterjemahkan dengan maksud **Bukankah** (YKPI) dan **Adakah** (TPR). Jika dirujuk pada KIAM (1990:235), لَيْسَ bererti *tiada, tidak, bukan* sementara huruf *istifham* (أ) bererti *adakah, tidakkah*. (KIAM, 1990:1). pengkaji melihat penterjemahan perkataan **Bukankah** lebih sesuai digunakan untuk terjemahan perkataan أَلَيْسَ kerana ia merupakan gabungan antara **adakah** dan **bukan**.

أَلَمْ حَسِبْ الْإِنْسَانُ أَنْ يُتْرَكَ سُدًىٰ ﴿٣٦﴾

Terjemahan : **Apakah** manusia mengira bahawa Kami tidak akan mengumpulkan (kembali) tulang belulangnya? (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan : **Patutkah** manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnyanya (dan menghidupkannya semula)? . (TPR, 2001:1602).

huruf Istifham (أ) adalah hamzah Istifham. Ia diterjemahkan di dalam dua versi yang berbeza sedangkan kata tanya dalam bahasa Melayu tidak menggunakan perkataan **Patutkah**. Perkataan **patut** (kata tugas) yang bersinonim dengan *sesuai, padan, wajar*,.(

TBM, 2008:629). Penulis melihat perkataan **Apakah** itu lebih sesuai digunakan kerana ianya bersesuaian dengan ayat hendak diterjemahkan.

7. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pengulangan.

Ayat 34 dan 35 ada pengulangan yang sama pada perkataan **أَوَّلَى**.

أَوَّلَى لَكَ فَأَوَّلَى

Terjemahan : **Kecelakaanlah** bagimu (hai orang kafir) dan **kecelakaanlah** bagimu. (YKPI, 1971:1000).

Terjemahan : (Wahai orang yang kufur ingkar!) **sudahlah dekat** kepadamu kebinasaanmu, **sudahlah dekat!** . (TPR, 2001:1603).

ثُمَّ أَوَّلَى لَكَ فَأَوَّلَى

Terjemahan : Kemudian **kecelakaanlah** bagimu (hai orang kafir) dan **kecelakaanlah** bagimu. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Kemudian api nerakalah **lebih layak** bagimu, **lebih layak**. (TPR, 2001:1600).

Menurut kitab al-Ain (2001 : 48), **أَوَّلَى** bermaksud *yang lebih layak*. TPR

menterjemahkan selari dengan maknanya yang sebenar pada ayat 35 tetapi berbeza pula terjemahannya ayat 34, ia menggunakan perkataan **sudahlah dekat** yang diulang bagi menyatakan kebinasaan itu begitu menghampirinya. YKPI pula menyebut perkataan **kecelakaan** dengan berulang pada kedua-dua ayat bagi membuat penegasan kepada perkataan. Jika dilihat pada perkataan yang berulang itu, penegasan oleh YKPI dan TPR

adalah berbeza kerana teknik penterjemahan yang digunakan dalam dua kaedah iaitu penjelasan maksud ayat oleh YKPI sementara TPR menggunakan tafsiran ayat.

8. Terjemahan menggunakan istilah al-Quran itu sendiri.

وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ﴿٦٠﴾

Terjemahan : Dan aku bersumpah dengan **jiwa yang amat menyesali** (dirinya sendiri). (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Dan Aku bersumpah dengan “**Nafsul Lawwaamah**” (Bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati)! (TPR, 2001:1600).

Menurut TIK (1992 : 473) :

" قَالَ ابْنُ جَرِيرٍ: وَكُلُّ هَذِهِ الْأَقْوَالِ مُتَقَارِبَةٌ بِالْمَعْنَى وَالْأَشْبَهُ بِظَاهِرِ التَّنْزِيلِ أَنَّهَا الَّتِي تَلُومُ صَاحِبَهَا عَلَى الْخَيْرِ وَالشَّرِّ وَتَتَدَمَّ عَلَى مَا فَاتَ "

Ertinya : Ibn Jarir berkata : setiap pendapat yang hampir dengan makna dan terdapat perumpamaan dengan zahirnya yang mencela tuanya ke atas perkara-perkara yang baik dan buruk serta menyesal ke atas perkara yang hilang.

" قَالَ جُوَيْبِرٌ: بَلَّغْنَا عَنِ الْحُسَيْنِ أَنَّهُ قَالَ: لَيْسَ أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ضَيِّقَ إِلَّا يَلُومُ نَفْسَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ "

Ertinya : Berkata Juwaibir : telah menyampaikan kepada kita dari Hassan : tiada seorang pun penduduk langit dan bumi kecuali dia mencela dirinya pada hari Qiamat.

Pentafsiran di atas menunjukkan keadaan yang berlaku pada hari Qiamat setelah dibangkitkan untuk dihisab setiap amalan. Pada ketika itu, mereka mencela diri masing-masing ke atas perkara baik dan buruk dan menyesal ke atas perkara yang lepas. Gabungan terjemahan YKPI dan TPR melengkapkan tafsiran ayat ini, bagaimanapun

TPR tidak menterjemahkan perkataan “*Nafsul Lawwaamah*” sebaliknya mengekalkan perkataan tersebut. Menurut KIAM (1990:233) ia bermaksud *jiwa yang amat menyesal atau tercela*. Persoalannya, mengapa perkataan tersebut dikekalkan dalam terjemahannya sedangkan ia boleh diterjemahkan, mungkin ada sebab tertentu sehingga TPR mahu mengekalkannya. Sebenarnya terdapat nota kaki yang menjelaskan maksudnya iaitu

” jiwa yang sentiasa menegur dan menempelak dirinya sendiri semasa ia berbuat baik atau berbuat jahat. Ketika berbuat baik, ia menempelak dirinya mengapa ia tidak membuatnya lebih banyak. Sebaiknya kalau ia melakukan kejahatan, lebih-lebih lagi tempelak dan sesalnya” (TPR, 2001:1599).

Menurut Muhyiddin Darwish (1999 : 149) :

"فَقَدْ أَقْسَمُ بِيَوْمِ الْبُعْثِ أَوْ لَا تُمَّ أَقْسِمُ بِالنُّفُوسِ الْمَرْجِيَّةِ فِيهِ عَلَى حَقِيقَةِ الْبُعْثِ وَالْجَزَاءِ"





Ertinya : Sesungguhnya aku bersumpah dengan hari kebangkitan kemudian aku bersumpah dengan jiwa yang bercampur baur tentang kebenaran hari kebangkitan dan pembalasan.






Secara keseluruhannya kita dapat lihat bahawa penterjemahan al-Quran berkait rapat dengan pentafsirannya maka tidak hairan kalau kita katakan terjemahan al-Quran adalah terjemahan tafsirnya seperti mana TPR yang menggunakan terjemahan yang panjang dalam menterjemahkan ayat kerana pengaruh daripada tafsiran ayat. YKPI pula dilihat menterjemah dalam bentuk yang lebih ringkas dan padat dan tidak terpengaruh sepenuhnya dengan tafsiran ayat malah kadang-kadang terjemahannya lebih kepada maknanya yang asal. Pada pandangan penulis terjemahan YKPI dilihat lebih mudah difahami berbanding TPR walaupun ada kalanya perkataan yang digunakan tidak terdapat dalam bahasa Melayu.


4.2.1 Perbandingan Metodologi Terjemahan antara YKPI dan TPR

Analisis perbandingan metodologi terjemahan antara YKPI dan TPR dibuat berasaskan kajian-kajian dalam surah al-Qiyamah. Perbandingan ini melihat kepada beberapa elemen yang berbeza dan juga elemen-elemen yang ada persamaannya yang dimuatkan dalam jadual berikut :

Bil	YKPI	TPR
1	Usaha-usaha penterjemahan al-Quran ini dibuat secara <i>berkumpulan</i> .	Usaha-usaha penterjemahan al-Quran ini dibuat secara <i>individu</i> .
2	Penterjemahan tidak menggunakan kaedah <i>terjemahan harfiah</i> .	Penterjemahan tidak menggunakan kaedah <i>terjemahan harfiah</i> .
3	Jenis terjemahan yang digunakan lebih cenderung kepada kaedah <i>terjemahan setara</i> dan ada ketikanya menggunakan <i>terjemahan makna</i> .	Jenis terjemahan yang digunakan lebih cenderung kepada kaedah <i>terjemahan makna</i> dan ada ketikanya menggunakan <i>terjemahan setara</i> .
4	Penterjemahan lebih terarah kepada <i>makna leksikon</i> , hanya sekali sekala mengambil tafsiran	Penterjemahan lebih terarah kepada <i>tafsiran ayat</i> , hanya sekali sekala menggunakan <i>makna leksikon</i> .

	<p>ayat untuk diterjemahkan.</p> <p>Contohnya pada ayat 29 berikut :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan: Dan bertaut betis (kiri) dan betis (kanan). (YKPI, 1971:1000)</p>	<p>Contohnya pada ayat 29 berikut :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan: Serta kedahsyatan bertindih-tindih. (TPR,2001:1602).</p>
5	<p>Terjemahan yang dibina <i>ringkas</i> dan <i>perkataan dalam kurungan sedikit</i>.</p> <p>Misalnya dalam ayat 31 ini :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : Dan ia tidak mahu membenarkan (Rasul dan al-Quran) dan tidak mau mengerjakan sholat. (YKPI,1971:1000).</p>	<p>Terjemahannya <i>panjang</i> dan <i>banyak perkataan-perkataan dalam kurungan</i>.</p> <p>Misalnya dalam ayat 31 ini :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : (Oleh sebab orang yang kufur ingkar tidak percayakan hari akhirat) maka ia tidak mengakui kebenaran (yang diwajibkan meyakininya) dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardhukan mengerjakannya)!. (TPR,2001:1602).</p>
6	<p><i>Struktur ayat</i> dan <i>perbendaharaan kata</i> yang lebih</p>	<p><i>Struktur ayat</i> yang digunakan masih terikut-ikut <i>kaedah lama</i> dan</p>

	<p>mudah difahami. Contohnya seperti perkataan pada terjemahan ayat 7 di bawah :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : Maka apabila mata terbelalak (ketakutan). (YKPI, 1971:998).</p>	<p><i>perbendaharaan katanya</i> juga kadang-kadang ada yang tidak boleh difahami dengan jelas.</p> <p>Contohnya seperti perkataan pada terjemahan ayat 7 di bawah :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : Maka (jawabnya : hari kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut). (TPR,2001:1600).</p>
7	<p>Penterjemahan menggunakan <i>bahasa Indonesia</i>. Contohnya pada ayat 26 berikut :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : Sekali-kali jangan. Apabila nafas (seseorang) telah (mendesak) sampai ke kerongkongan. (YKPI, 1971:1000).</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : Janganlah kamu</p>	<p>Penterjemahan menggunakan <i>bahasa Melayu</i> yang terpengaruh dengan <i>gaya bahasa sumber</i>.. Contohnya pada ayat 26 berikut :</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Terjemahan : Sedarlah (janganlah mengutamakan dunia dan melupakan akhirat. Ingatlah akan hal orang yang hendak mati) apabila rohnya sampai ke pangkal kerongkong. (TPR,2001:1602).</p>

	gerakkan lidahmu untuk (membaca) al-Quran kerana hendak cepat-cepat (menguasai)nya. (YKPI, 1971:999).	 <p>Terjemahan : Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadanya menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (TPR,2001:1601).</p>
8	<i>Tiada</i> penggunaan <i>kata pinjaman bahasa asing</i> .	<i>Terdapat</i> penggunaan <i>kata pinjaman bahasa asing</i> . Misalnya : <i>nafsullawwamah</i> .
9	Meletakkan <i>nota kaki</i> .	Meletakkan <i>nota kaki</i> .

Kedua-duanya mempunyai metodologi dan kepakaran yang tersendiri. Ada kalanya wujud persamaan dan ada ketikanya ia berbeza mengikut pemahaman dan ilmu yang mereka miliki namun kedua-duanya mempunyai kekuatan masing-masing sehingga menghasilkan kitab yang amat penting kepada masyarakat Islam di Malaysia. Metodologi hanya sebagai satu sistem atau teknik untuk sampai ke arah yang dituju, ia boleh berubah pada bila-bila masa mengikut peredaran zaman. Mungkin ketika ini kita boleh mencipta satu metodologi baru bagi menghasilkan terjemahan yang lebih bermutu. Generasi muda masa kini sewajarnya mencontohi dan mengikut jejak langkah para penterjemah yang tidak mengerti penat lelah dalam membuat penterjemahan ini.

4.2.2 Faktor-faktor Perbezaan Terjemahan antara Kumpulan (YKPI) dan Individu (TPR)

Terjemahan surah al-Qiyamah mengikut analisis-analisis yang telah dijalankan daripada sudut makna oleh YKPI (berkumpulan) dan TPR (individu) mendapati persamaan dan perbezaan yang berlaku adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut :

1. Faktor teknik terjemahan

Terjemahan makna sesuatu perkataan itu boleh berbeza sekiranya jenis terjemahan yang digunakan berbeza. Ia memainkan peranan besar dalam menentukan terjemahan yang dibuat. Pada pengamatan pengkaji, YKPI banyak menggunakan teknik terjemahan setara dalam membina terjemahan sambil menambah sedikit beberapa tafsiran kepada ayat yang diterjemahkan bertujuan untuk pembaca lebih memahami maksud ayat. Sementara TPR pula lebih cenderung kepada terjemahan kepada tafsiran yang tidak terikat dengan perkataan pada ayat yang diterjemahkan tetapi merujuk kepada tafsiran ayat menyebabkan terjemahan yang dibuat panjang dan banyak penjelasan sama ada dalam kurungan atau nota kaki. Hal ini dapat dilihat pada contoh ayat di bawah :

بَلْ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ ۗ

Terjemahan : Bahkan manusia itu hendak membuat **maksiat** terus menerus. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : (Kebenaran itu bukan tidak ada buktinya), bahkan manusia (yang ingkar) sentiasa suka hendak meneruskan perbuatan **kufur dan maksiat** (di sepanjang hayatnya, sehingga ia tidak mengakui adanya hari kiamat) . (TPR, 2001:1599).

TPR menggunakan terjemahan makna yang merujuk kepada tafsiran ayat sementara YKPI menggunakan terjemahan setara yang cenderung kepada terjemahan yang terhampir dengan maknanya. Begitu juga pada terjemahan ayat 27 ini :

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ۗ

Terjemahan : Dan **dikatakan** (kepadanya): "Siapakah yang dapat **menyembuhkan?**", (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Dan (orang-orang yang hadir disisinya heboh) **berkata**: "Siapakah yang dapat **menawar jampi (dan mengubatnya)?**" (TPR, 2001:1600).

TPR menggunakan terjemahan makna iaitu mengikut tafsiran ayat dengan menggunakan ayat aktif (**berkata**) walaupun pada dasarnya perkataan قِيلَ dalam pola majhul. Manakala YKPI terus kepada ayat itu sendiri menyebabkan terjemahannya tiada perubahan dari segi nahunya iaitu mengekalkan bentuk pasif (**dikatakan**) .

2. Faktor dialek dan gaya bahasa

Gaya bahasa yang digunakan mungkin agak berbeza kerana terjemahan yang terdapat dalam kitab YKPI dan TPR menggunakan dialek bahasa yang digunakan oleh dua negara yang berbeza iaitu Malaysia dan Indonesia namun perbezaannya tidak begitu ketara pada perbendaharaan kata dan strukturnya malahan buku-buku karya terjemahan Indonesia juga banyak terdapat di Malaysia. Oleh itu, penterjemahan dua dialek dari satu rumpun bahasa merupakan bahan kajian perbandingan yang sangat menarik, baik dari sudut pentafsiran erti mahupun dari sudut bentuk bahasa yang digunakan.

Maka berlaku pembentukan ayat yang kadangkala tidak berapa sesuai bagi pembaca di Malaysia khususnya. Namun begitu perbezaan yang berlaku tidak terlalu jauh kerana kita masih serumpun dan mempunyai banyak persamaan dari segi bahasa samaada bahasa pertuturan atau penulisan. Analisis perbandingan ini menjelaskan bahawa banyak persamaan makna atau hampir sama dalam menterjemahkan sesuatu ayat. Secara keseluruhannya, terjemahan yang digunakan oleh YKPI dan TPR menepati makna dan kehendak ayat yang diterjemahkan. Pembaca boleh memahami dengan jelas

terjemahan mereka walaupun kadang kala YKPI menggunakan beberapa perkataan Indonesia seperti perkataan **kerongkongan** dan **setetes air mani**. Mereka menterjemahkan perkataan التراقي dengan menggunakan perkataan mengikut dialek masing-masing, **kerongkongan** adalah dialek Indonesia pada penterjemahan YKPI sementara TPR menyebut dengan perkataan **pangkal kerongkong** mengikut dialek bahasa Melayu.

Di samping itu, gaya bahasa yang digunakan juga agak berbeza sedikit sepertimana kata kerja تَعَجَّل diterjemahkan dengan perkataan **cepat-cepat** yang serasi dengan gaya bahasa Indonesia. manakala TPR pula menggunakan perkataan **cepat** yang sesuai digunakan dalam bahasa Melayu seperti terjemahan ayat berikut :

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ

Terjemahan :Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) al-Quran kerana hendak **cepat-cepat** menguasainya. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan :Janganlah engkau (wahai Muhammad) – kerana hendakkan **cepat** menghafaz Quran yang diturunkan kepadanya – menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (TPR, 2001:1602).

Gaya bahasa yang digunakan oleh YKPI selari dengan gaya bahasa Indonesia sementara TPR meletakkan perkataan cepat tanpa perlu digandakan dan ia bersesuaian dengan gaya bahasa Melayu. Kedua-dua terjemahan ayat ini boleh diterima kerana pendekatan yang mudah difahami oleh pembaca serta menggunakan bahasa yang jelas kepada maksud ayat.

3. Faktor homonim

Terdapat juga perbezaan makna disebabkan perluasan makna seperti perkataan **البَصَر** diterjemahkan dengan makna **pemandangan** dan **mata** dan perkataan **أَهْلِهِ** diterjemahkan kepada **ahli** dan **keluarga**. Sebenarnya peluasan makna itu adalah mengikut pemahaman penterjemah untuk menterjemahkan sesuatu perkataan bagi mencapai maksud yang mereka mahu sampaikan.

Makna perkataan **البَصَر** dan **أَهْلِهِ** yang terdapat dalam kamus merangkumi penterjemahan kedua-duanya. Hal ini bererti terjemahan mereka adalah tepat sekali. Namun apabila diteliti di dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kamus Dewan sebagai rujukan, perbezaan perkataan kelihatan agak jauh dan boleh menimbulkan sedikit kekeliruan kepada pembaca tentang apakah maksud sebenarnya ayat yang diterjemahkan itu.

4. Faktor pengaruh bahasa sumber

TPR seringkali terikut-ikut gaya bahasa teks sumber sehingga ayat yang terbina kadang-kadang agak kabur penyampaiannya dan berbelit-belit tetapi masih boleh difahami. Terjemahannya juga menggunakan ayat yang panjang mungkin disebabkan tafsiran kepada ayat yang diterjemahkan itu diambil kira. Berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat penterjemahan berkumpulan (YKPI) dilihat mampu menghasilkan penterjemahan yang lebih baik dan tidak begitu terpengaruh dengan gaya bahasa sumber mungkin disebabkan kepakaran atau kemahiran berbeza antara individu terbabit menjelmakan terjemahan yang lebih bermutu. Pengkaji melihat terjemahan yang dihasilkan tidak berbelit-belit, ringkas dan padat disamping nota kaki yang menjelaskan sesuatu perkara serta menggunakan struktur ayat yang mudah difahami walaupun kadang-kadang ayatnya mengandungi perkataan Indonesia tetapi ia masih boleh difahami. Contohnya terjemahan ayat 16 berikut :

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۗ

Terjemahan : Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) al-Quran kerana hendak **cepat-cepat** menguasainya. (YKPI, 1971:999).

Terjemahan : Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan **cepat** menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadanya, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (TPR, 2001:1601).

5. Faktor nahu

Terjemahan dalam ayat 37 menunjukkan persamaan pendapat dalam menjelaskan perkataan يُمْنَىٰ adalah *fi 'l mudhari ' bina ' majhul* yang merupakan sifat bagi مني. Kedua-dua terjemahan meletakkan perkataan **yang** bagi menonjolkan perkataan يُمْنَىٰ sebagai sifat adalah bertepatan dengan prinsip nahu seperti mana terjemahan di bawah :

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّيِّ يُمْنَىٰ ۗ

Terjemahan : Bukankah dia dahulu **setetes mani yang ditumpahkan** (ke dalam rahim). YKPI (1971:1000).

Terjemahan : Bukankah ia berasal dari **air mani yang dipancarkan** (ke dalam rahim)?. TPR (2001:1603).

Persamaan pendapat kedua-duanya pada kata kerja yang dimulai dengan huruf nafi (لَنْ) pada ayat 3, apabila perkataan tersebut diterjemahkan dengan **tidak akan** oleh YKPI dan TPR bersesuaian dengan maksudnya yang sebenar iaitu menidakkan sesuatu itu buat selama-lamanya.

Selain itu, terjemahan kalimah جُمِعَ oleh YKPI dan TPR adalah sama cuma perkataan yang digunakan berbeza iaitu **dikumpulkan** dan **dihimpunkan** tetapi masih mempunyai maksud yang sama. Jika mengikut nahu Arab, perkataan جُمِعَ terbentuk dari pola *fi'il maḍi majhul*. Justeru itu, terjemahannya juga menepati kaedah penterjemahan harfiah kalimah tersebut yang menjurus kepada bentuk majhul atau pasif.

Begitu juga jika dilihat dari perpektif nahu bahasa Melayu, ada ketikanya YKPI meletakkan perkataan yang lebih tepat dari TPR seperti pada perkataan عَلَقَةٌ yang diterjemahkan dengan maksud **segumpal darah** oleh YKPI sementara TPR menterjemahkan dengan makna **sebuku darah beku**. **Segumpal** ialah penjodoh bilangan yang sesuai bagi darah dan **sebuku** tidak selari dengan nahu bahasa Melayu kerana ia lebih sesuai untuk perkataan seperti roti.

Berikut pula kata kerja yang diikuti dengan huruf *jarr* (ب) seperti dalam ayat 1 berkaitan dengan sumpah. Bagi pengkaji huruf *jarr* (ب) hendaklah diterjemahkan dengan perkataan **demī**, contohnya “*Aku bersumpah demī hari kiamat*” bersesuaian dengan lafaz sumpah.

Kata kerja yang telah berlaku (فعل ماض) seperti dalam ayat lapan pada perkataan خَسَفَ diterjemahkan dengan dua keadaan yang berbeza **telah hilang** dan **hilang**. Jika mengikut terjemahan sebenar perkataan **telah hilang** itu menepati makna فعل ماض namun satu persoalan timbul dengan terjemahan yang tiada perkataan menunjukkan pekerjaan yang telah berlaku samada ianya betul atau salah terjemahannya. Sebenarnya penggunaan perkataan *telah* dalam menterjemahkan فعل ماض adalah ciri bahasa klasik yang datang daripada nahu Arab bagi unsur “past tense”.

6. Faktor sarf

Analisis yang dijalankan mendapati faktor sarf juga berperanan dalam mempengaruhi penterjemahan seperti perkataan **الْمُسْتَقَرُّ** pada ayat 12 ialah *masdar mīmī*, maka perkataan itu diterjemahkan dengan makna tempat seperti tempat tetap atau tempat kembali sebagaimana terjemahan YKPI. Sementara TPR meletakkan makna yang tiada unsur *masdar mīmī* pada terjemahannya tetapi masih mengekalkan makna asalnya kerana terjemahan TPR merujuk kepada tafsiran **الْمُسْتَقَرُّ**.

إِلَى رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمُسْتَقَرُّ

Terjemahan : Hanya kepada Tuhanmu sajalah pada hari itu **tempat kembali**. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Pada hari itu, kepada Tuhanmulah sahaja terserahnya **ketetapan segala perkara**. (TPR, 2001:1600).

Begitu juga dilihat dalam ayat 4 berikut :

بَلَىٰ قَدَرِينَ عَلَىٰ أَنْ نُسَوِّيَ بَنَانَهُ

Terjemahan : Bukan demikian, sebenarnya Kami **kuasa** menyusun (kembali) jari jemari dengan sempurna. (YKPI, 1971:998).

Terjemahan : Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami **berkuasa** menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain). (TPR, 2001:1599).

Perkataan **قَادِرِينَ** dalam ayat 4 ini ialah *isim fā‘il* (اسم فاعل) dalam pola jama‘ yang diterjemahkan dengan “Kami **kuasa**” (YKPI) dan “Kami **berkuasa**” (TPR), terdapat imbuhan ‘ber’ yang membezakan kedua-dua terjemahan ini. Pengkaji melihat terjemahan “Kami **berkuasa**” itu lebih tepat dengan konsep *isim fā‘il* kerana imbuhan

itu menjelaskan lagi maksudnya. Pengkaji berpendapat, setiap *isim Fā'il* yang hendak diterjemahkan perlu diletakkan perkataan “ yang” supaya penterjemahan itu lebih tepat sebagaimana perkataan قَادِرِينَ diterjemahkan dengan “ kami yang berkuasa” . Bagaimanapun perkataan “Kami **kuasa**” dan “Kami **berkuasa**” ini tidak memberi masalah yang besar kerana ia masih boleh difahami dengan jelas akan maksudnya.

4.3 Kesimpulan

Penterjemahan al-Quran bukanlah satu proses yang mudah kerana melibatkan beberapa disiplin ilmu selain penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan mahir. Selanjutnya membentuk terjemahan dalam susuk bahasa Melayu mungkin bermakna menghilangkan “*waw 'ataf*” menggantikannya dengan koma. Frasa ayat yang panjang mungkin boleh dipendekkan dan dijadikan dua ayat pendek. Makna yang “*mahzuf*” mungkin perlu ditampilkan dengan jelas dan terang untuk kesesuaian ayat yang diterjemah. Ganti nama diubah kepada nama asal. Ayat pasif boleh diubah kepada ayat aktif. Ayat teks asal yang diambil dari tafsiran ayat yang berjela-jela boleh diringkaskan tetapi tidak menghilangkan maksudnya yang asal. Pendek kata terjemahan bukan hanya memindahkan makna atau gaya, tetapi juga semangat, roh dan impak afektif dan psikomotornya. Aktiviti memindahkan bahasa kepada satu bahasa yang lain begitu merumitkan terutama dalam mencari perkataan yang sesuai untuk dipadankan dengan perkataan yang diterjemahkan. Oleh itu, adalah menjadi lumrah jika berlaku penyimpangan erti atau perbezaan pendapat yang disebabkan pemahaman berbeza kepada penterjemah dalam memahami satu-satu ayat yang hendak diterjemahkan dan mungkin juga kekurangan kepakaran dalam menguasai bahasa sumber atau bahasa sasaran.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian rumusan dan cadangan. Bahagian rumusan akan cuba memperincikan fakta-fakta penting dalam kajian perbandingan antara terjemahan individu dengan kumpulan. Ia bertujuan untuk membuat satu rumusan lengkap yang mengandungi maklumat-maklumat penting dan mencakupi objektif kajian. Bahagian cadangan pula akan mengutarakan beberapa cadangan yang dianggap relevan dengan tajuk kajian disertasi ini. Cadangan-cadangan ini melihat kepada kepentingan bidang terjemahan al-Quran ini pada masyarakat Malaysia yang beragama Islam dan keperluannya dalam proses penghasilan terjemahan al-Quran yang lebih baik dan berkualiti.

5.1 Rumusan.

Pemilihan kitab terjemahan al-Quran TPR dan YKPI adalah sesuai dalam mencapai matlamat atau objektif kajian iaitu membuat perbandingan antara terjemahan kumpulan dengan individu bagi membuat penilaian secara umum penghasilan terjemahan keduanya. Secara keseluruhannya, rumusan daripada analisis yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

1. Analisis kajian memberi fokus kepada surah al-Qiyamah yang dipilih kerana ayat-ayat yang terdapat dalam surah al-Qiyamah pendek dan mudah untuk dibuat perbandingan. Kebanyakan ayatnya terdiri daripada tiga, empat atau lima perkataan sahaja maka penterjemahan yang dibuat juga tidak panjang kecuali pada perkataan yang perlu untuk dihuraikan kerana dibimbangi mengelirukan pembaca jika tiada huraian. Jumlah ayatnya juga hanya 40 ayat sahaja dan ini memberi keselesaan dalam membuat kajian dengan lebih rapi dan terperinci dalam menghasilkan disertasi.

2. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menjurus kepada pengumpulan data yang melibatkan kamus-kamus, kitab-kitab muktabar, jurnal-jurnal, tesis, disertasi serta laman web yang berkaitan dengan terjemahan al-Quran. Selepas pengumpulan data atau maklumat itu diperolehi, ianya dicatat dan dibahagikan mengikut tajuk tertentu sehingga mencapai tahap yang dikehendaki. Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mendapatkan maklumat secara umum mengenai perbandingan antara kedua-dua terjemahan itu. Dapatan melalui kaedah kajian ini dilihat menepati matlamat sebenar untuk mendapat gambaran jelas dalam membuat analisis perbandingan terjemahan dari sudut makna dan mengenal pasti metodologi terjemahan serta faktor-faktor yang mempengaruhi terjemahan mereka.

3. Terjemahan adalah satu tugas yang melibatkan penggunaan bahasa sumber, bahasa sasaran, persamaan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran serta dua budaya yang terlibat, iaitu budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran. Penterjemah pula memerlukan banyak pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam berbagai disiplin ilmu yang berkaitan. Penterjemahan bukan hanya mencari perkataan-perkataan padanan untuk menggantikan teks asal ke dalam bahasa kedua. Sebaliknya, ia adalah satu usaha untuk memindahkan idea, maklumat, semangat dan kesan gaya teks yang diterjemahkan. Hal ini bererti penterjemah perlu memiliki ilmu pengetahuan secukupnya mengenai teori, konsep, prinsip dan kaedah penterjemahan.

4. Terdapat empat jenis terjemahan, iaitu terjemahan harfiah iaitu memindahkan perkataan dari sesuatu bahasa dengan menggunakan bahasa lain di samping struktur dan susunan ayat adalah sama. Keduanya ialah terjemahan setara yang bermaksud pemindahan yang lengkap (sama) atau hampir lengkap terhadap isi dan bentuk. Ketiga ialah terjemahan makna yang menerangkan maksud ayat dengan bahasa lain tanpa

terikat untuk memelihara susunan perkataan asal dan strukturnya dan akhirnya terjemahan bebas yang membawa erti terjemahan makna am dan isi kandungan teks tanpa sebarang kongkongan atau mengambil kira perkataan dan struktur bentuk ayat asal.

5. Masalah-masalah yang melibatkan penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu. Antaranya masalahnya ialah masalah penyusunan idea dan maklumat, masalah berkaitan aspek makna yang tidak tepat atau menyimpang dari maksud sebenar teks sumber. Seterusnya masalah berkaitan dengan frasa idiomatik iaitu konstruksi perkataan atau frasa yang menghasilkan satu makna baru berbeza daripada makna asal. Bagi penterjemah yang kurang berpengalaman dalam menterjemah frasa idiomatik Arab, sudah tentu frasa-frasa di atas amat sukar diterjemahkan. Pada dasarnya bahasa Arab ialah bahasa fleksi dan ini memberi banyak masalah kepada para penterjemah untuk mencari makna yang paling sesuai untuk dipadankan dengan bahasa sasaran. Terdapat juga masalah terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu yang terikut-ikut dengan nahu Arab sehingga berlaku kesilapan-kesilapan pada cara penggunaan tatabahasa Melayu. Kebanyakan penterjemah juga beranggapan bahawa hanya perkataan yang menentukan makna tetapi hakikatnya nahu juga memainkan peranan dalam menentukan makna. Semua permasalahan di atas menunjukkan bahasa sumber dan bahasa sasaran perlu dikaji dengan teliti sebelum membuat penterjemahan. Penterjemahan juga perlu mengambil kira faktor-faktor ekologi, kebudayaan, adat resam, agama dan perkara lain lagi yang berkaitan dengan ilmu penterjemahan.

6. Pengertian terjemahan boleh dibahagikan kepada tiga pengertian iaitu tafsiran, terjemahan tafsiran dan terjemahan harfiah atau makna. Berdasarkan kepada ketiga-tiga pengertian ini para ulama telah meletakkan hukum bagi terjemahan al-Quran. Bagi pengertian terjemahan sebagai tafsiran, para ulama sepakat mengharuskannya malahan

ia adalah satu tuntutan syarak. Sementara hukum melakukannya fardu kifayah. Pengertian terjemahan al-Quran sebagai terjemahan tafsiran, para ulama berpendapat ia diharuskan kerana ia merupakan satu cara untuk memahami al-Quran bagi mereka yang tidak memahami bahasa Arab dan sebagai satu kaedah untuk berdakwah kepada orang bukan Islam. Pengertian yang ketiga iaitu terjemahan harfiah atau makna, para ulama telah berselisih pendapat mengenainya sehingga dua pendapat yang berbeza iaitu pendapat yang tidak mengharuskan dan ada pendapat yang mengharuskan

7. Banyak masalah dalam terjemahan al-Quran seperti masalah dalam menterjemahkan ungkapan berunsur *balaghah*, masalah pengguguran sebahagian ayat atau keseluruhan berdasarkan petunjuk, masalah qiraat, masalah dalam memahami gaya bahasa al-Quran, masalah penggunaan gaya bahasa yang pelbagai antaranya seperti gaya bahasa pendepanan (التقديم) dan pentakhiran (التأخير) dan masalah terjemahan juga berlaku dalam menentukan maksud atau makna partikel genetif selari dengan kehendak ayat. Ada juga masalah penterjemahan yang dibuat begitu terpengaruh dengan gaya bahasa sumber atau bahasa Arab sehingga menjadi kesukaran kepada pembaca memahami teks terjemahan yang dibuat dan penggunaan gaya bahasa Melayu yang pelik, berbelit-belit dan kabur banyak ditemui dalam teks terjemahan al-Quran. Seterusnya masalah penggunaan perbendaharaan kata juga selalu berlaku apabila penterjemahan yang dibuat kadang-kadang tidak terdapat dalam bahasa Melayu sehingga kepada masalah dalam melahirkan respon yang sama seumpama bahasa sumber kerana ayat-ayat al-Quran ada banyak bentuk seperti amaran, sedih, gembira, peringatan dan sebagainya. Begitu juga masalah dalam penggunaan perkataan yang berbeza bagi satu makna yang sama dan masalah dalam meletakkan makna yang paling tepat atau hampir sama.

8. Pada hakikatnya, penterjemahan al-Quran bukan hanya bergantung pada isu bahasa sahaja tetapi ia meliputi pelbagai bidang ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Quran

itu sendiri seperti ilmu tafsir, ilmu hadith serta bidang `ulum al-Quran yang dapat membantu memahami ayat-ayat al-Quran dengan betul dan mendalam. Ilmu *Usuluddin*, ilmu tauhid dan *Usul Fiqh* penting dalam membantu membuat kesimpulan dari ayat-ayat al-Quran dan berdalil dengannya. Begitu juga mengenai ayat-ayat *mujmal* dan *mubayyan*, umum dan khusus, *mutlak* dan *muqayyad*, *amar* dan *nahi* dan perkara-perkara yang berkaitan. Selain itu, keperluan kepada ilmu-ilmu lain seperti ilmu sosiologi dan antropologi, zoologi dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan maklumat umum seperti sejarah, geografi, psikologi dan sebagainya. Semuanya dapat membantu dalam menterjemahkan al-Quran dengan baik dan lebih tepat.

9. Dapatan dari analisis yang dijalankan terhadap terjemahan YKPI dan TPR, sebanyak empat puluh tujuh perkataan yang berbeza dapat dikesan dalam menterjemahkan perkataan yang sama. Empat belas daripadanya dikategorikan sebagai terjemahan makna yang sama atau hampir sama pengertiannya, sebelas perkataan dalam kategori terjemahan yang berbeza maksudnya, sepuluh perkataan dalam kategori terjemahan yang sama tetapi ada penambahan perkataan, dua perkataan dalam kategori terjemahan menggunakan kata *jama'* pada perkataan mufrad atau sebaliknya, tiga perkataan dalam kategori terjemahan menggunakan imbuhan yang berbeza terdapat dua perkataan dalam kategori penggunaan kata tanya yang mempunyai makna berbeza, satu perkara yang berkaitan dengan pengulangan dan yang terakhir satu terjemahan menggunakan ayat al-Quran itu sendiri.

10. Analisis perbandingan metodologi terjemahan antara YKPI dengan TPR menunjukkan beberapa elemen yang berbeza seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha-usaha penterjemahan al-Quran ini dibuat secara individu dan berkumpulan, jenis terjemahan yang digunakan oleh kedua-duanya lebih menjurus kepada dua jenis terjemahan sahaja iaitu terjemahan setara dan terjemahan tafsir, cara pembinaan struktur ayat penterjemahan yang ringkas diamalkan oleh YKPI berbeza

dengan terjemahan TPR dan perbezaan dialek bahasa yang digunakan. Elemen-elemen yang ada persamaannya seperti meletakkan *nota kaki* dalam memberikan penerangan kepada ayat yang diterjemahkan atau maklumat mengenainya.

11. Terjemahan surah al-Qiyamah mengikut analisis-analisis yang telah dijalankan daripada sudut makna mendapati persamaan dan perbezaan yang berlaku adalah disebabkan beberapa faktor seperti faktor jenis terjemahan, faktor dialek dan gaya bahasa, faktor perluasan makna, faktor pengaruh bahasa sumber, faktor nahu dan faktor sarf.

5.2 Cadangan

Melihat kepada perkembangan terjemahan al-Quran pada ketika ini, beberapa perkara perlu diberikan perhatian agar terjemahan yang dihasilkan mencapai standard atau piawai serta lebih baik dari terjemahan sebelum ini. Di sini disenaraikan beberapa cadangan yang dirasakan sesuai bagi penambahbaikan terjemahan al-Quran :

1. Penterjemahan al-Quran Mengikut Kaedah Bahasa Melayu Standard.

Kajian penterjemahan al-Quran perlu dibuat bagi tujuan di atas agar generasi akan datang lebih menjiwai dan memahami terjemahan tafsiran Quran itu dengan lebih jelas berdasarkan kepada olahan bahasa Melayu kontemporari dan mengikut struktur gaya bahasa moden tanpa mengubah maksud ayat sebenar. Kebanyakan kitab-kitab terjemahan al-Quran masih lagi menggunakan kaedah bahasa Melayu lama yang terikat dengan tatabahasa atau gaya bahasa bahasa Arab.

Sebaik-baiknya pihak Institut Terjemahan Negara boleh mengadakan kursus latihan intensif terjemahan al-Quran terutama dalam merangka mutu terjemahan penggunaan bahasa Melayu standard yang lebih baik kerana ada ketikanya penterjemah gagal

mengungkap mesej dalam bahasa sasaran menyebabkan pembaca tidak dapat memahaminya.

Penterjemah bukan sekadar mencari perkataan-perkataan padanan untuk menggantikan teks asal ke dalam bahasa kedua. Sebaliknya ia adalah satu usaha memindahkan idea, maklumat, semangat dan kesan gaya teks yang diterjemahkan. Hal ini bererti penterjemah perlu memiliki ilmu pengetahuan secukupnya mengenai teori, konsep, prinsip dan kaedah penterjemahan semasa menggarap tugas-tugas berkenaan.

2. Penterjemahan al-Quran hendaklah dijalankan dengan terancang

Rancangan terjemahan hendaklah kita tingkatkan ke peringkat nasional, maka semua perancangan yang dibina dapat dikembangkan selaras dalam konteks yang lebih baik. Penterjemahan tidak boleh dilakukan secara individu dan ia mesti dilakukan dengan terancang. Satu jawatankuasa induk penterjemahan al-Quran di peringkat kebangsaan sememangnya perlu diwujudkan. Fungsinya adalah untuk membentuk dasar bagi penyediaan dan penghasilan terjemahan al-Quran, mencadangkan prosedur kerja dan membuat pertimbangan dan penilaian. Wujudnya jawatankuasa ini, kerja-kerja penterjemahan dapat dilakukan dengan lebih terancang dari segi mengenal pasti penterjemah dan menentukan jangka masa penterjemahan al-Quran serta mempelbagaikan penghasilan kitab terjemahan al-Quran.

3. Usaha-usaha penterjemahan al-Quran hendaklah diberikan pengiktirafan dan insentif yang sewajarnya

Penterjemahan al-Quran bukanlah satu bidang yang mudah, maka pengiktirafan dan insentif yang sewajarnya perlu diberikan agar ia menjadi pendorong kepada para penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang lebih baik dan boleh menjadi satu

kerjaya hakiki kepada mereka bukan lagi kerja sambilan. Royalti sewajarnya dibayar kepada mereka setiap kali kitab terjemahan mereka diulang cetak walaupun kebanyakan penterjemah tidaklah memikirkan tentang soal wang yang menjadi persoalan pokok kenapa mereka terlibat dalam bidang ini. Mungkin mereka lebih bersifat untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dengan ilmu yang mereka ada.

4. Keperluan bagi membangunkan bidang terjemahan dalam arus pendidikan negara

Kementerian Pelajaran seharusnya menyedari keperluan bidang terjemahan dalam pendidikan maka langkah awal bagi memupuk minat para pelajar adalah dengan mendidik teori-teori asas terjemahan di alam persekolahan. Subjek terjemahan perlu dijadikan sebagai mata pelajaran wajib bermula di peringkat awal hingga ke institusi pengajian tinggi supaya pada akhirnya nanti ianya dapat membantu ilmuwan, pelajar serta orang awam ke arah mencari alternatif terbaik dalam mendapatkan teks terjemahan yang bermutu tinggi dan memantapkan lagi bidang terjemahan di Malaysia.

5. Keperluan penyuntingan yang berkaliber

Petugas yang amat penting dalam proses mengeluarkan hasil terjemahan al-Quran ialah penyunting. Fungsinya merangkumi pembetulan susunan ayat, nahu dan perkara-perkara lain untuk menerbitkan penterjemahan yang baik. Kerjasama dan hubungan yang rapat antara penyunting dengan penterjemah amatlah penting untuk menjamin mutu terjemahan dapat dikawal dan kerja dapat disiapkan mengikut jadual. Penyuntingan dengan menggunakan teknologi moden akan lebih memudahkan dan mempercepatkan proses ini. Antara perisian-perisian yang perlu termasuklah penyamakan ejaan, istilah, susunan ayat dan sebagainya. Pihak MIMOS (*Malaysian*

Institute of Microelectronics Systems) ada berkerjasama dengan syarikat-syarikat tertentu dalam membangunkan perisian tersebut.

6. Pusat, fakulti atau jabatan yang mengendalikan program pengajian berkerjasama dalam memupuk minat pada ilmu penterjemahan al-Quran.

Pelajar-pelajar pengajian ilmu-ilmu Islam seperti syariah, hadis, usuluddin dan ilmu-ilmu yang lain hendaklah didedahkan subjek terjemahan al-Quran sebagai satu aspek bagi memperkembangkan ilmu pada hari ini. Latihan-latihan secara formal hendaklah diberikan supaya mereka mengetahui teknik atau kaedah penterjemahan yang betul selain dari penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran. Penterjemah yang terlalu terpesona dengan teks bahasa asal akan bersungguh-sungguh mengekalkan perkataan atau frasa dalam bentuk bahasa asal tanpa terjemah. Manakala yang terlalu yakin dengan bahasa kedua akan berusaha untuk menterjemah semua perkataan walaupun mungkin menghasilkan kekaburan. Sikap yang terbaik ialah sikap yang sederhana dan seimbang. Apabila perkataan tertentu dirasakan perlu dikekalkan maka ia wajar dikekalkan dan demikianlah sebaliknya.

5.3 Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu usaha yang dilakukan bagi membuat perbandingan terjemahan antara individu dengan kumpulan. Semoga hasil kajian ini ada memberikan sedikit sebanyak manfaat kepada bidang terjemahan dan berharap kajian yang lebih terperinci lagi akan dibuat oleh para pengkaji seterusnya. Cadangan-cadangan yang dikemukakan ini boleh membantu dalam melaksanakan penterjemahan dengan lebih tersusun dan rapi agar mendapat hasil seperti mana yang kita hajatkan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

‘ Abd al- Jalīl. (1981). *Lughāt al-Qurān al-Karīm*. Amman: Maktabat al-Risālat al-Hadīthat.

‘ Abd al-Rahman al-Kholil. (2001). kitab al- ‘ A in. Beirut: Dar al-Ihya’

Abdul Basir Awang. (2002). *Ketidakboleh Terjemahan Katawi dari Bahasa*

Arab ke Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (2000). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala

Lumpur: Persatuan Penterjemahan Malaysia.

Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (1994). *Tesaurus Melayu Moden*. Kuala Lumpur:

Utusan Publications & Distrubutors Sdn Bhd.

Abdullah Hassan. (1983). *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa

dan Pustaka.

Abū al-Mawdūdī.(1979). *Four basic Quranic terms*. Lahore: Abu Asad, Islamic

Publication Ltd.

Ahli lajnah Terjemahan dan Tafsir Yayasan Restu. (2007). *Al-Quran Mushaf*

Malaysia dan Terjemahannya. Shah Alam Selangor: Yayasan Restu.

Ahmād Mukhtār Umār. (1982). *Ilmu al-dilalat*. Kuwait: Maktabat Dar al-Urubah.

Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu ‘jam al-Lughāt al-Arabiah al-Mu ‘shorat*. Kaherah:

alamalkotob.

Ahmad Rushadi b. Abdul Majid. (2005). *Partikel Jarr Di Dalam al- Quran : Satu*

Kajian Nahu Dan Makna. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya.

Ahmad Sukri b Mustaffa. (2003). *Terjemahan Surah al-Baqarah: Analisis*

Sintaksis Dalam Tafsir al- Azhar. Kajian Nahu Dan Makna. Disertasi:

Universiti Malaya.

Ainon Muhammad. (1979). *Pengantar terjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Ainon Muhammad. (1994). *Panduan menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Akmal Khuzairi bin Abdul Rahman. (2004). *Masalah Terjemahan al-Quran al-*

Karim : Kajian Teori Dan Amali Dari Segi Konteks Makna Leksikal

Dalam Terjemahan Melayu. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia.

Al-Muslim Bin Mustapa@Abd Rahim. (2010). *Perbezaan Baris I'rab Dan*

Kesannya Dalam Qiraat: Satu Kajian Dalam Surah Al Baqarah.

Disertasi: Universiti Malaya.

Al-Fayūmīyy, Ahmad Bin Muhammad Bin ‘Aliyy. (1987). *al-Misbāh al-Munīr*.

Beirut: Maktābaṭ Lubnān.

Al-Ḥafīz ‘ mād al-Din Abi al-fida’ Ismāīl. (1992). *Tafsir Ibn Kathīr*. Damsyik: Maktabat.

Al-Ḥafīz ‘ mād al-Din Abi al-fida’ Ismāīl. (1992). *Tafsir al-Quran al-Azim*.

Damsyik: Maktabat.

Al-Rāzīyy, Muhammad Bin Abī Bakr Bin ‘abd al-Qādīr. (1986). *Mukhtār al-Sihāh*. Beirut: Maktābat Lubnān.

Arbak Othman. (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam

Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Asmah Haji Omar. (1995). *Perbandingan Abdullah Hussain dan anas Makruf dalam penterjemahan karya Steinbeck “the Pearl”*. Kuala Lumpur

: Universiti Malaya.

Azlina bt. Abdullah Hasim. (2008). *Istithna’ : Satu Analisis Dalam surah Hud*.

Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya.

Catford, J.C. (1996). *Teori Linguistik Bagi Penterjemah*. (Uma A/P Iyavoo, Koh

Chung Gaik, Terjemahan.) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chong Wun Fah. (1997). *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*. Shah Alam Selangor:

Fajar Bakti Sdn Bhd.

Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu. (1991). Kuala Lumpur : Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Fairuz bin Muhammad. (2006). *Asas-Asas Perbezaan Teori Nahu Antara al-*

Zajaj dan al-Nahhas: Satu Kajian Perbandingan. Tesis Doktor Falsafah:

Universiti Malaya.

Fauzi Deraman. (2001). *Pengantar Usul Tafsir*. Kuala Lumpur: Universiti

Malaya.

H.A. Nari Adlany, H. Hanafie Tamam, H.A. Faruq Nasution. (1993). *Al-Quran*

terjemah Indonesia. Jakarta : T Sari Agong

Habibah bt Mat Rejab. (2006). *Warna Dari Perspektif Bahasa Arab Dan*

Melayu: Satu Kajian Kontranstif. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hakim Zainal. (1996). *Tarjamat Ma 'ānī al-Qurān bi al-lughat al-Mālīzīyyat*.

Tesis Doktor Falsafah: Jami 'at al-Urduniyyat.

Hamka Abdul Malik Karim Amrullah. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Yayasan

Nurul Islam.

Hamka Abdul Malik Karim Amrullah. (1998). *Tafsir al-Azhar*. Singapura:

Pustaka Nasional Pte Ltd.

HM.Sonhadji. (1990). *Al-Quran dan tafsirnya jilid x*. Yogyakarta: Universitas

Islam Indonesia.

Hussain b. Unang. (1994). *Kamus Al-Tulab*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

[http: disertasi.blogspot.com](http://disertasi.blogspot.com). tafsir pimpinan-al-rahman.

Ibn Manzūr, Muhammad Bin Mukram Bin Manzūr al-Misrīyy. (1993). *Lisān al*

- *‘A rab*. Kaherah: Dār al-Sādir.

J.A.Simpson and E.S.C.Weiner. (1989). *The Oxford English Dictionary Second*

Edition Vol XVIII . Oxford: Clarendon Press.

Juan C.Sager. (1995). *Kualiti dan Piawai--Penilaian Penterjemahan Dalam*

Panduan Penterjemahan (Bashir M.M Basalamah, Terjemahan.) Kuala

Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarul Shukri Mohd Teh. (2005). *Tatabahasa Arab dan Pembinaan Hukum*

Daripada Al-Quran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan

Pustaka.

Kamus Dewan Inggeris Melayu. (2002). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan

Pustaka.

Kharuf, Muhammad Fahd. (1994). *Al-Qiraat al- ‘ashr al-mutawatirat*. Al-Madinat

al-Munawarat; Dar al-Muhajir.

Lefevere, Andre. (1992). *Translating Literature: Practice And Theory in A*

Comparative Literature Context. New York: The Modern Language

Association Of America.

Mohamad Ali Hasan. (1984). *Penterjemahan Dalam Bidang Sains Di Malaysia*.

Kertas Kerja Persidangan Terjemahan Antarbangsa. Kuala Lumpur.

Muhammad Arsyad bin Abdul Hami. (2009). *Terjemahan Arab-Melayu Dari*

Sudut Makna Pengkhususan : Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah

al-Baqarah. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya.

Muhammad Fauzi bin Jumingan. 1999. *Penanda Wacana Dalam Terjemahan*

Arab-Melayu: Satu Analisis. al-Baqarah. Tesis Doktor Falsafah:

Universiti Malaya.

Muhammad Nur Lubis Abdul Razak. (2004). *Penterjemahan Makna al-Quran:*

Kajian ke Arah Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran. Tesis Doktor

Falsafah: Universiti Malaya.

Mohd. Shukri Hanafi. (2000). *Menterjemah al-Quran: Antara Tuntutan dan*

Realiti. Pulau Pinang: Universiti sains Malaysia.

Mohd Zaki Abd Rahman, Che Radiah Mezah. (2010) . *Ciri-Ciri Bahasa Arab*.

Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Muhyiddin Darwish. (1999) . *I'rab al-Quran al-Karim*. Damsyik : Darul Yamamah.

Newmark, Peter. (1988). *Approaches Translation*. Hemel Hempstead: Prentice

Hall.

Nida Eugene.A. (1964). *Towards a Science of Translation with Special*

Reference to Principles and Procedures Involved in Bible Translation.

Leiden: Brill.

Nida, Eugene A, Taber, C. R. (1964). *Towards a Science of Translation with*

Special Reference to Principles and Procedures in Bible Translation.

Leiden: Brill.

Nida, Eugene A, Taber, C. R. (1969). *The theory and practice of translation*.

Leiden : Brill.

Noriah Mohamad. (1999). *Sosiolinguistik bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau

Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Persatuan Penterjemah Malaysia. (1999). *Prosiding Persidangan Penterjemahan*.

Persatuan Ulama' Malaysia. (2001). *Tafsir al-Munir Juz' Amma*. Petaling Jaya:

Intel Multimedia And Publication.

Persatuan Ulama' Malaysia. (2002). *Tafsir al-Munir Juz' 27*. Petaling Jaya: Intel

Multimedia And Publication.

Rāmādān Abd al-Tāwāb. (1973). *Fusul li fiqh al-lughah*. Kaherah: Maktabat Dar

al-Turath.

Roslan Baki . (1994). *Panduan Mengarang untuk Guru dan Pelajar*. Kuala

Lumpur: Greenridge publishing.

Sabri Bin Ahmad Zabidi. (2010). *Penguasaan Membaca Teks Arab di Kalangan*

Guru Pelatih. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya.

Sheikh Haji Muhammad Idris Abd. Rauf al-Marbawi. (1990). *Kamus Idris al-*

Marbawi. Kuala Lumpur : Darul Fikir.

Sheikh Abdullah Basmieh. (2001). *Kitab Terjemahan Tafsir al-Rahman*. Kuala

Lumpur: Darul Fikir.

Syed Nurul Akla Syed Abdullah. (2001). *Faktor Leksis Dan Budaya Dalam*

Terjemahan Arab-Melayu : Satu analisis Karya Rihlah Ibn Battutah.

Disertasi: Universiti Malaya.

Terjemahan al- Quran Yayasan Kumpulan Penterjemah. (1971). Jakarta:

Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir al-Quran.

Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu. (2008). Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Venutti, L. (1995). ***The Translator's Invisibility: A History of Translation.***

London: Routledge.

Webster's Third New International Dictionary. (1993). Springfield,

Massachusetts: Merriam-Webster Inc.

Yap Eng Moi. (1985). ***Penerapan teori semantik dalam bidang terjemahan***

Dalam jurnal pembinaan da pengembangan bahasa. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yayasan Penyelenggaraan. (1971). ***Al-Quran dan Terjemahan.*** Kerajaan Arab

Saudi.

Yusoff Zaky Haji Yacob.1999. ***Terjemahan Tafsir Fi Zilal al- Quran.*** Kota

Baharu, Kelantan: Pustaka aman Press Sdn Bhd.

Zairul B. Mat Zain. (2007). ***Kata Tanya “ Hal “ Di Dalam al- Quran : Satu***

Kajian Semantik. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya.

Zulkifli Hj. Mohd Yusof. (2002). ***A Study of Tafsir ‘Abr al-Athir and Sonhadji’s***

Methodolgy in Tafsir al-Quran. Johor Bahru, Johor: Rangkaian Pelangi.